

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 28

Khamis

17 Disember 2015

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAAH OLEH DUA ORANG AHLI	(Halaman	1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Mengalualukan Pelantikan Ahli-ahli Baru	(Halaman	1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	3)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015	(Halaman	34)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 17 Disember 2015
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAAH OLEH DUA ORANG AHLI

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah
- Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty

[Upacara mengangkat sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat:

- (i) Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah; dan
- (ii) Yang Berhormat Dr. Mohd. Nor bin Haji Monutty.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saban masa sebagai salah seorang Senator ataupun Ahli Dewan Negara, beginilah keadaannya, angkat sumpah, ikrar taat setia dan sebagainya. Kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang baru sahaja mengangkat sumpah sebentar tadi, kepada Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan, saya mengucapkan tahniah kerana Yang Berhormat dipenggal yang kedua. Maknanya, Yang Berhormat telah pun menyumbangkan selama satu penggal, dan diberi kelulusan untuk penggal kedua. Yang Berhormat sepatutnya bersyukur kerana ada sebahagian Ahli, hanya satu penggal sahaja.

Kepada Yang Berhormat Dr. Mohd. Nor bin Haji Monutty, saya tengok latar belakang dan saya kenal secara peribadi, beliau ini seorang cendekiawan dan sebagai Profesor, Dekan Universiti Islam Antarabangsa, Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Ini menunjukkan kedua-dua Yang Berhormat ini nampaknya merupakan Ahli Dewan Negara yang berkelulusan undang-undang. Dalam hal ini kepada kedua-dua Yang Berhormat, saya ingin memberi pandangan.

Yang Berhormat ialah profesional. Sebagai profesional guaman, mesti tahu undang-undang, dan Yang Berhormat duduk dalam Dewan sebagai salah seorang membuat undang-undang. Oleh yang demikian Yang Berhormat mesti menunjukkan kepakaran, keilmuan yang baik itu kepada negara dan rakyat.

Yang Berhormat daripada golongan politik, kumpulan kaum minoriti dalam negara ini. Sebagaimana rutin pun Yang Berhormat mesti faham sistem berparlimen, Raja Berperlembagaan, sistem demokrasi berparlimen Raja Berperlembagaan. *That is*, dengan izin, *our system in Malaysia*, dan Yang Berhormat mesti faham dan lebih arif dalam perkara ini, tunjukkan kepakaran, kehebatan Yang Berhormat dalam Dewan ini. Jangan main politik dalam Dewan. Saya pernah berkata semangat politik itu berpolitiklah di luar. Apabila duduk dalam Dewan, hormati Dewan, ikut peraturan dan ikut- tadi mengatakan mesti hormat melindungi perlembagaan.

Perlembagaan itu ialah inti pati induk pada segala-galanya. Apabila berhujah, apabila berbahas saya di atas ini selalu mengatakan selagi Yang Berhormat boleh bercakap mengikut secara positif, memberi idea yang baik saya benarkan. Akan tetapi jangan melanggar peraturan dan melanggar perlembagaan. Itu soal pokok dalam cara kita berbahas dalam Dewan. Hormati Dewan. Jangan sesekali tidak menghormati Dewan. Kalau tidak menghormati Dewan tidak layak duduk dalam Dewan ini.

Juga di kebelakangan ini, saya berasa amat risau bahawa Parlimen ini mengandungi dua Dewan, satu Dewan Rakyat, dan satu Dewan Negara. Saya pernah menjadi Ahli Dewan Rakyat tahun 80-an. Keadaan Dewan Rakyat tidak sebagaimana sekarang. Kenapa dan mengapa? Faham-faham dan tanya diri sendirilah. Inilah keadaan yang merisaukan saya. Juga saya ingin menarik perhatian Dewan. Di sini demokrasi berparlimen Raja Berperlembagaan.

Kalau sekiranya mana-mana parti sekalipun, tidak kira pembangkang ataupun kerajaan, lima tahun sekali hak rakyat dan juga perlembagaan mengatakan, adakan pilihan raya umum. Mesti diadakan macam mana pun. Akan tetapi waktu sudah menang itu, hormati suara majoriti. Itu sistem yang saya tengok, dan saya lihat bagaimana negara-negara maju di Barat dan sebagainya. Nampaknya kita boleh berbeza daripada segi pandangan tetapi soal negara kita, ketaatan kita, patriotisme kita pada negara tidak boleh dipertikaikan.

Ini saya mengambil maklum bahawa saya pernah melawat dan lihat sendiri Parlimen negara Jepun bersidang. Kedua-dua pemimpin ada- pembangkang ada, Perdana Menteri ada. Cara mereka berhemah, cara mereka berhujah dan berdebat dengan penuh hormat dan sopan santun. Saya pernah berkata, bilalah sampai masanya di Malaysia boleh buat begini.

Itu saya harap Yang Berhormat semualah, fikirkan dalam-dalam dengan bijaksana bagaimana kita hendak melihat negara kita, Parlimen kita ini mempunyai satu kewibawaan, mempunyai ketaatsetiaan, dan mengikut peraturan Majlis Mesyuarat Dewan kita.

Yang Berhormat, itu sahajalah pandangan saya, dan saya harap kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat Senator- Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, saya kenal so Yang Berhormat, *I want to see*, dengan izin, tunjukkan kehebatan, kepakaran Yang Berhormat untuk menjayakan negara kita, yang lebih aman dan makmur masa hadapan.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh [Tepuk]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakesh Singh** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, penjelasan terhadap jenis-jenis lesen penjualan minuman keras yang dikeluarkan oleh DBKL. Apakah polisi dan syarat pembaharuan lesen penjualan minuman keras bagi mereka yang sudah mempunyai lesen ini untuk beberapa tahun.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kedua-dua Yang Berhormat yang baru dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, terdapat tiga kategori utama lesen untuk menjual minuman keras iaitu lesen runcit, lesen borong dan lesen rumah awam. Kategori lesen runcit di mana pembeli hanya boleh membeli minuman keras di sesebuah premis mulai jam 9 pagi hingga jam 9 malam sahaja. Lesen borong pula pembeli perlu membeli dalam kuantiti yang banyak dengan had masa jualan adalah sama dengan lesen runcit. Manakala lesen rumah awam kebiasaannya lesen ini diluluskan untuk premis hiburan di mana pembeli boleh membeli dan meminum minuman keras di tempat yang sama.

Menurut dasar Lembaga Pelesenan Eksais sedia ada mana-mana pemegang lesen yang mematuhi syarat lesen mereka akan diperbaharui apabila tamat tempoh. Di antara syarat-syarat lesen adalah:

- (i) mempamerkan lesen di sepanjang tempoh perniagaan dijalankan di tempat yang mudah dilihat di premis yang dilesenkan;
- (ii) memastikan tiada pengunjung di bawah umur 21 tahun meminum minuman keras;

- (iii) papan kenyataan mengenai larangan ini hendaklah dipamerkan di pintu masuk utama untuk kategori lesen rumah awam;
- (iv) memastikan tiada pengunjung beragama Islam minum minuman keras di premis;
- (v) papan kenyataan menyatakan larangan ini hendaklah dipamerkan di pintu masuk utama untuk kategori lesen rumah awam; dan
- (vi) mematuhi lesen jualan seperti mana dinyatakan di dalam lesen.

Walau bagaimanapun, DBKL telah menguatkuasakan dasar baru di mana kedai-kedai yang menjual minuman keras semata-mata *stand alone*, dengan izin, tidak akan diluluskan atau diperbaharui lesen. Perkara ini telah dimulakan di kawasan Brickfields dan akan diperluaskan di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi pelesen yang gagal mematuhi had masa atau melanggar apa-apa syarat lesen kelulusan lesen mereka akan dibatalkan tanpa mengambil kira tempoh masa mereka peroleh lesen. Selain itu DBKL juga menetapkan beberapa syarat pembaharuan lesen penjualan minuman keras adalah seperti berikut:

- (i) borang permohonan lesen minuman keras;
- (ii) salinan kad pengenalan pemohon;
- (iii) salinan lesen premis yang masih sah; dan
- (iv) salinan lesen minuman keras yang terdahulu.

Sekian, terima kasih.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakesh Singh: Terima kasih di atas jawapan Timbalan Menteri. Saya ingin membawa perkara di kawasan Brickfields ke Dewan mulia ini. Jika kita pergi ke kawasan Brickfields pada waktu malam kita dapati terdapat banyak *illegal foreign workers*, dengan izin, mabuk di sekitar kerana meminum arak yang murah. Ada juga kereta empat pintu dibuka, but pun dinaikkan, memainkan muzik-muzik yang begitu kuat, terdapat pemuda-pemuda minum di tepi jalan raya. Saya difahamkan DBKL baru-baru ini telah membekukan atau tidak mengeluarkan lesen-lesen bagi kedai *stand alone* seperti diberi keterangan oleh Timbalan Menteri tetapi mereka boleh membeli di *mini market*.

Soalan saya, sama ada tindakan ini berkesan kerana terdapat keadaan ini di Brickfields masih belum lagi berubah dan dengan langkah ini terdapat banyak lagi munculnya kedai-kedai yang menjual arak secara haram. Bagai pendapat saya masalah kita tidak mempunyai satu sistem *enforcement* yang begitu komprehensif. Bagaimanakah DBKL bercadang untuk meningkatkan kualiti *enforcement* kita? Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh. Yang Berhormat untuk makluman Yang Berhormat kedai-kedai yang menjadi mini market ataupun kedai-kedai yang menguruskan perniagaan mereka 24 jam seperti *7Eleven*, *KK Mart* ini adalah dilesenkan di dalam lesen premis. Walau bagaimanapun, mereka juga mempunyai lesen runcit iaitu mereka boleh menjual arak dari pukul 9 pagi sehingga 9 malam. Kalau arak ini dijual selepas ini, mereka melanggar syarat dan kita boleh tarik balik lesen.

■1020

Pada pendapat Yang Berhormat, tentang penguatkuasaan. Memang kita masih mempunyai masalah penguatkuasaan kerana banyak kedai *stand alone* yang telah kita tamatkan lesen, masih beroperasi secara haram. Kita telah pun menyeru pihak PDRM, pihak Kastam dan juga DBKL untuk mengambil tindakan penguatkuasaan dan ia sedang dijalankan berperingkat. Saya percayalah dengan tidak lama lagi, penguatkuasaan ini akan berkesan dan akan menghentikan perbuatan-perbuatan yang tidak diingini di kawasan-kawasan yang tertentu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, dipersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri kita, saya faham apa yang dijelaskan itu. Biarlah saya mengatakan bahawa saya sudah main politik masyarakat 43 tahun di Wilayah Persekutuan ini. Saya tengok ini tidak berkurangan. Kata rokok jangan beli oleh anak sekian umur tetapi arak ini saya tengok makin longgar saya tengok.

Punca segala maksiat dan mabuk-mabuk ini berpunca dari arak ini. Sekarang kita nampak hadir pula dengan judi haram dan kedai-kedai ini, macam-macam berlaku. Saya hendak tanya ini, bagaimana cara yang paling berkesan untuk mengawasi supaya benda ini tidak berleluasa, benda ini akan *stop*? Bagaimana kita hendak tengok bahawa pegawai yang menjaga itu tidak jadi orang kata, 'pegar makan padi'?

Ini benda ini saya rasa, saya minta tadi pengawasan paling ketat dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya jangan berlaku benda-benda yang, 'harapkan pegar, pegar makan padi'. Macam-macam berlaku lagi. Saya tengok akhir-akhir ini kedai judi bertambah, dengan araknya lagi. So, saya dengan hormatnya minta supaya tindakan tegas dan berkesan dibuat oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim. Saya ambil maklumlah apa Yang Berhormat katakan. Saya akan balik ke kementerian untuk lihat bagaimana untuk memperkasakan lagi penguatkuasaan kita.

2. Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, langkah mengatasi aktiviti tangkapan ikan haram di perairan negara jiran yang membabitkan kerugian, mengundang kepada kegiatan pemerdagangan manusia serta perselisihan antara negara jiran ASEAN.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Nogeh anak Gumbek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datin atas soalan yang dikemukakan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia hanya melesenkan vessel/ penangkapan ikan di zon 'A', zon 'B' dan zon 'C' dan zon C2 iaitu di perairan Malaysia Zon Ekonomi Eksklusif berkeluasan 379,820 kilometer persegi dengan panjang pantai 4,675

kilometer. Sehubungan itu, *vessel-vessel* yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan di luar dari perairan Malaysia, ia dikategorikan sebagai aktiviti *illegal, unreported and unregulated fishing*, dengan izin.

Bagi mengatasi aktiviti tangkapan ikan haram di perairan jiran, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) mensyaratkan peralatan alat *mobile transceiver unit* (MTU), khususnya ke atas *vessel* penangkapan ikan laut dalam zon C2.
- (ii) pemantauan melalui sistem satelit iaitu *Vessel Monitoring System*; dan
- (iii) meningkatkan aktiviti penguatkuasaan bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain, khususnya agensi penguatkuasaan Maritim Malaysia. Mana-mana *vessel* yang didapati keluar dari perairan Malaysia tanpa kebenaran atau mendaratkan ikan di negara jiran, ia telah melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan Tahun 1985 dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan. Silakan.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi penjelasan. Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang mengesyorkan agar Akta Perikanan 1985 diperkasakan di samping bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Akta Imigresen 1963 turut diberi penambahbaikan, terutama daripada segi hukuman di samping bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan seperti APMM dan TLDM. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri sila menjawab.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Terima kasih atas soalan tambahan. Kementerian memang bercadanglah untuk bekerjasama dengan Kementerian Luar Negeri dengan juga dengan agensi-agensi yang lain, khasnya Maritim Malaysia. Supaya kita dapat bekerjasama di dalam memantau kegiatan-kegiatan nelayan-nelayan kita dan kita cubalah hendak menghalang nelayan-nelayan kita untuk pergi ke perairan jiran kita. Kalau didapati dengan satelit mereka telah melepasi sempadan kita, kita membuat *call* kepada mereka tetapi ada juga yang masih *continue*, dengan izin, dengan dia orang punya aktiviti dan dengan mempertingkatkan kerjasama dengan Maritim, mungkin kita dapat *stop* mereka, dengan izin, sebelum mereka keluar ke perairan jiran kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Hou Kok Chung.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah tahap keseriusan nelayan-nelayan asing mencero boh ke dalam kawasan perairan kita untuk menangkap ikan? Nelayan negara manakah yang paling banyak

melakukan aktiviti ini? Bagi tahun lepas, berapakah anggaran kerugian kepada negara akibat aktiviti tersebut? Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Pada tahun 2014, di dapati ada 74 bot nelayan asing yang menangkap ikan di perairan Malaysia. Kebanyakannya dari negara Vietnam - 46 bot; Indonesia - 19 bot; Thailand - 8 bot; Filipina - 1 bot; dan daripada segi kerugian, saya belum ada angkanya. Saya akan bagi jawapan yang bertulis. Sekian, terima kasih.

3. Datuk Norliza binti Abdul Rahim minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) pelan pemerksaan golongan ibu tunggal; dan
- (b) bagaimana takrif baharu yang diperkenalkan mampu menjaga kebajikan golongan ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, pada 23 Oktober 2015 yang lepas, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melancarkan Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal. *Task Force* Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal turut diperkenalkan untuk menyelaras serta memantau kemajuan pelaksanaannya di peringkat akar umbi. Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal yang komprehensif yang dibentuk merangkumi aspek pemerksaan daripada segi ekonomi, sosial serta aspek penyelidikan dan penyelarasan.

Selain itu, Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal ini turut memperkenalkan tiga definisi utama berhubung ibu tunggal. Pertama, perempuan yang menjadi ketua isi rumah bertaraf perkahwinan baru atau bercerai, berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama. Kedua, perempuan yang menjadi ketua isi rumah tetapi mempunyai suami, suaminya tidak sihat dan tidak berkemampuan untuk bekerja dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama. Ketiga, perempuan yang menjadi ketua isi rumah, tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak iaitu anak angkat atau anak tidak sah taraf.

Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal yang dibangunkan ini turut mengambil kira Dasar Wanita Negara, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009, Dasar Keluarga Negara dan Pelan Tindakan Keluarga Negara 2010. Selain itu, rujukan terhadap beberapa instrumen antarabangsa juga telah diambil kira.

■1030

Antaranya, Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita, Beijing, *Platform for Action and Millennium Development Goal*, dengan izin. Begitu juga dengan amalan terbaik beberapa buah negara seperti Jepun, Kanada dan Belanda juga telah dikaji bagi

mengharmonikan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal ini. Pelan tindakan ini dijangka akan mampu meningkatkan komitmen agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO dan sektor swasta dalam memastikan kesejahteraan ibu tunggal diberi perhatian sewajarnya di setiap peringkat kitaran hidup mereka selaras dengan arus pembangunan negara.

Pembentukan pelan tindakan serta penubuhan *taskforce* Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal dengan keanggotaan 34 kementerian dan agensi kerajaan ini diharapkan dapat membantu mengangkat martabat ibu tunggal dalam pelbagai aspek terutamanya ekonomi dan sosial. Di samping itu, kementerian juga telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan sama ada dalam bentuk kaunseling, bantuan kewangan secara langsung mahupun dalam bentuk latihan kemahiran dalam usaha untuk membantu menangani masalah ibu tunggal di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab.

Saya cuma ingin bertanya sebab status statistik terkini jumlah ibu tunggal di Malaysia adalah seramai 235,240 orang yang mana lebih kurang dua peratus daripada populasi negara. Jadi, saya rasa golongan ini agak ramai. Soalan saya kepada kementerian, adakah kementerian memikirkan untuk *micro manage*, dengan izin, golongan ibu tunggal ini sama ada perlu tidak ibu-ibu tunggal ini diletakkan di bawah sebuah agensi khas supaya mereka ini dapat dipantau, dibantu, *follow through*, dengan izin, diperkasakan ekonomi mereka untuk memastikan mereka ini dapat membantu menyara keluarga mereka? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat. Kami tidak ada rancangan atau cadangan untuk mengadakan sebuah agensi atau unit sendiri untuk kita memantau atau kita beri bantuan kepada ibu tunggal. Akan tetapi, kami telah pun menubuhkan satu *task force* pemantauan isu-isu pemerkasaan ibu tunggal yang mana dianggotai oleh 34 buah agensi kerajaan.

Buat masa ini, kita telah pun mengadakan enam buah zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Tengah, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak yang mana *task force* yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Azizah ini akan turun padang ke semua zon ini untuk, pertama, beri taklimat kepada masyarakat dan juga ibu tunggal, berdialog dengan ibu tunggal dan juga kita bawa juga semua agensi yang terlibat untuk buat pendaftaran seperti eKasih dan juga beri bantuan atau penjelasan kepada ibu tunggal yang perlukan bantuan ekonomi melalui TEKUN, Amanah Ikhtiar dan selainnya. MATRADE juga ada bersama. Oleh itu, inilah jawapan yang saya dapat beri.

Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana banyak membantu program-program ibu tunggal.

Soalan saya, saya ingin mendapatkan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai dengan Program 1AZAM yang dikatakan diperkemas kini dan akan diperbesarkan peruntukannya. Saya memohon supaya program ini dapat diperluaskan daripada skop ekonomi khasnya untuk ibu tunggal bagi aktiviti-aktiviti perkhidmatan berbanding dengan pengeluaran yang selama ini. Sebagai contohnya, yang

mana 1AZAM telah pun diberi mesin jahit, oven dan mesin membuat mi. Cadangan saya supaya diberi komputer yang mana ibu-ibu tunggal ini memang untuk membeli komputer pun tidak dapat. Selain daripada itu, kita beri bimbangan juga untuk mereka ini latihan untuk pengeluaran latihan perniagaan untuk mereka mahir daripada segi perniagaan. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui Program 1AZAM khususnya AZAM Niaga dan AZAM Khidmat untuk golongan miskin dan miskin tegar yang berdaftar dalam sistem eKasih termasuk juga ibu-ibu tunggal yang miskin.

AZAM Niaga menyediakan peluang menjana pendapatan melalui perniagaan kecil-kecilan dengan kemudahan latihan dan skim kredit mikro. Antara jenis perniagaan yang boleh diusahakan ialah produk makanan dan minuman, barangan kraf tangan dan perniagaan runcit. AZAM Khidmat pula menawarkan peluang menjana pendapatan melalui bidang perkhidmatan dengan memberi latihan kepada peserta bagi membolehkan mereka mempunyai kemahiran tertentu seperti penjagaan diri dan refleksiologi, urutan dan andaman pengantin.

Daripada sejumlah 37,625 orang peserta bagi tempoh 2010 sehingga 30 Jun 2015, seramai 31,528 orang iaitu 83.7 peratus merupakan wanita dan seramai 4,341 orang merupakan ibu tunggal. Cadangan yang dikemukakan atau diutarakan oleh Yang Berhormat kita ambil maklum dan untuk pertimbangan kementerian. Sekian, terima kasih.

4. Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal minta Perdana Menteri menyatakan, apakah kerajaan mempunyai rancangan bagi menampung keseluruhan caj perkhidmatan bas sekolah untuk meringankan beban ibu bapa yang mempunyai anak lebih daripada 2 orang seperti mana yang dipraktikkan di negara-negara maju.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada dibahagikan kepada dua bahagian... *[Menyemak dokumen]*
Maaf ya. Banyak soalan hendak dijawab.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula musim persekolahan tahun 2015, kadar tambang perkhidmatan bas sekolah telah melalui proses *deregulasi*. Ini bermakna kadar tambang bas sekolah tidak lagi dikawal oleh pihak SPAD.

Penetapan kadar tambang bas sekolah ditetapkan melalui rundingan dan persetujuan di antara pengendali bas sekolah dan juga ibu bapa atau penjaga. Harga yang dirunding dan ditetapkan adalah satu harga yang mampu dibayar oleh ibu bapa atau penjaga murid. Ini kerana sekiranya pengendali bas sekolah ingin mengenakan harga yang tinggi dan tidak munasabah, ibu bapa atau penjaga akan beralih kepada pengendali yang lain.

Terdapat kesan-kesan positif secara langsung dan tidak langsung hasil daripada pelaksanaan *deregulasi* tambang ini seperti permohonan permit bas sekolah yang terus meningkat dan kurangnya aduan mengenai perkhidmatan bas sekolah.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, tiada skim atau bantuan khas bagi caj perkhidmatan bas sekolah. Namun, ibu bapa atau penjaga yang mempunyai dua atau lebih orang anak yang menggunakan perkhidmatan dengan pengendali bas sekolah yang sama kini boleh berbincang dengan pengendali bas sekolah berkenaan untuk meminta diskaun kerana kadar tambang tidak lagi ditetapkan hadnya. Rundingan ini boleh dibuat secara langsung.

Selain itu, rundingan dan pertimbangan lanjut boleh dilaksanakan oleh kedua-dua pihak bagi mendapatkan situasi yang memberi kelebihan kepada kedua-dua pihak iaitu *win-win situation*, dengan izin. Antaranya boleh dicadangkan agar ibu bapa atau penjaga berbincang dan mendapatkan kemuafakatan dengan lebih ramai ibu bapa atau penjaga lain di kawasan kediaman yang sama untuk mendapatkan perkhidmatan bas sekolah dengan harga yang lebih berpatutan. Ini kerana jika sesuatu kawasan tersebut boleh menjanjikan jumlah murid yang cukup, kos operasi kepada pengendali bas sekolah akan menjadi lebih rendah dan oleh yang demikian, pengendali mampu untuk menawarkan harga yang lebih kompetitif. Sekian, terima kasih.

■1040

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri yang menjawab. Kita sedar akan inisiatif dan komitmen kerajaan dalam membela nasib rakyat terutama miskin bandar dan juga luar bandar. Pelbagai usaha telah dan sedang diambil oleh kerajaan dalam memperkasakan ekonomi rakyat melalui pelbagai saluran. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan dapat meneliti kembali bahawa terdapat ramai pelajar yang tidak dapat membuat bayaran tambahan bas sekolah sehinggakan mereka ingin pergi ke sekolah dan terdapat juga senarai penuh oleh sekolah sendiri berhubung pelajar-pelajar yang gagal hadir kerana masalah bayaran tambahan bas sekolah. Apakah kerajaan akan melihat kembali bantuan bayaran bas sekolah selaras dengan negara-negara maju terutama komuniti miskin bandar? Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ingin saya nyatakan di sini, saya ini akan menyentuh mengenai agensi-agensi yang lain yang membantu sebab skop SPAD adalah berbeza daripada apa yang dinyatakan yang melibatkan pelajar sekolah. Namun begitu, seperti yang dinyatakan tadi, kerajaan memang prihatin melalui pelbagai cara untuk membantu.

Jadi antara bantuan yang diberikan oleh kerajaan, kita memang tiada peruntukan khas disediakan perkhidmatan bas sekolah namun kerajaan melalui pelbagai agensi menunjukan kepada golongan sasaran. Jadi golongan sasaran itu sebagai contohnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah iaitu KKLW melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menyediakan pengangkutan pergi dan balik ke sekolah kepada anak-anak atau pelajar Orang Asli. JAKOA di setiap negeri akan melantik operatornya melalui proses sebut harga.

Selain daripada itu juga, Kementerian Pertahanan juga turut menyediakan perkhidmatan bas sekolah kepada anak-anak pegawai dan anggota tentera yang tinggal di dalam kem. Selain daripada itu juga, saya percaya Kementerian Pendidikan juga mempunyai skim-skim tertentu untuk membantu anak-anak yang digolongkan di kalangan orang-orang yang miskin dan memerlukan bantuan walaupun tidak secara langsung ataupun *direct*, dengan izin, untuk membantu daripada segi membayar bas sekolah tetapi bantuan yang lain yang diberi itu ialah untuk menampung perbelanjaan seperti tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kita selalu mendengar kanak-kanak sekolah yang menaiki bas dan bila turun daripada bas, ada anak-anak kita yang *dikidnap* yang tidak masuk ke sekolah, ke tempat lain. Kalau saya merujuk kepada sistem di Korea contohnya, bila kita dari dapur menghantar anak kita ke bas itu sudah ada CCTV. Bila naik sahaja bas, dalam bas itu juga ada CCTV, kita boleh tekan telefon kita dan kita dapat melihat anak-anak kita melompat dalam bas itu. Bila turun hendak masuk ke pagar sekolah, ada CCTV dan kita masih boleh monitor anak kita sehingga masuk ke dalam kelas, *class room*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya, adakah kementerian bercadang untuk berbincang dengan Kementerian Pendidikan, dengan SPAD, dengan operator-operator bas ini untuk dimasukkan sistem ini. Saya faham kosnya tinggi tetapi bagi sekolah di Klang Valley, saya ada mendengar bahawa ada PIBG yang begitu kaya-raya yang sanggup untuk mengimplementasikan sistem ini tetapi kekangannya daripada kementerian sendiri. Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih. Saya mendengar cadangan Yang Berhormat tadi, saya pun berminat sebab itu satu cadangan yang begitu baik sekali. Memang pernah dulu kita berbincang mengenai spesifikasi seperti ini untuk dimasukkan di dalam bas tetapi itu adalah seperti Yang Berhormat sebut tadi, ia memang akan membelanjakan kos yang tinggi. Akan tetapi saya percaya ini secara dari semasa ke semasa ia boleh diambil kira.

InshaaAllah kita, bukan sahaja daripada cadangan Yang Berhormat itu, memang sudah difikirkan. Cuma Yang Berhormat sentuh tadi melibatkan luar daripada bas, itu saya percaya boleh juga dibincangkan kerana pihak PBT terlibat, pihak MOE terlibat, pihak KDN juga terlibat. Jadi ia, *I think it worth* dengan izin, *it worth to be discussed with other ministries*, dengan izin. Jadi itu satu cadangan yang begitu baik sekali kalau sekiranya ia dapat dilaksanakan secepat yang boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. **Dato' Khairudin Samad** minta Menteri Kesihatan menyatakan, setakat mana kerajaan berjaya menghasilkan agen *anti-cancer*, *anti-inflammatory*, *anti-microbial*, *anti-diabetic* dan *anti-dengue* daripada herba tempatan melalui Majlis Pembangunan Herba Negara (MPHN) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) yang mana bertanggungjawab mempromosikan penyelidikan perubatan tradisional dan herba untuk digunakan oleh pesakit berkaitan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad. Soalannya berkenaan dengan produk herba tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Institut Penyelidikan Perubatan ataupun IMR memang telah dan terus menjalankan kajian bagi memastikan ubat-ubatan berasaskan herba adalah berkesan dan selamat untuk digunakan oleh pesakit-pesakit yang berkaitan. Kajian ubat-ubatan herba pada dasarnya melibatkan dua peringkat, pertama iaitu pra klinikal dan klinikal.

Peringkat praklinikal ialah di mana kajian dijalankan ke atas sel-sel dan haiwan bagi memastikan herba yang standard dibuktikan berkesan dan selamat untuk digunakan oleh manusia. Keberkesanan sesuatu herba menjalankan sesuatu aktiviti seperti membunuh kuman, mengurangkan kandungan gula di dalam darah, membunuh sel-sel kanser atau menghalang tumbesaran sel kanser perlu dibuktikan sebelum ia boleh dipanggil *anti-microbial*, *anti-diabetic* ataupun *anti-cancer*.

Mekanisme bagaimana ubat herba tersebut bertindak di dalam badan bagi menghasilkan sesuatu aktiviti turut perlu juga dikaji. Kajian keselamatan adalah berdasarkan jangkaan tempoh masa ubat herba tersebut akan digunakan. Sebagai contoh, *anti-diabetic* ia adalah ubat herba yang akan digunakan dalam jangka masa yang panjang. Oleh itu, kajian keselamatan di dalam haiwan akan mengambil masa sekurang-kurangnya setahun. Dalam keadaan ini, tempoh masa yang diperlukan akan menjadi lebih lama.

Pada peringkat klinikal pula, kajian adalah bagi menentukan dos yang selamat digunakan, ubat herba tersebut berkesan dan tidak mempunyai kesan-kesan sampingan yang memudaratkan ke atas manusia. Terdapat beberapa fasa iaitu fasa 1, 2 dan 3 di mana kajian ke atas manusia dijalankan secara berperingkat. Kesemua peringkat ini mengambil masa yang lama dan bertahun-tahun. Ia juga menuntut perbelanjaan yang tinggi dan pada tahun-tahun terdahulu, kajian dijalankan secara rawak dan kurang teratur. Semenjak kita tubuhkan MPHJN ataupun Majlis Pembangunan Herba Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian, usaha ini telah dijalankan dengan lebih teratur berdasarkan dana yang stabil.

Buat masa ini terdapat beberapa ubatan herba yang dalam kajian yang berada di pelbagai peringkat dan ada yang telah berada di peringkat klinikal. Antaranya *anti-dengue*, ini betik dan selepas itu *protective agent* seperti *Hepar-P* ataupun dukung anak dijangkakan dalam masa beberapa tahun akan datang ubat-ubat herba ini serta beberapa jenis produk lain akan dapat digunakan dengan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada senarai herba yang dalam kajian sekarang ini iaitu ada 17 kesemuanya di peringkat ini. tongkat ali di peringkat praklinikal dan klinikal, dukung anak ada dua jenis, satu di peringkat praklinikal dan klinikal. Satu lagi di bawah pra klinikal. Betik sekarang ini di peringkat pra klinikal dan klinikal dan lain-lain yang saya sebut ini ialah di peringkat praklinikal iaitu kacip fatimah, hempedu bumi, *roselle*, dukung anak yang satu jenis satu lagi itu, halia, kunyit, mas cotek, ketum, mengkudu, misai kucing, sirih, kaduk, gelenggang dan juga sambung nyawa Tuan Yang di-Pertua.

■1050

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya sedikit. Kalau kita lihat sekarang ini ada jenis ubat untuk kanser yang diberi nama B17 kalau tidak salah saya, yang ini banyak diguna dan mahal kerana diimport. Durian belanda contohnya yang digunakan untuk kanser juga tetapi saya tidak dengar Yang Berhormat Menteri bercerita tadi.

Kenapa kita membuat kajian yang begitu lama padahal kalau kita tengok dalam *website*, herba-herba ini semua banyak yang telah pun digunakan oleh manusia dan selamat kerana kita tahu orang-orang asli umpamanya mereka melihat binatang itu makan daun itu baru mereka gunakan daun itu dan mereka yang memasarkan, membuat promosi. Ini Orang-orang Asli dan di Sabah dan Sarawak, orang-orang yang tinggal di dalam hutan, orang Iban dan sebagainya. Akan tetapi kenapa kita mengambil masa yang begitu lama? Adakah kita baru memulakan, dan adakah kita perlu mendapat kelulusan daripada FDA dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad tadi memang dalam pasaran berbagai-bagailah herba yang telah pun dijual. Akan tetapi yang sebenarnya saya sebutkan tadi senarai B17 ini kajian secara rasmi di bawah Majlis Pembangunan Herba Negara (MPHN). Kajian yang tidak rasmi banyak lah.

Ini adalah *claim* yang sepatutnya tidak boleh dibuat, kalau ikut peraturan tidak bolehlah, yang dipanggil *high claim*. Ubat ini untuk kencing manis, untuk darah tinggi, untuk kanser tidak bolehlah tanpa kajian tidak boleh kita *claim*. Ini kerana kita tidak tahu kesannya yang sebenar, *long term short term*, sama ada ada kesan sampingan atau sebagainya. Oleh sebab itu kita amat berhati-hati.

So saya hendak beritahu bahawa setiap ubat yang dipasarkan dan setiap herba yang dipasarkan mesti daftar dengan bahagian farmaseutikal kita. Ia akan bagi nombor MAL sekian-sekian nombor dan belakang ada "T". Itu bermakna didaftar. Bahagian BPFK hendak tahu apa kandungannya. Pada kotaknya kena sama dengan isi kandungannya.

Kemudian juga hal yang pernah ditanya kepada saya tentang kosmetik contohnya, bahan kosmetik kegunaan luaran, di kulit. Jadi ini cuma perlu daftar sahaja tetapi kalau ada kesan-kesan sampingan, ada orang komplain, ada buat aduan, kita akan semak pula dan kalau didapati memang ada bahan-bahan yang terlarang kita akan rampas dan kita ambil tindakan ke atas syarikat yang berkenaan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah berkait dengan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2013 yang kita telah luluskan baru-baru ini. Sehingga kini berapakah pengamal perubatan tradisional dan komplementari yang berdaftar di bawah akta ini?

Khususnya berkait dengan pesakit-pesakit kanser hari ini yang begitu takut untuk merujuk kes-kes mereka kepada pihak hospital dan merujuk kes-kes sakit mereka ini kepada pihak pengamal perubatan tradisional sehingga akhirnya di peringkat serius atau *third stage* atau *fourth stage* barulah merujuk kepada pihak kesihatan. Jadi sejauh manakah usaha pihak kementerian bersama dengan konsultasi ataupun perundingan dengan pihak pengamal perubatan tradisional bagi mengelakkan hal-hal ini daripada terus berlaku? Bagaimanakah konsultasi dan perundingan yang telah dibuat? Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Apabila disebut Akta TCM ini atau akta *Traditional and Complimentary Medicine* memang diluluskan tahun 2013 dan sekarang di peringkat belum *dienforce* lagi kerana kita dalam usaha untuk mengadakan peraturan dan juga menubuhkan Majlis TCM ini. Ini memakan masa sedikit dan saya yakin dan tidak lama lagi akan selesai dan barulah kita berdaftar secara rasmi.

Sekarang ini memang ada pendaftaran tetapi tidak rasmi, tidak dipaksa lagi. Akan tetapi apabila sudah ada Majlis ini, sudah *enforce* undang-undang ini, maka wajib setiap pengamal perubatan tradisional mesti berdaftar tidak kiralah sama ada dia perubatan Melayu, Cina, India dan Sabah Sarawak dan juga perubatan Islam dan sebagainya, ia mesti berdaftar apabila sudah ada Majlis ini. Maka masa itulah kita akan buat kawalan dan ada pula peraturannya terhadap pengurusan dan sebagainya. Ini semua termaktub dalam Majlis yang akan ditubuhkan tidak lama lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

6. Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif @ Mohd Sharif minta Menteri Pendidikan menyatakan, bagaimanakah penyelarasan perjawatan Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas Sekolah Menengah (DG44) dengan Guru Penolong Kanan yang lain (DG48) di mana tiada elaun tanggungjawab bagi Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas pada masa ini walaupun tugas dan tanggungjawab sama dengan Guru Penolong Kanan yang lain.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Terima kasih Yang Berhormat Senator yang hebat dari Negeri Sembilan. Tuan Yang di-Pertua, jawatan Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Penolong Kanan Ko-kurikulum yang diwujudkan di semua sekolah menengah adalah berdasarkan kepada keperluan dan bertanggungjawab bagi membantu pengetua di sekolah tersebut. Manakala perjawatan Penolong Kanan Pendidikan Khas tidak kekal dan boleh berubah bergantung kepada jumlah kelas yang ditawarkan di sesebuah sekolah.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jawatan Penolong Kanan Pendidikan Khas diwujudkan sekiranya sekolah tersebut mempunyai sekurang-kurangnya lima buah kelas di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi sekolah menengah dan empat buah kelas PPKI bagi sekolah rendah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif.

Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Menteri Pendidikan yang menjawab juga hebat. Ini kita tahu bahawa murid-murid yang berada di pendidikan khas ini mereka yang

tidak senasib seperti kita, seperti anak-anak lain, namun ia perlu dibela. Kadangkalanya penyakit ini tidak dapat diubat seperti *down syndrome*, disleksia, hiperaktif dan sebagainya. Guru yang mengajar pastinya guru yang sabar, guru yang mengetahui apa murid-murid ini punya kelemahan dan juga kelebihan.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri yang hebat, kenapa tidak kita berikan jawatan hakiki DG48 kepada Penyelia Petang sekolah menengah sedangkan beban tugas sama seperti GPK yang lain. Juga berapa ramai guru GPK Khas ini terlibat dalam kementerian yang kita telah wujudkan? Kenapa kita wujudkan sedangkan kita menafikan hak mereka sama seperti GPK yang lain. Sekurang-kurangnya kita beri insentif kepada mereka.

Keduanya, apakah perancangan Kementerian Pendidikan bagi kita memperluaskan pendidikan vokasional kepada mereka yang aliran pendidikan khas ini supaya mereka ini boleh hidup berdikari satu masa nanti walaupun peringkat usia akan meningkat dan sebagainya? Berapa jumlah sekolah ataupun perintis ataupun *pilot project* yang kementerian telah buat dan laksanakan? Sejauh mana kejayaan yang kita dapat peroleh daripada pengajaran vokasional kepada pendidikan khas ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Chong Sin Woon: Ini soalan tambahan lima soalan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya tentang Penolong Kanan Pendidikan Khas DG44. Seperti mana jawapan saya tadi jawatan ini bukanlah satu jawatan yang kekal. Ia bergantung kepada keperluan sekolah. Ia tidak sama dengan penolong kanan yang lain seperti Penolong Kanan 1, Penolong Kanan Kokurikulum ataupun Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

Keduanya, tugas dan tanggungjawab Penolong Kanan Pendidikan Khas ini pun tidak sama seperti penolong kanan-penolong kanan yang lain. Ia tidak boleh mewakili jawatan ataupun tanggungjawab pengetua sekiranya pengetua tidak ada. Jadi ia tidak sama tanggungjawabnya. Jadi tidaklah kita menganiaya kepada Penolong Kanan Pendidikan Khas ini.

Keduanya kita memang sudah menaikkan elaun insentif kepada Penolong Kanan Pendidikan Khas daripada RM100 sebelum ini kepada RM250 sebulan.

■1100

Jadi kita memang menjaga untuk PK Pendidikan Khas. Menjawab kepada soalan berapakah jawatan yang kita ada sekarang, kita pada tahun 2014, bilangan jawatan Penolong Kanan Khas adalah seramai 605 orang untuk sekolah rendah dan seramai 332 orang untuk sekolah menengah. Jadi kita memang mempunyai Pendidikan Khas untuk menjaga keperluan. Saya faham bahawa murid-murid yang tidak bernasib baik seperti kita itu tetapi memang di bawah jagaan Kementerian Pendidikan dan dalam kurikulum Pendidikan Khas itu sesuai dengan keperluan yang diperlukan oleh anak-anak kita.

Maka bukan sahaja kita mempunyai sekolah khusus untuk Pendidikan Khas tetapi kita juga mempunyai sekolah ataupun kelas-kelas di sekolah biasa untuk menampung keperluan. Maka Pendidikan Khas ini kurikulumnya itu diolah dan direka khas untuk keperluan mereka dan di situ memang

ada ajaran yang khusus untuk membantu mereka mencapai skil untuk mereka menghadapi kehidupan masa depan. Sekian, terima kasih.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk jawapan. Soalan tambahan saya mengenai guru-guru Pendidikan Khas yang mempunyai latihan khusus untuk mengajar murid-murid berkeperluan khas. Adakah mereka dihantar ke sekolah-sekolah di mana keperluan mereka dikehendaki? Selalunya kita dapat rungutan daripada ibu bapa bahawa guru-guru yang mengajar anak-anak khas mereka ini tidak terlatih. Jadi adakah bahagian ataupun sebuah badan untuk memantau supaya guru-guru ini dihantar ke sekolah-sekolah yang berkenaan yang memerlukan tenaga pengkhususan mereka. Terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Memang Kementerian menghantar guru-guru yang mempunyai latihan untuk Pendidikan Khas untuk mengajar Kelas Pendidikan Khas. Guru mempunyai skil untuk mengajar murid-murid yang memerlukan perhatian yang khusus. Saya bagi beberapa angka ataupun *figure*, dengan izin. Masa kini, kita mempunyai kelas sebanyak 1,390 untuk sekolah rendah dan jumlah kelas untuk sekolah menengah ialah sebanyak 4,939.

Ini tidak termasuk sekolah Pendidikan Khas. Ini sekolah harian biasa yang kita adakan kelas Pendidikan Khas untuk pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan dan guru-guru yang cukup disediakan untuk Pendidikan Khas. Menjaga kepada anak-anak kita yang memerlukan pengajaran Pendidikan Khas termasuklah mereka yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran, pembelajaran dan disleksia dan itu diambil kira sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

7. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) keperluan mewujudkan inovasi inklusif dalam menangani ketidaksamarataan yang semakin melebar antara golongan kaya yang miskin; dan
- (b) apakah kerajaan bersedia untuk campur tangan dalam memastikan agihan kekayaan yang adil dalam ekonomi negara dan menghapuskan ketidakadilan sosial yang timbul.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum itu saya ada menerima utusan dari Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab iaitu Dato' Sri Abdul Wahid. Beliau tidak dapat menjawab soalan ini kerana ada urusan mustahak penting bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Namun, beliau telah memaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri, Puan Hajah Nancy akan menjawab bagi pihak Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada dua bahagian. Saya akan menjawab bersekali kerana kedua-duanya saling berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, elemen inovasi inklusif sememangnya merupakan satu keperluan dan ia telah menjadi parameter utama kerajaan dalam usaha menangani ketidaksamarataan pendapatan dan agihan kekayaan serta ketidakadilan sosial dalam kalangan rakyat. Dalam konteks ini, kerajaan berusaha memastikan segenap lapisan rakyat tanpa mengira warna kulit, agama, tahap sosial ekonomi dan kedudukan geografi mendapat peluang saksama bagi mengambil bahagian dan mendapat faedah daripada pembangunan negara.

Ini termasuk langkah berterusan untuk menstrukturkan semula sosioekonomi rakyat dalam Rancangan Malaysia Kesebelas khususnya melibatkan isi rumah berpendapatan 40% terendah iaitu isi rumah B40, melalui pelbagai langkah terutamanya dalam bidang pendidikan, pengajian tinggi dan latihan kemahiran, keusahawanan serta penyediaan kemudahan *amenity* dan infrastruktur asas.

Secara khususnya, elemen inovasi inklusif dapat dilihat dengan jelas dalam Rancangan Malaysia Kesebelas berdasarkan contoh inisiatif seperti berikut:

- (i) memperkenalkan sistem jaringan perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif di mana pelbagai program bantuan akan di selaras dan pelbagai pangkalan data penerima bantuan akan di integrasi bagi memastikan pelaksanaan bantuan yang efektif;
- (ii) memperkenalkan indeks kemiskinan pelbagai dimensi atau *Multidimensional Poverty Index* (MPI) dengan izin, sebagai indikator pengukuran kemiskinan relatif untuk melengkapi kaedah pengukuran berasaskan pendapatan mutlak;
- (iii) membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial untuk meningkatkan kemapanan, perusahaan dan memperluas manfaat ekonomi kepada lebih ramai anggota masyarakat; dan
- (iv) menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti isi rumah B40 bagi meningkatkan peluang pekerjaan dan keusahawanan serta menyumbang kepada pembangunan pusat pertumbuhan baru.

Dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan yakin ketidaksamarataan pendapatan dan agihan kekayaan dalam kalangan rakyat akan dapat terus diperbaiki dan seterusnya mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2020.

Oleh sebab Yang Berhormat menyebut mengenai ketidaksamarataan antara golongan kaya dan miskin di negara ini semakin melebar, izinkan saya memperbetulkan persepsi tersebut kerana perangkaan rasmi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan sebaliknya iaitu:

- (i) pekali Gini telah berkurang daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.401 pada tahun 2014;
- (ii) nisbah ketidaksamarataan pendapatan antara kumpulan isi rumah berpendapatan 20% tertinggi iaitu isi rumah T20 dan isi rumah B40 menurun daripada 6.9 kali ganda pada tahun 2009 kepada 5.6 kali ganda pada tahun 2014; dan

- (iii) agihan pendapatan isi rumah B40 kepada jumlah pendapatan meningkat daripada 14.3% pada tahun 2009 kepada 16.5% pada tahun 2014.

Ini jelas menunjukkan bahawa jurang pendapatan dalam kalangan rakyat Malaysia semakin mengecil dan bertambah baik dan bukanlah seperti tanggapan sesetengah pihak. Sekian, terima kasih.

8. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, usaha kerajaan dalam mempertimbangkan elaun bulanan pembayaran insentif pengeluaran getah (IPG) sebanyak RM500 kepada lebih 530,000 orang pekebun kecil dan penoreh getah yang terjejas berikutan kejatuhan harga komoditi berterusan sehingga sekarang.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum* dan salam sehati sejiwa. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Shahanim.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan amat prihatin akan masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil getah yang berjumlah lebih 300,000 orang dan mengusahakan 95% daripada jumlah kawasan tanaman getah di negara ini. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membantu mengatasi masalah yang dihadapi semasa penurunan harga getah.

■1110

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini selepas menilai beberapa pendekatan adalah didapati cara yang paling munasabah untuk membantu pekebun kecil adalah dengan melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG), dengan izin. Program IPG ini telah dimulakan semenjak bulan Januari 2015 dan ia adalah dikaitkan dengan pengeluaran getah oleh pekebun kecil. Pihak kerajaan yakin pendekatan ini akan membantu mengurangkan beban pekebun kecil dengan memastikan pendapatan mereka tidak berada di bawah paras garis kemiskinan.

Selain daripada itu, tujuan IPG juga adalah untuk menggalakkan pekebun kecil meneruskan aktiviti penorehan bagi menjamin bekalan getah adalah berterusan untuk memenuhi keperluan industri. Selain daripada IPG Tuan Yang di-Pertua, yang dilaksanakan oleh pihak kementerian, pihak RISDA di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah juga membantu pekebun kecil menangani impak penurunan harga getah daripada semasa ke semasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya masih berharap agar kementerian dapat mempertimbangkan elaun bulanan kepada penoreh-penoreh getah seperti juga nelayan di mana nelayan-nelayan kita mendapat elaun bulanan sebanyak RM200. Ini kerana masih ada penoreh getah di negeri saya iaitu seperti di Baling yang amat daif yang masih lagi membeli beras sehari sekilo, sehari dua kilo bergantung pada jualan getah.

Soalan saya, bolehkan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komuniti bersama KKLW, di mana di bawah KKLW adanya RISDA duduk bersama, berbincang dan bersungguh-sungguh untuk mencari satu pendekatan terbaik selain daripada bantuan *one-off* iaitu untuk memberi juga bantuan bulanan kepada penoreh getah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Senator Shahanim. Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri dapat merasai keperitan Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya kawasan-kawasan Yang Berhormat sendiri terlibat dengan begitu ramai para pekebun kecil kita yang terlibat impak akibat daripada kejatuhan harga getah pada hari ini. Pihak kerajaan memang pernah memberikan bayaran ataupun elaun secara *one-off* Bantuan Khas Akibat Kejatuhan Harga Getah melalui RISDA di bawah KKLW sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2013 dan 2014 Tuan Yang di-Pertua.

Namun, sekali *one-off* melibatkan hampir RM150 juta dan kita maklum akibat daripada ini, implikasi kewangan yang bakal ditanggung oleh kerajaan sangatlah besar terutamanya jika secara bulanan. Ini kerana pekebun kecil kita, 95% daripada industri getah ini pekebun kecil.

Bukan bermakna pihak kerajaan tidak cukup prihatin sebagaimana sektor nelayan, petani dan sebagainya, namun setelah kita pihak kakitangan kementerian MPIC, dengan izin, dan juga Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, kita memang ada jawatankuasa khas duduk berbincang dan kita memikirkan implikasi kewangan yang cukup besar. Pada masa ini, yang mampu dilaksanakan oleh pihak kerajaan IPG ataupun Insentif Pengeluaran Getah yang memberi fokus kepada produktiviti.

Ini bermakna bukan secara bulanan atau *one-off* tanpa mengambil kira produktiviti, tetapi merupakan galakan untuk mereka meneruskan penorehan walaupun pada harga yang rendah dan untuk memenuhi keperluan industri juga. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, *inshaaAllah* daripada semasa ke semasa kita ambil perhatian dan akan terus membela rakyat ataupun para pekebun kecil getah sebagaimana yang sewajarnya apabila keadaan kewangan negara bertambah pulih daripada semasa ke semasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membawa hasrat daripada orang kampung saya, banyak penoreh getah. Di Jempol kawasan FELDA, kawasan penanaman getah yang paling besar. Di Batu tak ada, di Gombak juga tak ada. Soalan saya, dalam soal ini memang pekebun kecil dan penoreh getah menghadapi masalah yang sangat teruk bila mana buka sekolah ini bantuan persekolahan RM100 dapat, BR1M dapat tetapi mereka ini hendakkan sama seperti bagaimana sara hidup nelayan laut, nelayan sungai seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Shahanim sebentar tadi.

Manakala FELDA pun bagi sara hidup RM1,500 sebulan tanpa torehan, tanpa ambil apa pun selama hasilnya keluar. Jadi bila kita tengok harga lantai RM2.20 satu kilo, jadi harga lantai ini pun juga tidak menolong, membantu mereka pekebun kecil yang bawah lima ekar ini seperti dua ekar atau tiga ekar. Walaupun naik 10 sen, 20 sen, ini tak ada. Akan tetapi saya berharap ataupun dengan adanya GST ini, keuntungan *collection* GST ini dapat kita ambil kira *touch point* untuk pekebun kecil bawah lima ekar. Ini sangat-sangat diperlukan. Jadi soalan saya, adakah kajian menyeluruh menunjukkan bahawa rakyat di luar sana, penoreh getah ini terbela seperti mana nelayan laut dan juga sungai, apa yang dia dapat peroleh. Terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Mohd. Salim atas soalan yang penuh luahan rasa yang dapat merasai denyut nadi pekebun kecil, terima kasih banyak ya. Itu adalah

antara yang diperjuangkan oleh pihak kementerian juga Yang Berhormat, termasuklah oleh RISDA, FELDA dan sebagainya. Namun Yang Berhormat, sebagaimana saya jelaskan tadi juga atas kekangan-kekangan tertentu buat masa ini, kita ambil kira pandangan tersebut.

Namun, saya tidak dapat bagi pihak kerajaan memberi komitmen akan dapat melaksanakan dalam kadar yang segera. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, ingin saya nyatakan di sini bahawa IPG ataupun Insentif Pengeluaran Getah yang sekarang sedang berkuat kuasa dan telah dinaikkan taraf ataupun tahap pengaktifan harga daripada RM4.60 SMR20 ke hari ini *cup lump* RM2, di bawah RM2, kita sudah mula bayar.

Di Sabah sudah tiga bulan, di Sarawak sudah mula dua bulan dan di Semenanjung juga sudah pada purata bulanan bulan November sudah mula kita boleh bayar insentif tersebut. Saya kira tuntutan oleh para pekebun kecil melalui IPG ini sedikit sebanyak pastinya dapat membantu persediaan untuk anak-anak ke sekolah di samping bantuan-bantuan lain yang kerajaan berikan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

9. Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, jumlah kes buang bayi bagi tahun 2015 dan nyatakan langkah Kerajaan bagi membendung gejala sosial yang terus meningkat dan membimbangkan ini serta sejauh manakah keberkesanan program "*Baby Hatch*" dalam menangani kes buang bayi.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius akan gejala pembuangan bayi yang makin berleluasa. Tindakan membuang bayi merupakan satu perlakuan yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan. Statistik daripada Polis Diraja Malaysia menunjukkan bahawa sebanyak 78 kes pembuangan bayi telah dilaporkan daripada Januari hingga Ogos 2015.

Bagi tempoh tersebut, lima buah negeri yang mencatatkan jumlah kes tertinggi adalah Selangor dengan 15 kes, Kedah 11 kes, Johor 9 kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur lapan kes, dan Sabah tujuh kes. Bagi mengatasi masalah ini, KPWK M telah mewujudkan inisiatif baru dengan kerjasama sebuah pertubuhan NGO iaitu *Orphan Care* dalam membendung masalah pembuangan bayi dan menyelamatkan bayi daripada dibuang melalui penubuhan *Baby Hatch* yang telah dilancarkan pada 29 Mei 2010.

Tujuan pewujudan *baby hatch* ialah untuk memberikan kasih sayang keluarga kepada bayi-bayi yang terbuang dan buat masa ini merupakan satu-satunya usaha NGO dengan kerjasama KPWK M bagi membantu membendung masalah di atas. Berdasarkan rekod daripada *Orphan Care*, seramai 19 orang bayi telah ditempatkan di *Baby Hatch* ini sejak ia dilancarkan pada tahun 2010.

■1120

Selain itu, *Baby Hatch* ini juga telah menguruskan 110 orang bayi lain yang telah diserahkan oleh wanita hamil luar nikah untuk dijadikan anak angkat. Oleh sebab kewujudan *Baby Hatch* masih baru,

KPWKM belum dapat membuat analisis keberkesannya dalam menangani kes pembuangan bayi. Memandangkan selain daripada *Baby Hatch*, KPWKM juga menjalankan usaha-usaha lain bagi membendung masalah pembuangan bayi ini.

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat turut menyediakan rumah perlindungan yang memberi perkhidmatan perlindungan dan penjagaan kepada kanak-kanak dan wanita hamil. Institusi-institusi di bawah JKM yang menyediakan perlindungan untuk golongan tersebut Taman Seri Puteri sebanyak empat buah dan Pusat Jagaan Sinar Kasih sebanyak dua buah. Taman Seri Puteri menyediakan kemudahan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil atau melahirkan bayi luar nikah. Manakala Pusat Jagaan Sinar Kasih menyediakan perlindungan dan penjagaan segera kepada wanita hamil yang berusia 18 tahun ke atas.

Kementerian turut menyediakan 65 buah institusi kebajikan, 104 buah pejabat kebajikan masyarakat daerah, 53 buah Klinik Nur Sejahtera dan 142 buah pusat aktiviti kanak-kanak yang bersedia menerima rujukan mana-mana bayi yang memerlukan perlindungan. Selain itu, KPWKM turut mengambil langkah-langkah dalam usaha mengatasi masalah pembuangan bayi seperti berikut.

Pertama, Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan telah diluluskan oleh kerajaan pada 6 November 2009. Dasar ini bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial. Manakala Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan pula menjadi panduan tindakan bersepadu pelbagai pihak berkepentingan untuk melaksanakan program dan aktiviti.

LPPKN dengan kerjasama Jabatan Latihan Khidmat Negara telah melaksanakan program PEKERTI at PLKN semenjak tahun 2011 untuk memberikan kefahaman kepada golongan remaja bahawa tingkah laku seksual mempunyai kesan dan akibat kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. LPPKN juga dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah melaksanakan program kesihatan reproduktif dan sosial iaitu PEKERTI sebagai aktiviti kurikulum di sekolah untuk murid Tahun 6 iaitu selepas UPSR. Pelajar Tingkatan 3 iaitu selepas PT3 dan pelajar-pelajar khas di sekolah-sekolah terpilih di seluruh Malaysia mulai tahun 2012.

LPPKN juga telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Institut Perguruan Malaysia pada tahun 2014 untuk melatih para pensyarah IPGM seluruh Malaysia bagi melaksanakan program PEKERTI IPGM. Program ini bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan kesihatan reproduktif dan sosial kepada bakal guru pendidikan jasmani dan kesihatan. Selain daripada itu, program pendidikan kesihatan reproduktif kepada golongan berisiko tinggi turut diperluaskan pada tahun 2014 untuk merangkumi penghuni institusi JKM seperti Sekolah Tunas Bakti, Taman Seri Puteri, rumah kanak-kanak, asrama akhlak, pelajar sekolah berasrama penuh remaja dan ibu bapa di kawasan program perumahan rakyat, pemimpin komuniti seperti Rukun Tetangga.

Usaha ini merupakan bagi pencegahan awal kepada golongan berisiko tinggi. Sehingga Oktober 2015, sebanyak 28 buah program telah dilaksanakan di seluruh negara melibat 2,207 orang peserta. LPPKN juga telah mengambil inisiatif untuk menangani masalah kesihatan, kesejahteraan sosial dalam

kalangan remaja dgn mewujudkan pusat remaja kafe@TEEN. Sebanyak 14 buah pusat kafe@TEEN telah diwujudkan program *outreach* kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti setempat ini telah berjaya mendekati seramai 1.3 juta orang remaja melalui 12,961 buah program atau aktiviti dalam bulan Januari 2006 hingga bulan Ogos 2015.

Selain daripada itu, talian NUR telah diwujudkan sejak 5 Disember 2007 bagi membolehkan orang awam membuat sebarang aduan termasuk kes pembuangan bayi. Remaja atau wanita yang mengandung luar nikah juga boleh mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling melalui talian KASHI 15999 bagi mengelakkan mereka daripada terjebak dalam aktiviti pembuangan bayi.

Talian ini beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun. Akhirnya, Program Pencegahan Jenayah Sekata iaitu 'Keselamatan Keluarga Tanggungjawab Kita'. Ini merupakan kursus keibubapaan, anak remaja dan pendidikan kesihatan reproduktif remaja kepada komuniti setempat yang dilaksanakan dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan sebagai salah satu usaha untuk mencegah masalah sosial.

Program kerjasama ini menggembleng dan menggerakkan peranan ahli keluarga dan komuniti menerusi 109 NGO untuk melaksanakan lebih 988 buah program dalam komuniti setempat bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan untuk membantu menangani permasalahan sosial dalam masyarakat. Sehingga bulan November 2015 sebanyak 665 buah program telah dilaksanakan melibatkan penyertaan 57,286 orang peserta. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab dengan begitu *detail*. Cuma yang pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana telah membantu wanita dengan pelbagai cara. Cuma yang merisaukan kita ialah dengan kes-kes cerai yang masih lagi tinggi, institusi keluarga yang runtuh anak-anak luar nikah dan kes pembuangan bayi yang masih banyak.

Adakah kementerian mencadangkan agar modul disepadukan dengan pejabat agama agar modul kursus perkahwinan yang diwajibkan kepada pasangan Muslim dengan memberatkan tugas dan tanggungjawab sebagai suami, isteri seterusnya menjadi ayah dan ibu. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat. Seperti apa yang sedia maklum, melalui LPPKN, kami telah pun mengadakan modul kursus pra perkahwinan bukan sahaja untuk Muslim tetapi juga untuk *non Muslim*. Di samping itu, modul pra perkahwinan itu bukan sahaja kita mengadakan dengan bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan juga bahasa Cina supaya kita hendak memastikan semua yang terlibat atau peserta yang terlibat dalam kursus ini mereka memahami apakah pengetahuan itu dan apakah kesedaran yang mereka perlu dapat.

Setakat ini, kita belum lagi ada cadangan untuk kita mewajibkan semua yang akan berkahwin untuk menyertai kursus ini atas sebab yang pertama, pada setakat ini kita belum ada lagi fasilitator yang

cukup. Oleh itu, kita perlu mengadakan fasilitator yang secukupnya dan kita juga dapat bantahan dari masyarakat tertentu yang mereka tidak berminat untuk mewajibkan kursus pra perkahwinan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang seterusnya.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa tidak ada sebab jawapan Menteri- oh! Silakan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan tadi, saya dengar dengan penuh teliti dan patutlah ada lagi yang kurang nampak.

■1130

Gejala anak luar nikah ini berlaku akibat tidak ada iman dan saya tinggal di Kuala Lumpur ini, pernah saya tengok ini, saya lalu di Chow Kit Road itu, saya tengok anak-anak kita, anak darakah cantik, boleh dilayannya 'pak hitam' ini. 'Gagak hitam', bergurau-senda. Saya tengok, fasal apa jadi macam ini

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, soalan Yang Berhormat Senator.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: ...Tadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalannya?

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: [*Dewan riuh*] Dari Afrika kah, itulah bukan macam orang ini. Dari Afrika, luar negara ini, dari Bangladesh. Kemudian, saya pun tengok ini cari kenapa jadi begini. Saya tanya pula dengan kawan-kawan saya tauke-tauke teh tarik ini, tauke itu. Saya tanya, "*Banyakkah you ambil orang ini?*" Ada, diambil orang dari Bangladesh. Akan tetapi kalau diambil dari Bangladesh, dia tidak akan ambil budak-budak perempuan dari Indonesia atau Melayu. *Dok* takut, itu dia. Mula-mula budak Bangladesh ini malu-malu. Lepas sahaja dua minggu atau tiga minggu, lain sudah gurau dah. Sudah habis gurau teruk-teruk dah. Kadangkala yang...

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, soalan Yang Berhormat Senator. Ajukan soalan Yang Berhormat Senator.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Saya hendak tambah sedikit itu. Yang saya bimbanglah [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak perlu panjang mukadimah dia Yang Berhormat Senator [*Ketawa*]

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Sedikit sokong. Ini *I have to tell*. Ini saya seorang pemimpin negara ini. Ini kalau kita cerita pada Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani dia faham masalah ini termasuk Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain, dia faham... [*Disampuk*] Hendak tahu ceritanya... [*Disampuk*] Ya. Akhir dia kata, dia mula elok sudah, sampai sebulan itu sudah bergurau-senda dah. Itu perempuan dia kata sedang cuci pinggan, ini Bangladesh cucuk punggung dia. Keluarlah, dapatlah.

[Ketawa] Pegang punggung, cucuk punggung, sudah takut. Kenapakah begini? Apa yang saya tengok semakin lama semakin teruk jadi begini. Jadi, dia kata lagi, budak-budak Melayu kita, maaf saya cakap, senang sangat dipujuk. Dia kata, saya tanya. 'Pak Hitam' ini dia kata, maknanya 'gagak' hitam' orang luar negara ini, dia manja katanya. Kadangkala dia mandikan kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, cukuplah itu. Ajukan soalan Yang Berhormat Senator. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri faham.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Apakah langkah-langkah yang terbaik dan berkesan boleh kita mengelakkan perkara ini? Selain keimanan, apakah cara, sebab kalau benda ini dibiarkan tadi, malu kita orang-orang Malaysia ini, orang Melayulah. Jadi saya minta tolong, apakah cara yang paling berkesan. Tidak ada alasan. Itu semua ini, jiwanya itu, anak-anak muda kita ini selain daripada keimanan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, minta tolonglah supaya pihak kementerian yang berkenaan, carilah langkah yang lebih baik dan berkesan supaya ini tidak bertambah buruk sebab kita yang menanggung malunya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, cukup Yang Berhormat Senator. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Datin Paduka Chew Mei Fun: Yang Berhormat Senator, saya hendak mengambil ini untuk memaklumkan sebenarnya ada enam elemen yang menjadi faktor perlindungan kepada remaja kita supaya tidak terlibat dengan salah laku seksual iaitu:

- (i) pengetahuan mengenai kesihatan seksual dan *reproductive health*;
- (ii) mempunyai tahap komunikasi dan perapatan keluarga yang baik;
- (iii) mempunyai pengurusan keluarga yang baik;
- (iv) mempunyai tahap penglibatan keluarga yang tinggi;
- (v) mempunyai persekitaran kejiwaan yang positif; dan
- (vi) berkebolehan mendapatkan maklumat mengenai media cetak yang tinggi.

Kesimpulannya ialah faktor keluarga dan komuniti memainkan peranan yang penting kerana kedua-dua faktor ini merupakan faktor pelindung yang boleh mencegah masalah kesihatan reproduktif dan seksualiti dalam kalangan remaja. Elemen ini dapat diperkukuhkan dengan memberi pengetahuan dan kemahiran mengenai seksualiti dan kesihatan reproduktif kepada remaja. Program-program yang saya telah pun beritahu tadi program untuk kita meningkatkan lagi kesedaran di antara masyarakat kita. Sekian, terima kasih.

10. Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, kapasiti jalur lebar yang disediakan pada setiap universiti tempatan di negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oмарdin atas soalan yang berkaitan dengan kapasiti jalur lebar di universiti awam.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian sentiasa prihatin dengan keperluan dan kepentingan teknologi maklumat dalam memenuhi cabaran global masa ini. Kementerian juga berusaha untuk menyediakan kemudahan terbaik di universiti awam (UA) bagi memastikan warga kampus dapat akses kepada maklumat. Di bawah inisiatif *Malaysian Research & Education Network* (MYREN), menjelang 31 Disember 2015, kementerian akan membekalkan kepada semua universiti awam dengan tambahan jalur lebar berkapasiti *1 giga bits per second (Gbit/s)* daripada kapasiti sedia ada di UA. Manakala universiti penyelidikan akan dibekalkan dengan tambahan jalur lebar berkapasiti sebanyak *2 giga bits per second*.

Walau bagaimanapun, UA boleh mengambil inisiatif untuk meningkatkan lagi kapasiti jalur lebar masing-masing. Sebagai contoh pada masa ini, Universiti Malaya membekalkan jalur lebar *5 giga bits per second* kepada semua warga kampus dan akan meningkatkan jalur lebar dengan kelajuan-kelajuan tambahan *2 giga bits per second* menerusi inisiatif MYREN. Sekian, terima kasih.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oмарdin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih atas usaha kementerian bagi mengangkat dan membaik pulih ataupun *upgrade* dengan izin, sistem jalur lebar yang ada di semua IPTA dan sebagainya.

Namun demikian, kita mengakui seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, masih lagi ada kekurangan daripada segi pelajar-pelajar kita untuk mendapatkan akses yang lebih mudah. Secara logiknya, perkara ini boleh mengakibatkan mereka akan menumpukan masa yang lebih hanya untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan pelajaran mereka.

Jadi, apakah tindakan kementerian bagi mengatasi masalah ini kerana yang penting kita tidak mahu anak-anak kita ataupun pelajar-pelajar menghadapi kesulitan bila mana mereka hendak mendapatkan sebarang maklumat? Ini kerana secara tidak langsung kita tidak mahu dengan adanya fungsi ini yang tidak begitu berjalan dengan baik, maka boleh mengganggu prestasi pelajaran mereka.

Jadi, soalnya apa langkah-langkah segera yang akan diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah ini. Saya fikir mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun dimaklumkan dengan ada kekurangan seperti ini yang sedang berlaku. Jadi mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang berkaitan dengan langkah-langkah yang diambil oleh UA untuk menambah baik jalur lebar di UA masing-masing. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Senator bahawa setiap UA sudah diberikan autonomi atau menurunkan kuasa untuk mengadakan atau mengambil inisiatif untuk menambah baik fasiliti atau kemudahan ICT yang sedia ada. Di sini saya boleh memberikan satu contoh,

di UNIMAP yang mana universiti ini sudah mewujudkan sebuah perpustakaan digital atau *digital library*, dengan izin.

Inisiatif-inisiatif ini ada berkaitan dengan bidang penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran dan sekiranya kita rujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 memang kita boleh melihat bahawa beberapa lonjakan sudah menetapkan bahawa inisiatif hendaklah diambil seperti dalam lonjakan yang kesembilan yang mana UA akan mengadakan MOOC atau *Massive Open Online Course*, dengan izin.

■1140

Selain daripada itu, kalau kita rujuk kepada lonjakan yang ketujuh ini ada berkaitan dengan ekosistem, inovasi. Jadi, universiti seperti yang saya sudah bagi tahu bahawa memang akan ambil inisiatif diri sendiri untuk menambah baik kemudahan yang sedang ada. Seperti semua proses atau semua program, memang ada ruang untuk peningkatan. Kementerian Pendidikan Tinggi dan UA tidak berkompromi daripada segi kemudahan ICT. Sekian, terima kasih.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya selain daripada penyediaan jalur lebar di dalam kawasan universiti, adakah pihak kementerian juga bercadang bahawa penyediaan jalur lebar di kampus luar daripada kampus induk? Maksud saya ialah asrama atau penginapan pelajar di luar kampus. Kebanyakan universiti, pelajarannya berada di luar kampus. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang sudah saya bagi tahu bahawa memang inisiatif sudah diambil dan memandangkan ini kemudahan ICT melibatkan perbelanjaan yang begitu besar. Jadi, ini bermakna bahawa inisiatif akan diambil peringkat demi peringkat. Sekian, terima kasih.

11. Puan Hajah Azizah binti Haji Harun minta Menteri Pendidikan menyatakan, keberkesanan program Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), dan keberkesanannya terhadap kecemerlangan akademik pelajar selepas program ini dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun yang bertanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengoperasian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mula dilaksanakan di sekolah menengah pada sesi persekolahan tahun 2012. Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) adalah satu daripada empat bentuk komponen dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) iaitu Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Psikometrik (PBSI), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan PT3.

PBS adalah bersifat holistik dan tidak mementingkan peperiksaan semata-mata yang mengekang pencambahan berfikir. Dalam ujian bertulis PT3, struktur soalan adalah berbentuk subjektif iaitu respons terbuka dan respons tertutup. Berbeza dengan soalan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang berbentuk objektif aneka pilihan. Murid telah menunjukkan penguasaan kemahiran berfikir secara kritis

dan benar-benar memahami kandungan sukatan pelajaran apabila menjawab soalan peperiksaan berbanding soalan objektif yang hanya memerlukan pelajar menghafal kandungan sukatan pelajaran untuk memperoleh keputusan cemerlang. Sejalan dengan hasrat Kementerian Pendidikan untuk melahirkan generasi yang mampu untuk bersaing di peringkat global, pelaksanaan PT3 dilihat mampu untuk melahirkan pelajar berkualiti yang mempunyai kemahiran berfikir yang lebih kritis, kreatif dan mendorong pelajar untuk berfikir di luar kotak.

Ujian instrumen pelbagai dan ujian lisan iaitu mendengar dan bertutur PT3 adalah selari dengan format instrumen pentaksiran sekolah. Dari tingkatan satu, guru mentaksir murid dengan menggunakan pelbagai instrumen seperti lisan, ujian bertulis, kajian lapangan, kuiz, kajian di makmal sains dan senarai semak. Ini bermakna, murid telah didedahkan dengan pelbagai format instrumen ujian sejak tahun 2012. Bersama soalan yang pelbagai, memberi ruang dan peluang kepada murid untuk berfikir dan mengeluarkan idea yang bernas sejajar dengan arus perkembangan abad ke-21. Murid tidak seharusnya bertumpu kepada keupayaan menghafalan dan keupayaan mengingat fakta. Akan tetapi perlu menumpukan kepada pembangunan kemahiran kognitif untuk berfikir secara kritis dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan yang relevan dengan kehidupan harian. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: Soalan tambahan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang menjawab soalan saya. Peranan guru ialah menyampaikan ilmu, tidak kira apa subjek pelajaran yang diajar di kelas. Tujuan saya tanya soalan ini ialah kerana terdapat pelbagai rungutan dan aduan telah dilontarkan oleh para guru kita mengenai sistem ini. Saya rasa Menteri pun cukup memahami akan keluhan guru-guru kita. Guru dipaksa untuk menghabiskan silibus atau subjek semata-mata mengikut sistem PBS ini. Penumpuan kepada sesuatu ilmu tidak diterapkan secara mendalam, bahkan asas sesuatu ilmu itu pun tidak dikuasai sepenuhnya oleh murid dan belum sempat seorang pelajar memahami asas ilmu tersebut, terus berpindah kepada subjek lain.

Sebagai contoh, guru diminta untuk mengajar subjek Tatabahasa Bahasa Melayu tetapi diajar hanya asas, tanpa diterapkan lagi bagaimana untuk implementasikan tatabahasa tersebut. Lantas, murid tersebut ke meja peperiksaan dan suruh untuk membuat karangan dalam bahasa Melayu yang tinggi. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah status dan kajian terkini pihak kementerian mengenai sistem PBS ini? Adakah ia benar-benar membantu dalam melahirkan pelajar yang cemerlang? Adakah kementerian bercadang untuk menukar ini kepada sistem lain atau kembali kepada sistem pembelajaran yang asal? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia tidak bercadang untuk mengubah sistem yang ada sekarang. Sistem baru ini pun baru dilaksanakan sejak tahun 2012 dan kita melihat seperti jawapan yang saya beri tadi. Kita melihat PBS ini sedang memberikan kesan yang positif, di mana kita mahu melahirkan generasi baru rakyat Malaysia yang boleh berfikir di luar kotak, berfikir secara kritis dan menjawab soalan, bukannya berdasarkan menghafalan fakta tetapi dengan pemahaman yang lebih mendalam. Kita tahu rungutan guru-guru banyak kerja di luar pengajaran tetapi kalau kata kita memaksa guru untuk menghabiskan tentang kurikulum, itu tidak betul.

Oleh sebab memang sudah ada dalam sukatan bahawa seseorang guru perlu mengajar dalam masa itu, itulah sukatan mereka.

Dengan adanya PBS ini, kita tidak hanya memfokuskan kepada ujian dan peperiksaan. Seseorang pelajar atau murid itu ditaksir sepanjang tahun. Apakah persembahan seseorang itu dari Darjah 1 sampai Darjah 6, dari Tingkatan 1 sampai Tingkatan 3? Maka, pelajar tidak lagi hanya pergi tuisyen untuk mendapatkan A. Akan tetapi kelakuan dia, persembahan dia, taksiran dia di sekolah itu, semua diambil kira. Jadi, PBS ini lebih sesuai dengan abad ke-21 yang ingin kita mencapai rakyat Malaysia yang lebih kritis. Sekian, terima kasih.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Saya akui PBS ini sesuatu yang sangat baik kerana ia menggalakkan pemikiran secara kritis. Cuma saya hendak menarik perhatian mengenai PT3. Soalan saya kepada kementerian, saya difahamkan soalan untuk PT3 ini adalah berbeza bagi sekolah biasa, sekolah asrama, sekolah di bawah Maktab Rendah Sains Mara, ia tidak sama. Jadi, saya ingin bertanya, adakah ia sedemikian? Keduanya, saya merasakan ada kalanya sekiranya pelajar itu, sewaktu PT3, ia secara subjektif. Akan tetapi soalnya kalau tidak sama, bagaimanakah kita ingin melihat keputusan itu dibandingkan antara sekolah-sekolah?

Ini sebab kita ingin melihat juga penilaian daripada perspektif yang lebih holistik. Jadi, bagaimanakah penilaian itu dibuat sekiranya soalan tidak sama untuk PT3 sahaja? Terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan. Soalan PT3 itu disediakan secara pusat. Dihantar ke semua sekolah tetapi pentaksirannya dilakukan di sekolah, bukan lagi peperiksaan seperti SPM yang kita mempunyai pemeriksaan secara serentak. Akan tetapi diberikan kepada guru-guru yang mengajar di sekolah tersebut.

■1150

Itulah mengapa semasa kita mengumumkan keputusan PT3, kita tidak ada lagi senarai pelajar yang mendapat berapa 'A', subjek apa yang telah meningkat, subjek apa yang telah menurun, tidak. Kita mahu mengalihkan fokus masyarakat Malaysia, kita tidak lagi melihat keputusan peperiksaan itu untuk menentukan sama ada pelajar itu pelajar yang baik ataupun pelajar yang lemah sebab PT3 itu hanyalah satu pentaksiran- yang pentingnya termasuk empat bentuk komponen yang saya kata tadi, PBS, PS, Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum. Kita tidak mahu seseorang yang mendapat keputusan yang begitu cemerlang semuanya mendapat 'A' tetapi daripada segi sukannya, psikometriknya, ketahanan mentalnya dan pertuturannya tidak mencapai seorang pelajar yang kita katakan pelajar yang baik.

Maka dengan itu, pentaksirannya berasaskan di sekolah khususnya apabila mereka ingin memohon memasuki sekolah berasrama penuh, jurusan sains, ataupun apa sahaja pilihan mereka, kita tidak lihat hanya melalui keputusan PT3 tetapi termasuk pentaksiran sekolah sepanjang tahun dari sudut psikometrik, jasmani dan sukan supaya itulah pendidikan holistik yang ingin kita capai di negara ini. Sekian, terima kasih.

12. Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader minta Menteri Kewangan menyatakan cukai pendapatan salah satu punca pendapatan utama negara. Walau bagaimanapun, peratus pembayar cukai negara kita masih rendah berbanding negara membangun yang lain. Apa langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian melalui agensi berkenaan untuk mendidik rakyat Malaysia yang layak dikenakan cukai menjalankan tanggungjawab mereka kepada negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, cukai pendapatan merupakan komponen hasil terbesar jumlah kutipan hasil Kerajaan Persekutuan.

Bagi tahun 2015, anggaran disemak jumlah kutipan cukai pendapatan adalah sebanyak RM108.362 bilion bersamaan lebih kurang 49 peratus daripada keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan. Daripada anggaran disemak jumlah kutipan cukai pendapatan, sumbangan cukai pendapatan individu adalah sebanyak RM28.1 bilion bersamaan 26 peratus daripada hasil kutipan cukai kerajaan.

Bagi tahun 2016, kerajaan menganggarkan bahawa jumlah kutipan cukai pendapatan individu akan meningkat sebanyak RM2.1 bilion daripada RM28 bilion ke RM30.2 bilion dengan peningkatan 7.5 peratus dari tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, dengan mengguna pakai jumlah tenaga kerja dalam negara sebagai asas ukuran, peratusan individu yang mendaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri sejak tahun 2009 hingga tahun 2014 menunjukkan trend yang meningkat. Sebagai contoh, pada tahun 2009, peratusan mereka yang mendaftar dengan LHDN 51.9 peratus dan telah meningkat kepada 58.5 peratus pada tahun 2014 dengan pertumbuhan sebanyak 6.6 peratus.

Berdasarkan petikan laporan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi atau *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) bertajuk *Tax Administration 2015*, peratusan individu yang mendaftar dengan LHDN di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding dengan peratusan pendaftaran individu di negara-negara membangun lain terutamanya di kalangan negara anggota ASEAN seperti Thailand dan Indonesia iaitu 42 peratus dan 21 peratus masing-masing.

Berhubung pertanyaan Yang Berhormat mengenai langkah yang diambil untuk mendidik rakyat Malaysia menjalankan tanggungjawab cukai kepada negara, sukacita dimaklumkan bahawa LHDN sentiasa berusaha menambah baik dan mempelbagaikan inisiatif bagi mendidik masyarakat melalui program-program pendidikan dan kesedaran mengenai tanggungjawab membayar cukai pendapatan. Dalam tahun 2015 sehingga 30 November 2015, pelbagai program telah dijalankan meliputi seminar, forum, *road show* serta taklimat pencukaian yang melibatkan hampir 150,000 - orang awam. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan saya tadi.

Saya ada dua soalan. Pertama, kita akui pembayar cukai yang telah melaporkan pendaftaran mereka kepada agensi yang bertanggungjawab tetapi terdapat juga di kalangan mereka yang tidak melaporkan sepenuhnya pendapatan khususnya daripada pendapatan sampingan yang kadangkala lebih lumayan daripada pendapatan asas. Bagaimanakah agensi bertanggungjawab menangani ketirisan ini?

Kedua, jika boleh dikongsi bersama Ahli Dewan dalam bentuk statistik, setelah audit cukai menjadi *core business* LHDN, dengan izin, adakah ia benar-benar berjaya mendidik pembayar cukai untuk melaporkan cukai atau ia menjadi peluang kepada pembayar cukai dari setahun ke setahun untuk belajar melarikan diri daripada cukai kerana mereka sudah semakin arif selok-belok pengauditan oleh pegawai LHDN. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. LHDN sentiasa menjalankan pengauditan secara berkala kepada setiap pembayar cukai. Lazimnya setiap kali apabila ia menjalankan penyiasatan pengauditan kepada pembayar-pembayar cukai ini, akan terdapat isu di mana banyak pembayar cukai yang kadang-kadang kurang membayar cukai mereka. Jadi hasil daripada pengauditan ini, kita tengok daripada segi ketulusan seseorang itu *declare* pendapatannya. Contohnya, ada sebahagian daripada pendapatan itu walaupun dikenakan cukai tetapi cukai itu telah *deduct at source*. *As an example*, pendapatan sampingan seperti *dividend*, *interest* telah dipotong kepada *source*, jadi itu kita tidak ada masalah.

Cuma yang kita ada masalah ialah apabila mereka mendapat pendapatan hasil daripada perniagaan ataupun pendapatan-pendapatan sampingan lain yang dikenakan cukai tetapi dia tidak *declare* dalam laporan kepada LHDN. Kalau dalam keadaan begini, maka *income tax* akan mengenakan *tax* tambahan dan bukan sahaja *tax* tambahan tetapi dia juga akan dikenakan *interest* daripada pembayar cukai tersebut. Ini adalah untuk memastikan bahawa kita tidak menggalakkan orang tidak membayar cukai. Jadi kalau dia membayar lambat ataupun *submit* lambat, dia kena *tax*. Itu satu.

Kedua, apabila kita mendapat tahu terdapat individu yang lari daripada membayar cukai atau tidak *declare* pendapatannya yang sebenar, maka mereka ini juga boleh ditahan, tidak boleh ke luar negara. Banyak kes yang kita ada terutamanya yang melibatkan lembaga pengarah ataupun pemegang saham yang tidak membayar cukai, nama mereka akan dihantar kepada pihak imigresen untuk memastikan mereka tidak boleh keluar negara. Itu salah satu daripada cara atau peraturan kita untuk memastikan bahawa *compliance of tax* ini dibuat mengikut apa yang telah ditetapkan.

Di samping itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri juga memastikan bahawa pembayaran *tax* ini kita nak buat secara *friendly*. Kalau betul ada isu-isu kesalahan yang begitu telus dan *genuine*, maka selalunya *income tax* akan *waive interest* ataupun kita akan mendengar apa dia kompelin-kompelin yang dibuat oleh pembayar cukai. Kalau kes-kes yang *genuine*, maka kita akan berikan *waiver* kepada mereka. Terima kasih.

13. Datuk Yoo Wei How minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah hasil kolaborasi memberangsangkan yang disalurkan ke Malaysia terutamanya pemindahan teknologi dan modal asing untuk membantu pertumbuhan syarikat tempatan oleh MATRADE dan MIDA.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) terutamanya, sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dalam menggalakkan pelaburan kualiti tinggi ke dalam negara.

Bagi tempoh Januari hingga September 2015, sejumlah RM67.7 bilion pelaburan dengan 522 buah projek dan 50,179 peluang pekerjaan telah diluluskan dalam sektor perkilangan. Jumlah ini terdiri daripada projek-projek pelaburan berkualiti tinggi yang mempunyai ciri-ciri seperti berteknologi tinggi, bernilai, berimpak tinggi, berintensif modal, pengetahuan dan kemahiran, mempunyai hubungan rangkaian industri dengan syarikat-syarikat tempatan, menjana pemindahan teknologi dan kemahiran serta dapat menjana kesan berganda kepada ekonomi pelaburan negara.

■ **1200**

Bagi tempoh yang sama juga, sejumlah 112 buah projek kolaborasi atau *joint venture projects*, dengan izin dalam sektor perkilangan dengan pelaburan bernilai RM8.1 bilion dan 8,584 peluang pekerjaan telah diluluskan. Projek-projek ini melibatkan kolaborasi antara syarikat-syarikat asing dan juga syarikat-syarikat tempatan. Projek-projek yang melibatkan pelaburan asing memberi pelbagai kesan yang positif kepada negara seperti berikut:

- (i) projek-projek yang berteknologi tinggi dan berintensif kemahiran dan pengetahuan dapat melahirkan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi melalui permintaan teknologi dan latihan-latihan yang disediakan;
- (ii) membuka peluang kepada syarikat tempatan untuk menjadi pembekal melalui aktiviti penyumberan luar yang dilaksanakan oleh syarikat asing;
- (iii) membangunkan sektor perkhidmatan tempatan seperti logistik, kewangan dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan lain-lain;
- (iv) menggalakkan kolaborasi di antara syarikat asing dan institusi R&D tempatan dan institusi pengajian tinggi tempatan dalam aktiviti R&D; dan
- (v) melatih rakyat tempatan untuk memegang jawatan pengurusan kanan syarikat-syarikat asing.

Melalui kemasukan pelaburan berkualiti ini ke dalam negara, syarikat-syarikat tempatan juga akan dapat mencampuri industri yang bernilai tinggi menggunakan teknologi yang termaju, intensif pengetahuan dan inovatif, melahirkan bakat-bakat tempatan yang berkualiti serta mewujudkan kolaborasi antara syarikat asing dan institusi pengajian tinggi tempatan dalam pembangunan R&D, produk teknologi dan sebagainya. Secara tidak langsung syarikat-syarikat tempatan ini akan lebih berdaya saing dalam ekosistem industri-industri yang terpilih di peringkat serantau dan rangkaian bekalan di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyediakan galakan dan bantuan kepada syarikat-syarikat tempatan untuk mengambil manfaat daripada kewujudan pelaburan asing. Misalnya Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) bernilai RM1 bilion dalam bentuk geran secara setara satu kepada satu yang diwujudkan sejak Julai 2012 bagi aktiviti-aktiviti berikut:

- (i) memodenisasikan dan menaik taraf jentera dan peralatan bagi aktiviti perkilangan serta perkhidmatan, penyelidikan dan pembangunan R&D, latihan; dan
- (ii) memperoleh pelesenan atau pemberian teknologi dan piawaian dan sijil antarabangsa.

Bagi meningkatkan lagi daya saing di peringkat tempatan di bawah Bajet 2016, kerajaan telah mengumumkan dana tambahan DISF sebanyak RM1 bilion bagi skop pembiayaan aktiviti yang sama. MATRADE juga selain daripada menganjurkan misi-misi jualan ke luar negara, telah melaksanakan program misi belian atau *incoming buying mission* dengan izin membawa pembeli-pembeli dan pelabur dari luar negara Malaysia untuk bertemu dengan syarikat-syarikat pengeksport Malaysia.

Ini satu alternatif yang kos efektif bagi pengeksport Malaysia mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka selain berpeluang untuk mewujudkan kolaborasi antara syarikat-syarikat asing khususnya dalam industri yang bernilai tanpa tinggi menggunakan teknologi tinggi. Sekian, terima kasih.

Datuk Yoo Wei How: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti yang kita tahu bahawa syarikat-syarikat yang ada di Malaysia sekarang memanglah merupakan syarikat-syarikat yang kita cakap sebagai SME, *small medium industry*, dengan izinnya. Dalam zaman persaingan yang begitu hebat pada hari ini, saya rasa SME-SME yang ada di negara kita memang perlulah cara-cara yang baru ataupun sinergi-sinergi yang baru untuk memperkasakan *businesses* mereka, dengan izinnya, terutamanya sekarang di dalam Malaysia sebagai Pengerusi *ASEAN Community* dan kita juga telah menandatangani TPPA.

Soalan tambahan saya, bolehkah kementerian menyatakan sektor spesifik yang diberi fokus utama dan cara untuk membantu mereka dalam pemindahan teknologi dari luar negara masuk ke negara kita? Sekian sahaja, terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, antara sektor yang digalakkan bioteknologi, bahan termaju, elektronik termaju, sumber tenaga alternatif, *petrol chemical*, farmaseutikal, peranti perubatan, aeroangkasa, mesin dan peralatan, minyak dan gas dan industri berasaskan sumber. Daripada segi industri PKS, SMECorp Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk memberi fokus dan membangunkan PKS dalam sektor aeroangkasa bagi membina dan mengukuhkan rantaian bekalan.

Bagi sektor pembuatan aeroangkasa di Malaysia, sektor aeroangkasa dilihat turut memberi impak dan membangunkan industri sokongan di kalangan PKS seperti industri mesin dan peralatan, elektrik dan elektronik, automatif, minyak dan gas dan peranti perubatan. Pelaksanaan program ini dilihat sebagai satu peluang kepada PKS untuk menjadi pembekal kepada syarikat-syarikat aeroangkasa utama

dan ini akhirnya akan merangsang permintaan teknologi antara OEM dan pembekal. Sekian, terima kasih.

14. Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh mana pengeluaran beras di Malaysia cukup untuk keperluan negara dan jika tidak, jelaskan jumlah purata import beras dari negara-negara lain di Asia Tenggara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Nogeh anak Gumbek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Dasar Agromakanan Negara 2011 sehingga 2020, kerajaan telah menetapkan *self-sufficiency level*, dengan izin, SSL beras negara dikekalkan pada kadar 70 peratus. Namun begitu kementerian telah menetapkan SSL beras negara pada kadar 100 peratus menjelang tahun 2020. Ini mengambil kira jaminan bekalan dalam negara, senario pasaran beras global dan kos relatif pengimportan. Pada tahun 2014, pengeluaran padi negara sebanyak 2,645,000 metrik tan menjadikan pengeluaran beras sebanyak 1,704,000 metrik tan. Kadar SSL beras negara 71.6 peratus dengan anggaran populasi penduduk sebanyak 30.26 juta orang berdasarkan penggunaan per kapita sebanyak 78.6 kilogram seorang setahun.

Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan membangunkan kawasan jelapang padi secara maksimum melalui perwujudan empat buah kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA), dengan izin, baru iaitu di Pekan, Rompin, Kota Belud dan juga di Batang Lupar. Dengan jumlah keluasan kawasan penanaman seluas 25,905 hektar yang mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi negara. Antara inisiatif lain yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

■ **1210**

- (i) menggalakkan amalan pertanian baik atau *good agriculture practice*, dengan izin, bagi meningkatkan kualiti hasil tuaian sekali gus mengurangkan peratus pemotongan;
- (ii) pengurusan secara berpusat di bawah NKEA EPP10 dan EPP11;
- (iii) memperkukuhkan infrastruktur pengairan dan saluran;
- (iv) penggunaan *variety* baru dan benih padi sah;
- (v) pengamalan teknologi pertanian yang tetap; dan
- (vi) meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi.

Pengimportan beras bagi menampung kedua-dua buah negara dilaksanakan oleh Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) iaitu syarikat pemegang konsesi yang menjalankan obligasi sebagai wakil kerajaan dalam pengimportan beras. Pengimportan beras oleh BERNAS dikawal dan dipantau melalui teknik import yang dikeluarkan bagi setiap *consignment*.

Pada tahun 2014, negara mengimport sejumlah 863,358 metrik tan beras dengan nilai RM1.45 bilion. Negara pengimport utama adalah dari Thailand dengan 380,820 metrik tan bernilai RM572 juta

diikuti Vietnam dengan 250,687 metrik tan bernilai RM386 juta dan Pakistan sejumlah 168,787 metrik tan dengan nilai RM304 juta. Pengimportan beras dari Thailand dan Vietnam melibatkan jenis beras putih, beras wangi dan beras organik. Sementara pengimportan dari Pakistan pula melibatkan jenis beras Basmathi. Lain-lain jenis beras yang diimport beras kaus, beras perang dan beras sushi yang diimport dari negara Jepun, Amerika Syarikat dan Australia bagi memenuhi keperluan pasaran. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya Yang Berhormat, soalan tambahan.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih atas jawapan yang menarik. Akan tetapi satu perkara yang membimbangkan saya ialah soal perubahan iklim. Kita mendapati bahawa beberapa buah negara di dunia ini perubahan iklim telah menjejaskan produksi makanan dan tanaman-tanaman asas. Maka dalam usaha untuk menentukan Malaysia tidak menghadapi kekurangan, adakah kementerian telah ambil kira tentang masalah perubahan iklim?

Tuan Nogeh anak Gumbek: Terima kasih ke atas soalan tambahan. Ya, kementerian sedang ambil maklum ada kaitan dengan perubahan iklim ke atas pengeluaran padi negara kita. Pihak MARDI sedang membuat kajian bukan sahaja mengenai perubahan iklim tetapi juga kita kadang-kadang mengalami bencana alam.

Jadi kita membuat *research* dengan izin supaya dengan perubahan iklim apakah jenis *variety* baru yang boleh tahan lagi pada masa depan untuk menjamin SSL beras kita terjamin. Sekian, terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa suatu rang undang-undang untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Tabung Angkatan Tentera telah ditubuhkan bertujuan untuk menyediakan faedah-faedah persaraan yang lebih baik kepada Askar Laskar Angkatan Tentera Tetap yang didaftarkan pada atau selepas 1 Ogos 1972.

Walau bagaimanapun, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973, Akta 101 hanya mewajibkan caruman kepada askar laskar sahaja. Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan angkatan tentera tidak diwajibkan untuk membuat caruman kepada tabung ini.

Susulan daripada itu persetujuan Jemaah Menteri pada tahun 2010 dan tahun 2012 sudah mengambil kira faedah jangka panjang yang bakal diterima, maka pindaan telah dibuat pada Akta 101 bagi memanjangkan caruman wajib Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini kepada pegawai tauliah jangka pendek dan pegawai tauliah tetap angkatan tentera dalam perkhidmatan ATM. Dengan pemindaan tersebut, maka pegawai tauliah jangka pendek dan pegawai tauliah tetap Angkatan Tetap ATM yang memenuhi syarat akan diwajibkan mencarum pada Tabung Angkatan Tentera melalui tarikh akta ini dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015 ini bertujuan untuk meminda seksyen 3, seksyen 6, seksyen 9, seksyen 10, seksyen 12, seksyen 13, seksyen 14, seksyen 15C, seksyen 22 dan menambah seksyen 9A dan seksyen 12A kepada Akta 101. Cadangan rang undang-undang ini mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan subperenggan baru (iA) ke dalam perenggan 3(3)(a), Akta 101 meliputi pegawai sebagai penerima faedah persaraan dan faedah lain.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 6, Akta 101 untuk mengeluarkan Gabenor atau Timbalan Gabenor Bank Negara daripada Panel Pelaburan Tabung Angkatan Tentera.

Subfasal 4(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 9(4), Akta 101 bagi menggantikan sebutan khusus tentang Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Pemberian lain) 1979 [P.U.(A)77/1979] dengan sebutan umum tentang mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa berhubung dengan pencen, ganjaran atau faedah lain-lain yang terpakai bagi angkatan tetap.

Subfasal 4(c) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 9(5) ke dalam Akta 101 bagi memperuntukkan bahawa apabila seseorang askar laskar dinaikkan pangkat kepada pegawai, carumannya kepada tabung sebagai laskar hendaklah dihentikan dan digantikan dengan carumannya sebagai seorang pegawai.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 9A ke dalam Akta 101. Seksyen baharu 9A yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan caruman wajib ke atas pegawai kepada tabung.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 10 bagi memberi pilihan kepada mana-mana pegawai yang tidak wajib mencarum di bawah seksyen 9A memilih untuk mencarum bulanan secara sukarela kepada tabung dan sekiranya pegawai memilih untuk mencarum secara sukarela, tiada caruman kerajaan akan diperuntukkan.

Subfasal 7(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 12(2) Akta 101 bagi peruntukan pengeluaran caruman bagi apa-apa maksud yang ditentukan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Pada masa kini, pengeluaran hanya dibenarkan untuk tujuan membeli rumah kediaman atau tanah bagi tujuan membina rumah kediaman di atas tanah tersebut;

■1220

Kesembilan ialah fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 12A ke dalam Akta 101. Seksyen baru 12A yang dicadangkan bertujuan untuk membenarkan Lembaga dengan kelulusan Menteri untuk mengawal selia secara pentadbiran, terma dan syarat melalui pengeluaran caruman dari tabung, peratusan caruman pencarum yang boleh dikeluarkan dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengannya.

Kesepuluh, fasal 9 bertujuan meminda seksyen 13 untuk memastikan bahawa caruman kerajaan di bawah subseksyen baru 9A(2) tidak boleh diserahkan atau ditahan.

Kesebelas, fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 14, Akta 101 bagi mengehendaki Lembaga untuk membuat mendapatkan kelulusan Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan sebelum Lembaga membuat pinjaman kewangan selaras dengan seksyen 5, Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 [*Akta 589*] yang merupakan undang-undang pemakaian umum berhubung dengan pinjaman kewangan yang terpakai bagi mana-mana badan berkanun.

Kedua belas, fasal 11 bertujuan meminda seksyen 15C untuk membolehkan pembelian unit dalam Skim Amanah Saham diperuntukkan kepada caruman wajib di bawah seksyen baru 9A.

Ketiga belas, fasal 12 bertujuan memotong perenggan 22(gb), Akta 101 yang berbangkit daripada seksyen baru 12A yang membenarkan Lembaga untuk mengawal selia secara pentadbiran perkara-perkara yang pada masa kini ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 22(gb) Akta 101.

Keempat belas, fasal 13 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan bagi opsyen untuk pegawai yang membuat caruman sukarela sebelum permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan dan pegawai yang ditauliahkan sebelum permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan seorang penyokong.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Nogeh anak Gumbek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar.

12.23 tgh.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana dapat peluang untuk membahas Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 yang dahulunya Akta 101. Seperti mana yang telah pun ditaklimatkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa sejak penubuhan akta ini, penubuhan Lembaga Tabung Angkatan Tentera pada 1972

dan akta ini diwartakan pada 1973, maka kalau kita lihat Lembaga Tabung Angkatan Tentera telah beroperasi selama 43 tahun. Bermakna tepatlah masanya untuk kita lihat dengan iklim, dengan suasana sekarang di mana Lembaga Tabung Angkatan Tentera harus mengambil kira perkara-perkara yang boleh menambahbaikkan cara mengoperasi LTAT.

Apa yang mustahak rasional mengapa? Kita pun hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri sebabnya diwujudkan satu Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang khusus untuk warga tentera. Mengapakah masa itu tidak semua warga tentera itu disalurkan kepada Wang Simpanan Pekerja (EPF)? Jadi, ini adalah satu rasional yang difikirkan oleh pemimpin masa dahulu ialah untuk melihatkan keunikan profesion tentera ini dan melihatkan untuk menjaga kebajikan warga tentera khusus kepada askar laskar.

Dia diwujudkan khusus untuk askar laskar dan untuk melihat apabila mereka pencen nanti, kalau tengok lihat perkhidmatan pula askar laskar itu bukan terus masuk askar dan berpencen tetapi boleh tamat perkhidmatan selepas berkhidmat 13 tahun, 15 tahun, 18 tahun dan 21 tahun berpencen. Jadi sangat unik kerana dalam tentera, mereka memerlukan mereka yang terlatih, kondisinya dalam keadaan yang sentiasa siaga dan dalam boleh dikatakan umur yang masih muda. Jadi saya lihat pencarum-pencarum hanyalah tertumpu pada askar laskar dan tidak kepada pegawai.

Pegawai hanya dibolehkan untuk mencarum, bukan mencarum tetapi membuat *saving*, dengan izin, iaitu pada masa itu diberi kemudahan untuk hanya membuat simpanan RM500 sahaja. Akan tetapi sekarang LTAT telah mula menaikkan mulai 1 Januari 2016, RM2,000 sebulan. Ini untuk menggalakkan pegawai-pegawai menyimpan dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Mengikut rekod ataupun *track record*, LTAT telah memberi dividen yang sangat lumayan ataupun sangat baik iaitu sejak titik permulaan LTAT, dividennya dibayar, dipulang balik kepada pencarum dalam 12% dan sekarang 10 tahun yang lepas 15%.

Jadi, inilah satu-satunya organisasi yang dapat membela nasib warga tentera yang mencarum. Jadi beberapa pindaan untuk terus LTAT relevan, rasionalnya seperti yang dicadangkan para 5, fasal 2 dan fasal 5 iaitu saya menyokong kali ini untuk kita juga memperluaskan pencarum-pencarum ini kepada pegawai yang berkhidmat. Jadi ini juga akan menjadi satu penambahbaikan kerana pegawai-pegawai muda sekarang, kalau dulu falsafah dahulu ialah pegawai boleh menjaga diri sendiri tetapi sekarang kita lihat eloklah saya bersetuju untuk rang undang-undang ini dimasukkan seperti fasal 5, bertujuan untuk mengenakan caruman wajib ke atas pegawai-pegawai kepada tabung.

Ada dua skim pegawai iaitu pegawai yang bertauliah jangka pendek dan skim pegawai yang bertauliah tetap iaitu terus pegawai itu boleh berpencen hingga apabila sampai umur 60 tahun.

■1230

Saya juga menyokong rasional di mana pengeluaran yang dalam rang undang-undang ini, kalau dahulunya hanya terhad kepada untuk membeli rumah kediaman atau tanah tetapi sekarang kita hendak nampaknya ada satu cadangan untuk kita lebih wujudkan satu fleksibiliti di mana dengan kelulusan Menteri, LTAT boleh secara pentadbiran bagi pengeluaran caruman daripada tabung dan juga peratusan caruman pencarum yang boleh dikeluarkan dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengannya.

Bermakna, rang undang-undang ini akan memungkinkan kepada warga tentera yang mencarum menggunakan simpanan caruman mereka itu untuk perkara-perkara yang mustahak. Saya rasa kalau boleh, kita cadangkan untuk mereka hendak pergi haji dan sebagainya. Jadi, ini adalah satu-satunya amal jariah yang harus digalakkan untuk warga tentera.

Cadangan untuk rang undang-undang fasal 10 iaitu menghendaki Lembaga untuk mendapatkan kelulusan Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan sebelum Lembaga membuat pinjaman kewangan selaras dengan seksyen 5, Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 yang merupakan undang-undang pemakaian umum berhubung dengan pinjaman kewangan yang terpakai bagi badan-badan berkanun. Jadi, ini saya turut menyokong.

Fasal 13 bertujuan untuk mengadakan peruntukan pengecualian dan peralihan. Saya juga turut menyokong fasal ini untuk dimasukkan dalam rang undang-undang 1973.

Dengan isu-isu telah saya bangkitkan, saya rasa itu sahaja yang dapat saya hujahkan untuk menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Lembaga Tabung Angkatan Tentera 1973. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

12.33 tgh.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Berucap di dalam bahasa Arab] [Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya untuk berbahas Rang Undang-undang Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini. Saya juga bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana askar-askar kitalah, tidak kira di laut, di darat dan di udara, 24 jam menjaga keselamatan kita dan saya ucapkan tahniah kepada semua tentera, askar-askar kita ini kerana keamanan inilah yang sekarang ini kita kecapai dan kadang-kadang kita melihat ada rungutan daripada tentera ataupun askar-askar ini berhubung dengan perkhidmatan ataupun ganjaran-ganjaran untuk mereka.

Kita juga mengucapkan takziah kepada keluarga-keluarga angkatan tentera yang telah terkorban semasa menjaga keamanan negara khususnya baru-baru ini yang berlaku di Lahad Datu. Ini amatlah menyayat hati kita walaupun ada rakan-rakan kita yang menyatakan ini hanyalah satu lakonan sahaja. Saya juga turut mengucapkan tahniah pada Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang penubuhannya ditubuhkan melalui Akta 101, Tahun 1973 yang membolehkan perajurit-perajurit kita, tentera kita, askar kita mencarum wang seperti mana penjawat awam di dalam EPF ataupun KWSP.

Kalau kita lihat kepada objektif-objektif Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini, kita dapat melihat bahawa faedah persaraan dan faedah-faedah lain untuk anggota tentera lain-lain pangkat, angkatan tentera pencarum wajib dan serta skim simpanan untuk pegawai-pegawai angkatan tentera dan anggota kerahan angkatan sukarela. Saya faham apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Tan Sri tadi

berhubung dengan mereka yang ada sedikit gundah gulana daripada segi jawatan-jawatan yang mereka ini tidak dapat mencarum di dalam LTAT ini.

Manfaat lain yang kita lihat Skim Pengeluaran Perumahan dan juga Skim Manfaat Kematian dan Kehilangan Upaya. Ini satu skim yang cukup baik dan saya ucapkan tahniah pada Lembaga Tabung Angkatan Tentera kerana kalau kita lihat daripada segi dividen yang dibayar begitu tinggi. Kalau kita lihat angka-angka dari tahun 2013, dividen sebanyak 12.9% ataupun RM8.7 bilion yang dibuat oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Pada tahun 2014 meningkat kepada 15%, yakni sebanyak RM9.4 bilion. Kalau inilah angka-angka yang dicatat oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera, saya mengucapkan syabas dan saya menyokong penuh kepada Rang Undang-undang Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) ini yang akan membuat Lembaga Tabung Angkatan Tentera lebih berdaya maju ke hadapan.

Cumanya saya rasa *timingnya* kurang sedikit kerana salah satu rang undang-undang yang hendak dipinda ini adalah seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri tadi, yakni menggugurkan Gabenor Bank Negara ataupun Timbalan daripada panel pelaburan. Kenapakah saya katakan *timingnya* salah sedikit? Ini kerana bila kita balik kampung, bersembang dengan *pensioners* tentera ini Tan Sri, bersembang dengan angkatan tentera, timbul di belakang mereka, timbul di pemikiran mereka bahawa ini ada sangkut paut dengan 1MDB.

Ini yang kita tidak sedap dengar, ini yang kita hendak Menteri beri penerangan yang betul-betul supaya tidak disalah tafsirkan. Ini kerana bila sebut Gabenor Bank Negara, kepala mereka sudah melihat 1MDB. Sebut Gabenor Bank Negara, teringat sejarah Sarawak *news*. Sebut sahaja Gabenor Bank Negara, teringat perkara yang bukan-bukan.

■1240

Jadi, sebab itu saya kata rang undang-undang ini baik, *timingnya* tak betul. Jadi saya ada satu permintaan pada Yang Berhormat Menteri agar dikupas lebih panjang sedikit kenapa Gabenor Bank Negara hendak digugurkan daripada panel pelaburan ini.

Satu lagi yang disebut ialah mereka menyatakan bahawa Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini cuba hendak lari daripada *guideline* Bank Negara. Jadi ini yang membimbangkan kita kerana yang bercakap ini bukannya orang-orang kampung, yang bercakap ini rakan-rakan di kelab-kelab golf. Rakan-rakan yang makan di restoran besar menyatakan bahawa ini satu strategi yang akan dibuat oleh Lembaga Angkatan Tentera hendak melarikan diri daripada *guideline* Bank Negara. Padahal kalau kita tengok *guideline* Bank Negara ini tersusun cantik, yang hendak digugurkan hanya Gabenor, bukan hendak digugurkan *guideline* Bank Negara tetapi ini yang dipusing. Ini yang *dispin*, dengan izin, dalam berita-berita, dalam cerita-cerita, dalam sembang-sembang dan dimasukkan dalam terma-terma politik sekarang yang saya rasa telah pun dimulai di kempen-kempen yang berlaku di kawasan-kawasan yang kita faham dan kita lihat bahawa pilihan raya akan datang ini.

Kita juga mendapat maklumat bahawa ada rakan-rakan daripada Angkatan Tentera yang tak puas hati kerana mereka ini tak dapat opsyen mereka. Kalau kita lihat, hanya pegawai di bawah Waran I

ke bawah hanya boleh mencarum dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Saya pun tak berapa faham sedikit bab pangkat-pangkat dalam tentera. Ini biar saya rujuk sedikit, nanti saya salah cakap pula.

Saya difahamkan bahawa mereka yang atas daripada pegawai Waran I tak dibenarkan mencarum dengan- ada opsyen sama ada boleh mencarum ataupun tak payah mencarum dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Sekiranya mencarum, mereka ini tidak dapat *gratuity* yang diberi oleh kerajaan. Hanya dividen dari Lembaga Angkatan Tentera. Ini fahaman saya. Kalau tak betul, saya minta Tan Sri boleh bangun dan mencelah dan daripada pegawai Waran I ke bawah ini sehingga kepada prebet, mereka ini boleh mencarum, wajib mencarum. Seperti mana Yang Berhormat Tan Sri katakan tadi bahawa pegawai-pegawai ini juga, atas daripada pegawai waran I juga minta supaya mereka ini pun dapat mencarum, tidak lagi opsyen. Diwajibkan sama macam prebet ini juga, boleh mencarum dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pandang ke saya, bukan Yang Berhormat Tan Sri.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Minta ampun Tan Sri [*Ketawa*] Kadang-kadang, tengok Tan Sri itu dia lebih *handsome* sikit daripada Tan Sri ini [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Ini peraturan Yang Berhormat [*Ketawa*]

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Jadi, saya menyokong penuh. Saya menyokong penuh cadangan Yang Berhormat Tan Sri, orang pencen lama Angkatan Tentera ini. Sudah 40 tahun saya dengar kata dalam Angkatan Tentera. Jadi maknanya samalah perkhidmatan awam dan juga Angkatan Tentera. Ada yang merungut, semalam saya telefon rakan-rakan daripada persatuan pencen-pencen tentera ini. Mereka kata, sebentar lagi saya akan cakap bab pencen ini. Jadi mereka kata, memang ada pegawai-pegawai yang minta, yang bercakap, yang tak puas hati kerana mereka ini tak boleh dibagi opsyen sebegitu.

Sepatutnya mereka tidak wajib dan dalam Tentera ini dia pelik sikit Tuan Yang di-Pertua. Bila dia umur 22 tahun, dia kena berhenti. Katalah dia masuk jadi tentera umur 20 tahun, 40 tahun, 42 tahun dia kena berhenti dah. Dia tak boleh lagi dah nak sambung walaupun dia ada kekuatan. Itu yang banyak tentera kita yang keluar selepas itu dia terpaksa bekerja. Saya ada seorang rakan Tan Sri, cerita sedih sikitlah. Sama satu sekolah dengan saya, tak payah sebut nama. Satu ketika naik teksi Tan Sri, selepas pencen, pegang kayu, ketuk kepala *taxi driver*, merompak. Sekarang ini sahabat saya masih lagi dalam penjara. Bila saya tanya, minta maaf, dia kahwin dengan orang Negeri Sembilan. Orang Negeri Sembilan ini katanya memang masuk suku, dia suka *demand* [*Ketawa*] Dia tak cukup duit, ketuk kepala drebar teksi...

Tuan Yang di-Pertua: Bila *time* sebut Negeri Sembilan, pandang pada saya [*Ketawa*]

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Sebab Tan Sri orang Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Tak apa, tak apa, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Jadi, masuk penjara sampai sekarang. Kerana apa? Kerana tidak ada ini, tidak ada orang kata satu *bumper* untuk mereka. Tidak ada seperti pegawai-pegawai awam, pegawai kerajaan yang lain. Mereka ada pencen dan sebagainya. Yes, diberi *gratuity*.

Rakan-rakan pencen kata sekarang ini, hadiah daripada kerajaan itu dibagi dalam bentuk latihan pula. Sesetengah hendak pergi berniaga, sudah tahu, sudah faham. Anak, bini semasa mereka dalam askar dulu memang sudah berniaga. Akan tetapi bila suami pencen 22 tahun, dia terpaksa balik kampung, hendak buat pinjaman dah tak bagi. Ini cerita ini, cerita. Ada kebenaran atau tidak, saya harap pegawai dapat membantu saya.

Jadi bila mereka tidak dapat ini, isteri-isteri, anak-anak mereka orang kata sudah cekap dalam perniagaan ini. Akan tetapi angkatan tentera hantar mereka ini untuk berkursus dan tidak diberi pinjaman dan juga pertolongan daripada segi kewangan. Mereka terpaksa pergi berjumpa dengan TEKUN dan sebagainya. Yes, TEKUN ini pun satu hal juga. Kadang-kadang bagi, kita minta RM10,000, kertas kerja kita RM20,000, bagi RM5,000. Dia ambil RM5,000 itu pergi Siam mungkin. Kertas kerja RM20,000, TEKUN lulus RM5,000. Hendak buat apa benda? Ambil juga, yang RM5,000 itu pun ambil juga tetapi tak boleh hendak mulakan perniagaan.

Jadi, pegawai-pegawai atas daripada pegawai waran I juga berminat untuk diwajibkan dalam Lembaga Angkatan Tentera ini. Setakat ini, mereka sangat seronok, macam Tan Sri kata tadi dengan dividen yang diberikan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Seperkara lagi yang disebut-sebut, yang diminta saya *highlight*kan gundah-gulana mereka ini berhubung dengan kesamarataan di antara perkhidmatan dalam angkatan tentera, polis dan juga penjawat awam. Mereka menyatakan bahawa yes, kami ini dulu semasa hendak jadi Tentera dulu, Tingkatan 5 sudah boleh jadi angkatan tentera, sudah boleh jadi askar. Mak 'menakan' saya dulu ini, dulu-dulu ini bila orang kata duduk dalam askar itu Tan Sri, bila pakai uniform balik kampung, sah anak dara berminat. Dulu-dulu punya cerita ini. Darjah 5 sahaja, sebab askar pada ketika itu satu kebanggaan kepada kita orang-orang kampung.

Saya dulu pun semasa sekolah bila cikgu tanya hendak jadi apa esok besar? Hendak jadi askar, hendak jadi askar, hendak bawa senapang kerana askar menjadi kebanggaan dan pada ketika itu memang askar, anak dara suka. Jadi *confirm* kalau kita jadi askar, kita tak ada masalah untuk hendak berkahwin. Ini *mentality* dulu. *Mentality* Darjah lima, selepas LCE masuk jadi askar. Akan tetapi mereka berkata kepada saya, sekarang ini bukan begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri, sekolah rendah...

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Mencelah, untuk Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih.

■1250

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor: Terima kasihlah kerana menyatakan bahawa masa zaman dahulu askar itu sangat popular dengan- sebab satu, kalau seorang askar itu kalau dia berkahwin, isterinya akan dapat gaji juga. Oleh sebab itulah ada satu tarikan untuk wanita-wanita kampung dan sebagainya, semua. Ini kerana keistimewaan, keunikan warga tentera masa zaman dahulu. Terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua ingat juga kadang-kadang dia masuk hutan sampai dua tahun bercelaru juga ada orang rumah ini pun. Dia *pi* cari orang lain. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada bangun lagi Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Orang bangun mahu tanyakah Timbalan Menteri pun belakang kacau sama saya. Saya ini soalan saya mahu tanya Tuan Yang di-Pertua, cakap kahwin satu kahwin dia boleh dapat pencen atau gaji. *You* orang Islam boleh kahwin empat. Empat-empat pun dapatkah, satu sahaja dapat? Itu sahaja saya mahu tahu.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Yang bahasnya saya Tuan Yang di-Pertua, sayalah kena jawab tetapi saya tidak tahu bab itu Tuan Yang di-Pertua saya minta pertolongan daripada Yang Berhormat Tan Sri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat saya rasa nanti penggulungan itu Menteri agaknya akan dibantu oleh pegawailah.

Dato' Khairudin bin Samad: Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Okey silakan.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa gaji yang diberikan kepada isteri ini kalau tidak salah saya ialah gaji daripada anggota itu sendiri dipotong bagi kepada isteri supaya dia tidak joli semua. Itu yang isteri dia dapat, bukan dia dapat kerana dia kahwin dia dapat, kalau tidak salah sayalah. Dia dipotong daripada gaji dia walaupun dia masuk hutan dua tahun bermakna tiap-tiap bulan dia sudah ada peruntukan, ada potongan daripada gaji suami. Itu yang saya difahamkanlah. Terima kasih.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan sedikit, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Keluarga saya juga ada askar, abang saya juga masuk askar. Semasa dia dalam tempoh jawatan, bukan sahaja isteri yang dapat gaji yang dipotong daripada gaji beliau, malah mak juga saya kira ada juga gaji yang dipotong daripada gaji beliau. Ini satu perkara yang sangat baik pada waktu dahulu. Sekarang saya tidak tahulah. Terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Boleh saya celah sedikit? Tuan Yang di-Pertua, saya berminat apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah sebentar tadi kerana orang dahulu-dahulu memanglah arwah kakak saya pun kahwin dengan askar. Orang dahulu kalau kahwin dengan askar, memang imej keluarga itu amat tinggi. Bukan senang hendak dapat askar dahulu kalau dibandingkan dengan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, orang dahulu-dahulu kalau kahwin dengan askar ini dia kena nikah gantung dahulu. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah nikah gantung itu apa benda makna dia? Terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat pun tidak ada. Saya hendak minta tolong Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Saya tidak faham

juga nikah gantung ini, yang saya tahu bab gantung ini banyak ceritalah gantung. Jadi saya ingat kita cerita di luarlah bab gantung ini.

Izinkan saya untuk sambung Tuan Yang di-Pertua. Daripada celahan-celahan tadi, saya rasa semuanya menjurus kepada sistem yang dijalankan oleh Angkatan Tentera untuk menjaga isteri dan ibu adalah terbaik. Kalau disambung pada ketika ini, satu perkara yang patut dipuji. Kalau di berhenti minta sambung balik, sebab kita tidak tahu. Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat mengupas sedikit bab isteri ini. Ini kerana kadang-kadang askar pun dia ada juga keinginan dia untuk satu, dua orang isteri ini. Kalau yang pertama dapat, yang kedua tidak dapat tidak ada *fairness* kerana kerja mereka sama saya tahu saya ada pengalaman.

Saya ada pengalaman dan saya melihat sendiri bagaimana tanggungjawab ini terpaksa dipikul secara bersama. Jadi kalau askar hanya memberi kepada isteri yang pertama kerana kita bercakap secara terbuka. Dalam Islam membenarkan kita kahwin empat. Dia tidak sebut satu, disebut dua, tiga, empat ini yang silap. Orang lelaki silap. Saya pernah bersembang dengan Datuk Maznah, *Iron Lady* dia kata, "Orang lelaki ini bodoh". Kata dia bodoh. "Kalau saya empat terus", kata dia Datuk Maznah, *Iron Lady*. Ini sebab dia kata kahwinlah kamu dua, tiga, empat. Kalau tidak mampu baru balik kepada satu. Jadi kalau orang perempuan kata begitu kepada kita dayuslah kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kurangkan itu.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Fokus kepada tajuk Yang Berhormat.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Saya agak tertarik dengan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi. Saya cuma ingin bertanya memang dalam Islam memberi kebenaran tetapi bolehkah Yang Berhormat ataupun sama ada di Angkatan Tenterakah atau yang ada dalam inikah yang lebih daripada satu ini berlaku adil kepada semua. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat, yang berlaku adil ini maknanya sayang pun kena sama, semuanya sama tidak boleh lebih yang ini sedikit yang muda lebih yang tua kurang, tidak boleh. Jadi saya minta komen Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab sekejap Yang Berhormat lepas itu keluar topik lain Yang Berhormat. Buka nanti panjang ceritanya.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu jawab. Saya minta Yang Berhormat jumpa saya *sat gi* dekat kantin. Kita berdebat lebih lanjut. Jadi kesamarataan tadi ini telah pun dibangkitkan...

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh mencelah?

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Okey boleh.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Sebenarnya tadi saya dapat beberapa *call* daripada bekas-bekas askar di kawasan Parlimen ini mengatakan bahawa fakta yang disebut tadi bahawa isteri mendapat gaji itu tidak betul. Sebenarnya gaji suami dipotong dan bagi isteri, itulah fakta yang betul.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sama ada dipotong ataupun dibayar, saya nampak begini. Maknanya tentera ini tidak diabaikan isteri-isteri mereka. Jadi mereka masuk ke hutan ataupun bertugas di mana sekalipun, maknanya isteri mereka ini dijaga oleh kerajaan, dijaga oleh kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional ini. Hendak bagi tahu dekat mereka, isteri mereka dijaga. Bila perut besar sahaja pergi klinik, klinik Barisan Nasional. Bila hendak bersalin di hospital Barisan Nasional. Lepas itu sudah pergi sekolah, sekolah Barisan Nasional. Ini kena faham. Oleh sebab itu kadang-kadang kita rasa marah juga bila semalam kita kena ditipu, kata kita takut dan sebagainya untuk hendak- oh! Ini tidak boleh. Ini fitnah terang-terangan.

Tadi Tuan Yang di-Pertua saya pohon maaf. Seperti mana yang saya katakan tadi kesamarataan tadi ini yang dipohon oleh mereka dan kalau kita berbincang soal pangkat mereka dengan pangkat polis dengan pangkat-pangkat pegawai kerajaan perbezaannya cukup jauh. Sehingga mereka menyatakan bahawa kalau mereka ini menjadi komandan, aset yang ada di dalam kem tersebut melebihi kadang-kadang sebuah kawasan ataupun daerah ataupun kawasan Parlimen, aset sahaja. Saya tahu, ada seorang pegawai komandan di sebuah kem di bawah dia sahaja 5,000 orang tetapi bila tengok kepada pangkat beliau itu, rendah sekiranya dibandingkan dengan jawatan-jawatan yang lain.

Saya hendak membawa kedudukan pangkat-pangkat ini supaya kita dapat faham. Oleh sebab itu mereka merasa orang kata gundah gulana, mereka merasa terkilan dengan perkhidmatan, dengan sistem yang dibuat untuk mereka. Ini kerana mereka merasakan sekarang ini bukan lagi macam dahulu. Tingkatan 5 sudah jadi askar, sekarang ini sudah ada ijazah. Setengah itu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, kerana masa sudah tepat jam 1, kita tangguhkan persidangan kita dan sambung semula pada jam 2.30 petang ini. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

■1430

2.30 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Dato' Mohd. Suhaimi, sambung balik? Silakan Yang Berhormat.

2.34 ptg.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tadi saya sebenarnya terlepas pandang Tuan Yang di-Pertua, bahawa bersama kita Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B), Pengerusi Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Tadi saya bacakan segala kejayaan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan saya mengambil ketetapan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri.

Oleh sebab berjaya membawa Lembaga Tabung Angkatan Tentera sehingga ke tarikh ini dengan begitu jayanya. Yang Berhormat Tan Sri juga berkata kepada saya, *they touch the first billion*, dengan izin, *was during his tenure*. So, tahniah Yang Berhormat Tan Sri.

Selain daripada itu, Lembaga Tabung Angkatan Tentera juga telah dianugerahkan Kualiti Pengurusan Kewangan 2008, AKPK dan juga telah pun mendapat tiga anugerah terbesar di Malaysia. Saya menyebut anugerah-anugerah ini Tuan Yang di-Pertua, kerana ramai yang menyatakan bahawa askar ini tidak pandai meniaga. Yang di kampung-kampung, khususnya yang tanam cabai, cabai *failed*, yang buka kedai runcit, kedai runcit tutup, yang pergi ke laut, botnya hilang. Mereka ini adalah bekas-bekas tentera yang orang kata tidak lulus dalam perniagaan mereka. Hanya segelintir manusia sahaja dan kalau kita melihat kepada kejayaan Lembaga Tabung Angkatan Tentera, tentu sekali ucapan tahniah kita itu perlu diberikan mereka ini.

Saya melihat Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan ada juga bersama dengan kita. Saya hendak mengambil kesempatan di sini hendak mengucapkan tahniah juga kepada beliau kerana bukan sahaja beliau menjaga tentera kita, perajurit-perajurit kita tapi beliau juga telah dilantik menjadi Pengerusi *International Federation of NGOS* seluruh dunia, 40 buah negara yang beliau menjadi pengerusinya, *against the drug abuse*. Ini satu pengiktirafan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berbalik kepada perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Angkatan Tentera ini.

Tadi saya telah mulakan sedikit gundah gulana angkatan tentera, perajurit kita, askar kita berhubung dengan kesamarataan di antara polis, pegawai awam dan juga tentera. Saya berjanji tadi di sesi pagi, saya menyatakan bahawa saya hendak membawa Dewan ini, Dewan yang mulia ini untuk melihat kedudukan-kedudukan ketidaksamarataan di antara polis, tentera dan juga pegawai awam.

Kalau kita lihat di sini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pangkat Kapten dalam tentera, kalau dalam polis itu ASP. Kalau perkhidmatan awam itu M44. Kalau kita tengok Leftenan Kolonel, sama dengan Superintenden Polis dan pegawai awam M48. Brigadier Jeneral sama dengan SAC dan kalau dilihat dalam perkhidmatan awam hanya M54. Di sini kita dapat lihat bahawa tanggungjawab Brigadier Jeneral itu kalau dilihat lebih besar daripada SAC ataupun pegawai yang berpangkat M54. Brigadier Jeneral, contohnya kita ambil di Port Dickson contohnya, ada kem komandan di situ. Brigadier Jeneral di situ menjaga aset yang begitu banyak, yang begitu besar. Lebih kurang sama besar dengan boleh dikatakan Perlis, KDNK Perlis.

Akan tetapi kalau ditengok daripada segi pangkatnya hanya sama dengan SAC dan kalau kita tengok daripada segi jawatan kerajaan yang M54 sahaja. Begitu juga Mejar Jeneral, tanggungjawab Mejar Jeneral tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat sekalian, cukup besar. Akan tetapi bila kita lihat daripada segi kesamarataannya, kalau di dalam polis- DSP dan kalau kita melihat kepada perkhidmatan awam- JUSA 'C'.

Jadi, ini yang melibatkan pegawai-pegawai berasa begitu marah sedikit dengan kerajaan kerana ketidaksamarataan gred-gred ini. Jadi, saya hendak mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya kementerian dapat melihat kembali kedudukan gred-gred askar, polis dan juga perkhidmatan

awam ini. Oleh sebab kalau kita dasarkan kepada tanggungjawab, maka tanggungjawab mereka adalah lebih besar daripada gred-gred sekiranya dibandingkan dengan PDRM dan awam.

Saya hendak baca sedikit di sini, pegawai angkatan tentera semuanya memegang tauliah Agong, amanat dari Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong, bukan seperti polis ataupun perkhidmatan awam. Satu ketika dulu, pegawai angkatan tentera dalam divisyen satu walaupun saya katakan tadi tidak ada ijazah, dulu Tingkatan 5 sudah boleh jadi askar. Akan tetapi sekarang ini ijazah dan mereka ini juga kadang-kadang buat opsyen Open Universiti dan sebagainya untuk meningkatkan pengajian mereka. Jadi, kita sedang melihat bahawa mereka ini sudah mempunyai ijazah tertentu.

■1440

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lima minit lagi Yang Berhormat ya.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Panglima Brigadier di setiap negeri hanya Brigadier Jeneral...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lima minit lagi ya.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar itu. Panglima briged di setiap negeri hanya Brigadier Jeneral tetapi CPO- brigedier jeneral ini saya maksudkan satu Bintang. Akan tetapi, CPO polis mempunyai dua Bintang dan kadang-kadang kita melihat sesetengah CPO ada tiga Bintang. Ini yang membuatkan mereka begitu rasa gelisah dan gundah-gulana seperti mana yang saya katakan tadi.

Jadi, saya rumuskan Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini, maknanya kini Lembaga dengan kelulusan menteri, mereka akan mengawal selia terma dan syarat-syarat bagi pengeluaran dana. Saya rasa ini perlu disokong kerana pengeluaran dana dari Lembaga ini amat mustahak dan juga dalam pindaan ini, Lembaga perlu mendapat kelulusan kedua-dua menteri iaitu Menteri Kewangan dan juga Menteri Pertahanan sebelum ia boleh membuat sebarang pinjaman oleh Lembaga ini. Kalau dahulu, hanya Menteri Kewangan tetapi kali ini dimasukkan Menteri Pertahanan. Ini amatlah baik kerana bidang kuasa Menteri Pertahanan itu ditambah untuk menerajui Lembaga Angkatan Tentera.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat sekali lagi pada Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini sama ada ia syariah *compliance* kerana kita tahu bahawa *pensioners* daripada tentera ini boleh dikatakan 98 peratus adalah orang Islam dan tentu sekali mereka hendak melihat lembaga ini syariah *complianceny*a mesti ada. Dahulu kita pernah dengar PERNAMA atau pun anak syarikat di bawah LTAT yang menjual minuman keras tetapi pada masa ini saya tidak mengetahui sama ada perkara ini masih diteruskan lagi.

Akhir kalam, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan sekali lagi bahawa pindaan ini cukup baik, cuma *timingnya* sekali lagi saya hendak ulang, tidak kena. *Timingnya* dalam keadaan yang saya katakan, perdebatan berhubung dengan 1MDB itu berlaku, tiba-tiba Gabenor Bank Negara hendak dikeluarkan daripada pelaburan, *investment arm of the*, dengan izin, Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Saya menekankan ini kerana ini kita perlu memberi penerangan supaya rakyat serta askar-askar di

bawah faham dan mengetahui. Saya tidak tahu pula dengan KWSP dan agensi-agensi yang lain yang di bawah kementerian sama ada perkara ini juga akan berlaku.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Ariffin Omar. Silakan Yang Berhormat.

2.43 ptg.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera. Ada beberapa perkara yang saya ingin sentuh tentang pindaan ini, dan ini perbincangan antara saya dengan kawan-kawan saya yang bekerja di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Saya pernah bekerja di sana.

Pertama, saya mendapati bahawa dalam pindaan seksyen 6, Akta 101, Gabenor atau Timbalan Gabenor Bank Negara dikeluarkan daripada Panel Pelaburan Tabung Angkatan Tentera. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri sebab-sebab, kenapa mereka dikeluarkan? Kalau saya tidak salah, fungsi mereka ialah sebagai pemantau dan juga penasihat terhadap sebarang pelaburan yang akan dibuat oleh Tabung Angkatan Tentera.

Maka, jika mereka dikeluarkan, siapakah yang akan menggantikan mereka dan mengambil alih tugas mereka? Apakah jaminan yang dapat diberi bahawa wang daripada tabung ini tidak akan disalahgunakan untuk kepentingan suatu kelompok atau individu atau pun digunakan untuk menyelamatkan projek-projek yang bermasalah memandangkan bahawa negara ini sedang dilanda oleh pelbagai skandal kewangan buat masa kini?

Kes yang terlintas dalam fikiran saya ialah kes Awan Megah Sdn. Bhd. yang menjual tanah kepada anak Syarikat Boustead Holding yang merupakan sayap pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Tanah ini sebenarnya dijual sebelum pindah milik pada masa itu. Apakah yang jadi pada kes ini?

Ekoran daripada ini, bolehkah Tabung Angkatan Tentera dapat menentukan bahawa pelaburannya syariah *compliance* dan adakah tabung ini akan melantik seorang yang pakar dalam bidang hukum syariah untuk memantau pelaburan tabung ini?

Kedua, jika kita rujuk kepada sub fasal 7(b) yang bertujuan untuk meminda sub seksyen 12(2) Akta 101 bagi memperuntukkan pengeluaran caruman bagi apa-apa maksud yang ditentukan oleh lembaga. Buat masa kini, pengeluaran hanya dibenarkan bagi membeli rumah kediaman atau tanah. Maka, apakah sebab-sebab yang lain yang dapat disenaraikan oleh Lembaga? Ini mesti diterangkan dalam akta secara terang-terang supaya tidak ada sebarang kekeliruan. Nanti pula ada orang yang hendak kahwin kedua atau tiga pun boleh jadi satu sebab. Jika ini tidak diterangkan, maka apa pun boleh dijadikan sebab berdasarkan kepada *administrative issue*.

Ketiga, apa sebabnya pindaan seksyen 14, Akta 101 diadakan di mana Lembaga Tabung Angkatan Tentera hanya mendapat kelulusan Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan sebelum

Lembaga membuat pinjaman kewangan selaras dengan seksyen 5, Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999? Bukankah wajib bagi Tabung menentukan bahawa sebarang pinjaman yang dipohon haruslah diluluskan juga oleh ahli-ahli tabung dalam suatu mesyuarat kerana ini mempunyai kesan terhadap dividen-dividen yang akan diberi kepada ahli-ahlinya serta keuntungan yang akan diperoleh?

Keempat, setakat ini, adakah Tabung Angkatan Tentera mempunyai sebarang rancangan atau pun program untuk memperluaskan bantuan yang harus diberi kepada kakitangan Angkatan Tentera untuk menjaga kebajikan mereka? Ini satu soalan yang sering kali ditimbulkan oleh bekas-bekas perajurit yang telah bersara. Saya disuruh menimbulkan perkara ini oleh bekas askar ATM yang sedang menghadapi masalah untuk mendapatkan bantuan kewangan untuk diri mereka dan juga keluarga mereka untuk menghadapi masalah kesihatan dan juga untuk menentukan anak mereka dapat melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang tinggi. Soal kos pendidikan sekarang telah meningkat dan mereka perlukan bantuan.

Akhirnya, soalan yang selalu ditujukan kepada saya oleh bekas ahli tentera ialah apa sebenarnya yang ditekankan oleh Tabung Angkatan Tentera? Adakah keuntungan yang diutamakan atau pun kepentingan dan kebajikan ahli-ahli Angkatan Tentera yang masih berkhidmat dan juga mereka yang telah bersara? Sekian, terima kasih.

2.50 ptg.

Dato' Khairudin bin Samad: *Bismillahir Rahmanir Rahim... [Membaca doa]* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015. Cuma sebelum itu saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, masa panjangkah, ramaikah? saya takut saya melalut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mungkin ada 20 hingga 25 minit untuk berucap.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Agi idup agi ngelaban!*

Timbalan Yang di-Pertua: Bersemangat saya dengar itu Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Semua mengantuk ini. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, itu moto angkatan tentera. Tan Sri tahu, Tuan Yang di-Pertua pun tahu maksudnya. Hendak suruh saya jelas, 'selagi hidup, selagi melawan'.

Walaupun Kementerian Pertahanan, kita tidak melawan tetapi kalau orang serang kita lawan. Itu pertahanan, sebab itu Menteri Pertahanan, Kementerian Pertahanan dan kita beruntung kita mempunyai Yang Berhormat Timbalan Menteri yang pernah menjadi Menteri KDN. Kementerian Dalam Negeri dan sekarang Menteri Pertahanan. Jadi saya boleh buat pembetulan sedikit kepada Dato' Suhaimi tadi sebab beliau lebih arif antara kesamarataan ini, antara polis dengan tentera. Bukan saya hendak bela polis tetapi sebab saya terlibat dahulu sewaktu membantu polis semasa saya di Kementerian Kewangan.

Tentera kalau hendak masuk universiti, hendak lanjutkan pelajaran ambil undang-undang diberi percuma, *scholarship* tetapi kalau polis tidak boleh sehingga kita buat satu Kertas Kerja. Sewaktu itu Tok Pa menjadi setiausaha politik kepada Menteri Kewangan, tolong bantu saya untuk buat kertas kerja untuk

bentang supaya polis juga diberi tetapi polis dapat RM500 saja gaji kalau dia pergi lanjutkan pelajaran. Jadi tidak ada kesamarataan, kita kena lihat yang ini. Akan tetapi kalau tentera hendak kahwin empat dengan dia sanggup untuk bahagi gajinya kepada empat orang, saya rasa tidak jadi masalah kepada Yang Berhormat Menteri kerana anggota tentera hendak kahwin empat dan hendak bahagi gajinya kepada lima orang termasuk dia sendirilah kerana dia bagi empat orang, dia kosong pun tidak boleh. Sekarang ini dibahagi kepada seorang isteri, itu dipotong daripada gajinya yang saya faham. Jadi yang itu Yang Berhormat Menteri kena jawablah.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kita lihat kita tidak ada ancaman daripada komunis. Jadi saya kasihan dengan tentera ini, bukan tidak kasihan. Kita menyokong pindaan-pindaan ini untuk kebaikan mereka tetapi apa yang saya hendak nyatakan di sini ialah tentera ataupun angkatan tentera kita ini tergolong dari laut, udara dan juga darat. Yang lautnya, kita tengok ada pencerobohan dari laut tetapi bukan pencerobohan daripada penganas tetapi itu adalah daripada PATI. Pemandang-pemandang yang masuk melalui laut kita yang luas tetapi mereka juga tidak mempunyai keupayaan untuk hendak melindungi habis semua lautan kita yang luas. Begitu juga udara.

Angkatan tentera darat ini menjadi masalah sedikit oleh sebab tidak ada ancaman. Saya pun tidak tahulah, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan apa yang mereka buat sekarang ini selain daripada membantu mangsa banjir dan sebagainya. Apa yang mereka buat sekarang ini sebab di perbatasan ada orang boleh menceroboh sehingga kita tengok-tengok ada orang dah meninggal berapa ramai ditanam di perbatasan kita. Kalau ada tentera yang buat rondaan di situ, tak mungkin ada penceroboh-penceroboh. Ini umpamanya termasuklah di Sabah dan Sarawak. Kalau ada tentera darat yang boleh ditugaskan untuk bukan hendak perang dengan orang, kita bukan kementerian perang, bukan kementerian serang.

Bila cerita fasal serang ini saya teringat Yang Berhormat Tan Sri mantan PAT kita dia bercerita dengan saya baru-baru ini. Di sini hendak berseloroh sedikit sebab saya tengok kawan-kawan mengantuk. Jadi kena dengar cerita ini. Datuk Halimah belanja beriani gam hari ini, ramai orang masuk dalam tak berani dah, semua mengantuk. Jadi saya hendak cerita sedikit, ini Yang Berhormat Tan Sri bercerita pada saya. Kalau zaman British dulu waktu kita diperintah, ditakluk, tentera-tentera kita ini terutama dari Negeri Sembilan Tuan Yang di-Pertua. Yang dari Negeri Sembilan, mereka ini kalau diarah serang, dia pergi seorang saja pergi serang sebab orang Negeri Sembilan ini dia kata "*sorang*", lepas itu British marah.

Pegawai British ini marah sebab kenapa seorang saja yang pergi. Dipanggil lagi "*sorang*", "*sorang*" lagi pergi. Akhirnya tiga orang saja pergi sebab dia asyik "*sorang- sorang*". Dia tidak datang ramai-ramai. Sejak itu, mereka yang dari Negeri Sembilan tidak boleh jadi tentera, fasal itu jadi Ahli Yang Berhormat [*Ketawa*] Jadi Tuan Yang di-Pertua sebab tidak boleh, tidak boleh sebab suruh serang, dia "*sorang*", dia pergi "*sorang*". Jadi kalah kita- "*sorang*" kena tembak. Itu kata Yang Berhormat Tan Sri mantan PAT. Saya tolong cerita saja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kalau kita tidak ada pengawalan di kawasan-kawasan ini, saya risau. Kita pernah ada kes yang pertama kes di Sauk di mana tentera-tentera buatan ini yang masa itu Al-Ma'unah, bukan IS lagi. Tentera-tentera buatan ini boleh masuk ke dalam kem dan merampas senjata dengan apa alasan sekalipun kita tidak boleh terima pada ketika itu kerana kita jadi risau. Walaupun mereka itu segelintir saja, tidak bolehlah nak menakluki negara ini tetapi dia ada tunjuk dia nak melawan dengan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, maka mereka pun dah dicaj di mahkamah.

Kemudian, berlaku pula MH370. Sepatutnya kalau mengikut perundangan, sepatutnya apabila ada kapal terbang menceroboh di dalam negara, dalam ruang udara kita, sepatutnya tentera udara dah pun hantar jet pejuang untuk *scramble*, dengan izin, kapal-kapal terbang yang menceroboh di udara kita tetapi ia tidak berlaku pada ketika itu. Saya pun tidak boleh hendak jelaskan. Cuma saya hairan kenapa ini berlaku sebab kemungkinan Tuan Yang di-Pertua, kerana kita terlalu aman. Saya bersyukur yang amat sangat ke hadrat Illahi oleh sebab kita mempunyai pasukan keselamatan yang cukup kuat. Belum mereka bergerak luas, kita dah dapat tangkap tetapi seharusnya sebelum mereka bergerak, kita kena tangkap.

Akan tetapi saya bersyukur kerana kita tidur malam nyenyak, bangun pagi datang bekerja dengan pasukan keselamatan ini kita hidup aman dan damai dalam negara kita yang kita kasihi ini. Akan tetapi yang menghairankan adakah oleh sebab tidak ada ancaman-ancaman yang begitu, maka kita jadi lalai, kita alpa terhadap keselamatan negara sehinggakan MH370 patah balik masuk ke ruang negara kita tanpa ada rekod yang mengatakan ada kapal terbang hendak masuk dalam ruang udara sebab yang duduk di bawah ini, yang jaga radar ini dia tidak tahu siapa punya kapal terbang itu.

■1500

Jadi dia kena *scramble* dahulu tetapi ia tidak berlaku pada ketika itu. Itu *last* sekali, kapal terbang pun hilang sampai hari ini. Ini yang menyedihkan, mendukacitakan. Kalau tentera-tentera kita hanya menerima gaji setiap bulan, duit pun cepat habis sebab tidak bekerja. Lebih baik kita rasa mereka ini diberi tugas, diberi tanggungjawab, buat rondaan, jaga perbatasan walaupun kita kata kita tidak ada.

Sekarang ini ancaman ini daripada IS. IS ini saya rasa kalau dia hendak bergiat pun, kalau hendak buat latihan pun mestilah kena buat dalam hutan. Tidak mungkin dia buat dalam bandar. Tak kan dia hendak buat latihan menembak dan sebagainya di dalam bandar. Dia mesti buat dalam hutan. Kalau dia buat dalam hutan, kalau askar-askar kita ini tidak ditugaskan untuk *round*, buat rondaan di dalam hutan saya rasa kita tidak mungkin tahu berapa banyak yang telah pun dilatih, berapa banyak yang ada di sana untuk kita hendak buat pemantauan. Jadi saya berpendapat seelok-eloknya mereka ini ditugaskan. Jangan tugas untuk tunggu apabila banjir baru pergi buat jambatan, buat rumah, hantar bantuan, kebajikan dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya melihat juga bahawa kalau hendak dilihat kepada mereka yang bertugas, askar laskar ini yang bertugas dengan Angkatan Tentera, yang bertugas sebab ia ada jangka panjang dan jangka pendek. Jangka pendek ini macam mereka yang tidak

mempunyai pencen. Mereka yang berhenti, kalau tidak salah saya Tuan Yang di-Pertua dia tidak mempunyai pencen. Apabila habis tugas, dia dapat royalti, kemudian dia akan bekerja ataupun dia berniaga. Sudah tentulah pihak ATM telah pun membuat persediaan untuk mereka ini.

Akan tetapi saya melihat kebanyakan daripada mereka yang berhenti ini jadi pemandu teksi. Apabila dia hendak jadi pemandu teksi, kebanyakan daripada mereka ini menyewa. Apa salahnya setelah berkhidmat selama 10 tahun kalau dia hendak jadi pemandu teksi kita bagi permit teksi terus. Tidak perlu dia sewa. Kepada individu pula, jangan kepada syarikat. Itu cadangan saya.

Kemudian keduanya mereka ini diberi kursus-kursus untuk berniaga dan kita bimbing. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah tadi dan bimbing mereka, bagi pinjaman sedikit untuk mereka memulakan perniagaan. Tidak cukup dengan wang royalti yang diberikan tetapi kalau boleh kita bagi pinjaman sedikit untuk mereka memulakan perniagaan.

Lagi satu, kalau boleh yang mana jangka pendek ini selepas tamat perkhidmatan dengan angkatan tentera serapkan dalam pejabat-pejabat ataupun sebagai anggota polis dan sebagainya. Ini sebab saya berpendapat mereka ini sudah cukup disiplin. Untuk jadi tentera ini kalau tidak ada disiplin, tidak boleh. Dia mesti tepat pada waktu, dia mesti jiwanya cukup disiplin. Kalau mereka ini kita boleh bagi selain daripada apa yang kita hendak tambahkan untuk pendapatan mereka daripada segi kita hendak melihat untuk tabung mereka ini, kita juga boleh membantu mereka ini dengan memberi tempat kepada mereka di dalam kerajaan sendiri. Mana-mana jabatan kerajaan yang perlu. Tidak payahlah mereka ini selepas pencen bila dengar jadi *security guard*, pengawal keselamatan. Minta maaf. Dia lari sedikit.

Mereka ini jadi pengawal keselamatan. Saya kasihan kadang-kadang tengok. Duduk, ada yang sampai tua, sampai umur 60 tahun masih lagi jadi pengawal keselamatan yang jaga kedai emas. Selepas itu dengar pula kedai emas itu kena rompak dia kena ketuk. Bukan kena tembak, kena ketuk sebab dia hendak kejar pun tidak boleh. Ini sepatutnya kita beri perhatian kerana dia telah bertugas untuk membela negara pada ketika itu untuk mempertahankan negara supaya kita dapat tidur lena. Akhirnya kita tidak peduli kepada dia, dia jadi pengawal keselamatan. Uniform dia pun, pakaian dia yang diberikan oleh syarikat pun saya tengok sudah lusuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, hendak mencelah.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi dia rehat sekejap. Saya cuma hendak menambah Tuan Yang di-Pertua, menambah lagi kepayahan, kesusahan kehidupan bekas tentera ini sebenarnya adalah lebih teruk daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad sebentar tadi.

Saya hendak mengambil gambar daripada Raub ini. Dia pengutip sampah, ambil tin, ambil barang-barang yang boleh kitar semula ini. Umurnya 70 tahun, anak dia lapan orang, seorang OKU. Duduk di rumah sewa RM250. Jadi dia tidak mampu dengan pendapatan RM20 seminggu untuk *collect*. Banyak dia cuba untuk mendapatkan bantuan dari Lembaga Angkatan Tentera, masih tidak berjawab.

Jadi saya rasa perkara-perkara ini tidak boleh berlaku. Mereka, bekas tentera ini telah berkhidmat untuk negara. Jadi mereka ini perlu dibela. Jadi kadang-kadang mungkin terlepas pandang,

mungkin tidak dapat dikesan. Saya rasa yang dahulu bagus. Dahulu bagus apabila kawasan FELDA masuk, kebanyakan semua bekas tentera. Komando ada, apa ada. Itu hendak jadi ketua kampung bertumbuk-tumbuk itu, aku komando, macam itulah, dia serang sorang ini.

Jadi inilah sebenarnya, kalau ini boleh kita buat seperti mana Perak buat. Saya mahu menunjukkan bahawa di Perak, dia bagi lebih kurang 7,000 lot untuk bekas tentera ini untuk penempatan tentera. Jadi ini kalau boleh semua terlibat secara langsung bagaimana kita hendak membantu bekas-bekas perajurit yang telah berkorban. Jadi saya rasa untuk menambah sedikit Yang Berhormat punya perbincangan tadi.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif. Tuan Yang di-Pertua, memang saya hendak bercerita tetapi *you* sudah tolong cerita, terima kasih banyak. Dia macam ini, seorang.

Itu yang saya cadangkan supaya mereka ini dapat diserapkan dalam jabatan kerajaan sebab kesusahan itu memang kita tahu, kesusahan mereka ini. Kalau kita hendak bagi tanah pun, akhirnya tanah satu Malaysia ini hampir semua bekas Angkatan Tentera, kita pun tidak ada tanah hendak bangun apa-apa pun tidak boleh juga. Jadi kalau boleh kita campur adukkan macam Kolonel selepas menjadi tentera, mari duduk di Parlimen macam ini. Kita hendak beri contoh-contoh yang macam itu.

Maksud saya di sini tadi saya bersetuju sangat sebab ini satu di antara beribu-ibu kes yang ada di negara kita yang kadang-kadang kita macam lupa terhadap pengorbanan mereka. Saya kasihan bukan setakat kutip tin. Kadang-kadang mereka ini sampai hendak makan pun susah, cari kita minta tolong dan sebagainya. Akan tetapi akhirnya yang menjadi masalah ialah yang saya takut Tuan Yang di-Pertua sebab pernah terjadi apabila puak-puak yang tidak bertanggungjawab ini mereka rekrutkan balik bekas-bekas tentera ini untuk masuk ke dalam hutan dan menentang kita. Ini pernah terjadi termasuklah mungkin yang di Sauk. Kalau tidak mana tanpa ada pengetahuan ketenteraan, mereka ini boleh menentang kerajaan. Sudah tentulah mereka ini mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan. Ini yang paling mustahak, yang bekerja atau yang cari kutip tin. Ini semua memang ada tetapi yang kita paling kluatir apabila mereka terdesak hidup mereka patah balik ke dalam hutan untuk menentang kita. Jadi sebelum...

■1510

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada lebih kurang empat minit lagi Yang Berhormat ya.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau kita, yang ini yang lebih mencurigakan kita sebab bagi saya kalau masih lagi dia boleh minta tolong pada kita untuk hendak makan dan sebagainya, kita boleh cari jalan untuk bantu. Akan tetapi kalau akhirnya mereka patah balik ke dalam hutan itu akan merosakkan segala-galanya apa yang kita pelan lebih awal terhadap mereka ini. Oleh sebab ini pernah berlaku dan saya berharap ia tidak akan berulang.

Tuan Yang di-Pertua oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya akan beri peluang kepada rakan-rakan saya yang lain yang hendak berbahas pada hari ini. Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya dan juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah pun mendengar celoteh saya. Saya di sini mengambil kesempatan untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Sila Yang Berhormat.

3.11 ptg.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* [Membaca sepotong doa] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya ruang dan peluang dalam membahaskan Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015 di dalam Dewan Negara yang mulia ini.

*Pok amai-amai,
Belalang kupu-kupu,
Yang Berhormat beramai-ramai,
Membahas RUU,*

*Pok amai-amai,
Belalang rama-rama,
Yang Berhormat ramai-ramai,
Membahas Tabung Lembaga Angkatan Tentera.*

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat Lembaga Tabung Angkatan Tentera mereka ini membayar dividen dan bonus 2014 sebanyak 15% membabitkan RM835.1 juta iaitu jumlah tertinggi dibayar LTAT sejak penubuhannya 42 tahun yang lalu. Ini bagi saya satu pencapaian yang cukup cemerlang, yang cukup hebat dan terbaik 15%. Saya difahamkan dividen itu merangkumi dividen biasa - 7%; bonus - 1%; bonus khas - 7%; dalam bentuk Unit Amanah Saham secara percuma kepada pencarum aktif.

Tuan Yang di-Pertua sukalah saya di sini hendak maklumkan kalau daripada segi lorat orang Kedah, orang Kedah kalau air dipanggil “*ayaq*”, kalau askar dia tidak panggil “*askaq*” dia tetap panggil askar. Jadi rata-rata orang Kedah kita tidak panggil tentera tetapi kita panggilan kita lebih mesra iaitu “askar” bukan “askaq”. Air sahaja kita panggil ‘*ayaq*’.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya hendak tanya adakah pencarum-pencarum aktif ini dapat mengeluarkan wang caruman mereka untuk tujuan membeli rumah, membeli tanah, menunaikan haji dan umrah ataupun untuk soal pendidikan. Kalau boleh keluarkan setakat mana sebenarnya mereka boleh keluarkan? Saya bangkitkan isu ini kerana saya rasa bertuah saya lahir dalam sebuah daerah di mana ada dua buah kem lapangan terbang iaitu dua buah kem tentera, dua buah kem askar, satu Kem Lapangan Terbang Sungai Petani, satu lagi Kem Lapangan 6 Briged. Jadi rata-rata di kawasan saya kebanyakan pengundi terdiri daripada askar-askar. Jadi itulah yang selalu mereka membangkitkan kepada saya kalau mereka boleh keluarkan setakat mana sebenarnya mereka boleh keluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, malahan ada juga bekas-bekas tentera membangkitkan soal wang caruman ini bolehlah digunakan kalau boleh untuk membeli kediaman dan kalau kita ikut keadaan semasa sekarang pun harga kediaman pun semakin meningkat. Rata-rata pencarum dalam kalangan anggota tentera sendiri ada yang bergaji sederhana dan sederhana rendah. Begitu juga soal pendidikan, ada juga pencarum yang memerlukan sama ada untuk diri sendiri bagi melanjutkan pelajaran atau untuk anak-anak mereka. Jadi saya hendak tahu adakah dalam pindaan ini mempunyai kemudahan sebegitu rupa.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita sedikitlah di kawasan saya, saya hendak ucap terima kasih kepada NGO yang pada zaman sekarang ini kita anak-anak muda tidak dapat rasa keperitan tentera-tentera kita, askar-askar kita yang lalu. Akan tetapi ada satu NGO di kawasan saya telah dengan begitu prihatin membawa dua orang bekas tentera, seorang yang buta mata, seorang yang kudung kedua belah kaki akibat mereka berlawan dengan komunis pada satu ketika pada zaman komunis yang lalu.

Jadi dua-dua bekas tentera ini bekas askar ini datang ke sebuah sekolah semasa perhimpunan sekolah iaitu semasa perhimpunan ada pelajar daripada Tingkatan 1, sampailah Tingkatan 5. Mereka mendengar sendiri bagaimana dua orang yang seorang yang buta dan yang kedua itu kudung kedua belah kaki menceritakan saat-saat cemas mereka terpijak bom dan salah seorang itu buta dan salah seorang lagi kudung kedua belah kaki. Jadi, pada saat kedua-dua bekas askar ini cerita dia orang cerita dengan penuh menyayat hati. Pada saat itulah saya rasakan betapa hebatnya askar kita yang lalu mempertahankan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan rang undang-undang ini ada disebutkan pengguguran Gabenor Bank Negara Malaysia atau Timbalannya daripada menganggotai panel pelaburan. Jadi saya hendak tahu apakah di sebalik rasional pengguguran itu dan siapakah yang layak menggantikan kedudukan Gabenor Bank Negara. Adakah orang yang diganti itu mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas apatah lagi dalam soal pelaburan dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini yang mempunyai aset yang cukup besar iaitu RM9 bilion ataupun RM9,000 juta. Jadi dengan jumlah aset yang cukup besar itu sudah tentu pencarum-pencarum mahukan yang terbaik untuk masa depan masing-masing. Akhir kata,

*Pok amai-amai,
Belalang kupu-kupu,
Terima kasih Timbalan Menteri mai,
Jawapan Yang Berhormat Menteri kami menunggu.*

Dengan itu saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan ini orang baru ini, Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Silakan Yang Berhormat.

3.17 ptg.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahir Rahmanir Rahim...* [Membaca sepotong doa]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya. Saya buat kali pertama berucap di Dewan yang mulia ini, ingin melafazkan rasa kesyukuran kepada Allah Rabbul Jalil kerana dapat berkhidmat untuk rakyat dan negara, *insya-Allah*. Terima kasih kepada semua rakan yang mengucapkan tahniah dan doa, mudah-mudahan saya dapat memberikan kerjasama dan sumbangan pemikiran berasaskan kepada pengalaman saya dalam dunia akademik hampir 40 tahun yang lalu.

Saya pada petang ini tidak bermaksud untuk bercakap panjang macam Senator-Senator yang senior yang membicarakan tentang Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015. Saya tidak ada kesempatan untuk kali pertama, hanya baru sahaja melihat secara kasar tetapi saya ingin berbicara sedikit yang memprihatinkan saya ialah persoalan kebajikan anggota-anggota tentera. Saya mengambil daripada segi contoh pengalaman saya apabila pulang ke kampung, dengan izin, *hometown* saya iaitu Taiping bandar yang aman damai. Akan tetapi sebelum sampai ke Bandar Taiping itu dari waktu saya kecil lagi hinggalah sekarang sudah dewasa betul, sudah masuk dalam siri yang keenam, saya melihat rumah kakitangan Angkatan Tentera di Kamunting daif sangat.

■1520

Bila kita tanya sebab kita ada kawan-kawan yang duduk di situ, mereka punya anak yang ramai. Walaupun sudah dibuat tambahan-tambahan di depan dan di belakang namun nampaknya mereka tidak selesa. Paten rumah yang ada itu paten tahun 50-an. Walaupun kita akur bahawa Kementerian Pertahanan sudah pun membaik pulih dengan menaikkan taraf perumahan itu tetapi setelah kita merdeka hampir 60 tahun ini, rasanya rumah-rumah yang paten yang demikian seharusnya sudah tidak wujud lagi.

Itu saya tunjukkan di kawasan yang berhampiran dengan tempat kelahiran saya iaitu di Kamunting. Akan tetapi saya lihat juga mungkin ada di tempat-tempat yang lain. Oleh yang demikian, saya rasa persoalan perumahan ini satu persoalan yang asas untuk mensejahterakan rakyat. Jadi ini patut diberikan keutamaan (*priority*) supaya keluarga itu dapat dibina dalam pasukan tentera yang kita tahu dalam tentera ini ada beberapa masalah seperti mana yang dibicarakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelum saya tadi.

Kita tidak mahu ada *inferiority complex*, dengan izin, di kalangan pimpinan keluarga. Ini kerana kita lihat bahawa antara masalah-masalah sosial yang berlaku hari ini di kalangan remaja dan anak-anak muda ialah kerana kedudukan perumahan di bandar terutamanya yang kecil, tidak selesa, yang tidak ada kemudahan-kemudahan yang akhirnya menimbulkan ancaman-ancaman perlakuan, ketidakharmonian sosial yang membawa kepada keruntuhan moral.

Kita juga hendak anak-anak tentera maju dalam pelajaran. Akan tetapi kita tahu bahawa anak-anak tentera walaupun dijamin untuk mendapat permit teksi tetapi...

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: [Bangun]

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: ...Umumnya mereka masih menggunakan teksi yang disewa. Itulah satu ruang pekerjaan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Ada yang hendak mencelah? Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat benarkan?

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, saya senang hati bila wakil baru kita, MP baru ini benci kedaifan keluarga askar kita, tentera kita di Kamunting. Boleh atau tidak saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat bahawa kerajaan PKR Selangor mengambil tanah-tanah orang Melayu di Datuk Keramat, separuhnya anak-anak askar punya dengan bapanya, bekas tentera, habis semua dibangunkan. Bangunan yang dikatakan Datum Jelatek. Dijanjikan kepada orang ini harga murah. Ambillah abang, ambillah pakcik tetapi akhirnya Datum Jelatek itu bukan berharga RM100,000 tetapi RM600,000 atau RM500,000. Boleh atau tidak wakil kita sampaikan kepada orang iaitu kerugiannya anak bangsa kita, bekas-bekas tentera ini, anak-anak yang bapanya dulu askar dan dia pun askar kini. Tanah ini diambil dengan harga murah tetapi RM500,000 atau RM600,000. Tolong sampaikanlah. Terima kasih.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu *respond* kepada perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, mikrofon.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Akan tetapi saya bercakap satu perkara yang realiti di sebuah kawasan iaitu di Kamunting, Perak. Boleh pergi dan lihat. Antara Penjara Taiping dengan Simpang Ampat Kamunting itu masih lagi bangunan yang lama. Ini yang saya timbulkan. Perkara yang di negeri Selangor itu kita boleh bahaskan kemudian dan tidak payahlah dibawa ke mari lagi dan boleh disambung dalam sesi yang akan datang untuk kita dapatkan fakta-fakta yang sebenarnya.

Seterusnya saya juga ingin menyatakan bahawa adakah pernah Kementerian Pertahanan membuat satu lawatan dan kajian penyelidikan terhadap kedudukan status persaraan, daripada segi *benefits* yang diperoleh, dengan izin, di seluruh dunia terutamanya dalam negara-negara yang sudah maju hatta juga dalam negara-negara Asia. Saya tidak boleh memberikan fakta kerana saya ada sekali mendengar tetapi saya tidak boleh *verify*, dengan izin.

Akan tetapi kalau itu berlaku dalam sebuah negara yang tidak begitu kukuh ekonominya, tetapi *benefit*, dengan izin, persaraan kepada tenteranya itu baik, dikatakan kononnya lebih baik dari Malaysia tetapi saya tidak berani hendak sebut lagi. Ini hari pertama saya tetapi pokoknya adakah kajian itu dibuat di seluruh dunia untuk menambah baik kedudukan persaraan bekas tentera-tentera kita di dalam negara ini. Itulah barangkali yang dapat saya sampaikan untuk sementara ini kerana hari ini hari yang pertama dan...

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya rasa ada yang hendak mencelah lagi ini.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat yang bijaksana itu, bak kata orang Melayu kita, janganlah nampak kuman di seberang lautan sana, tetapi gajah dan harimau di depan mata tidak nampak. Itu sahaja. Terima kasih.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Mikrofon itu, Yang Berhormat, pasang.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Kita akui ada kebaikan-kebaikan yang berlaku dalam skim persaraan tentera kita jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain tetapi kita hendak yang lebih baik lagi dapat ditingkatkan kerana visi 2020 yang sudah hampir empat tahun sahaja daripada sekarang. Soalan saya, ada atau tidak negara-negara yang lain yang boleh kita jadikan contoh yang praktikal. Kalau ada, dan itu yang saya pohon pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Puan Bathmavathi. Silakan, Yang Berhormat.

3.26 ptg.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Akta Tabung Angkatan Tentera 1973.

Tuan Yang di-Pertua, angkatan tentera termasuk pasukan darat, udara dan laut barisan pertahanan ulung yang menjaga keselamatan negara ini. Pengorbanan mereka dalam mempertahankan kedaulatan dan keselamatan amat disanjung oleh rakyat di negara ini. Oleh sebab pengorbanan mereka menyebabkan rakyat dapat hidup aman damai dan dalam suasana yang amat selamat. Saya ingin mengutarakan suatu situasi atau suatu kes yang melibatkan seorang veteran yang kisahnya amat menyedihkan.

Ada segolongan veteran yang di bawah Pasukan Simpanan Sukarela 101, Flait TUDM dan ini melibatkan lebih kurang saya rasa antara 12 hingga 13 orang yang pernah berkhidmat untuk negara pada suatu ketika dahulu. Golongan veteran ini masih dibayar pencen berdasarkan suatu akta yang sudah lama dan akta itu ialah *Malay Regimen and Federation Regimen Act (Pay Pension Gratitude and Other Benefit Under Regulation) 1952* yang dilaksanakan zaman pentadbiran British di bawah Rejimen Kolonial dulu.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini diluluskan pada masa sebelum merdeka lagi dan kini sudah 63 tahun tidak ada perubahan yang dibuat pada akta itu dan kos bayaran pencen telah dihitung berdasarkan kos sara hidup pada waktu itu iaitu lebih daripada setengah abad dahulu. Berikutan itu ada satu laporan surat khabar pada tahun 2001 yang menyatakan bahawa akta tersebut akan dipinda pada hujung tahun tersebut tetapi ia tidak dilakukan. Juga tiada sebarang tindakan diambil oleh Kementerian Pertahanan

mengenai perkara ini walaupun secara keseluruhannya angkatan tentera telah melalui proses pemodenan.

Tuan Yang di-Pertua, dari semasa ke semasa kerajaan telah pun melaksanakan semakan gaji dan pencen bagi anggota tentera tetapi malangnya Jabatan Rekod Pencen Kementerian Pertahanan telah memilih untuk tidak melaksanakan semakan atau kenaikan pencen bagi kategori yang saya sebutkan tadi iaitu untuk veteran Pasukan Simpanan Sukarela 101, Flait TUDM, walaupun anggota tentera lain telah menikmati kenaikan pencen.

Contoh yang saya ingin utarakan di sini ialah seorang anggota tentera wanita yang bertugas di bawah pasukan tersebut terlibat dalam kemalangan sewaktu beliau menjalankan tugas di Kuching, Sarawak pada tahun 1978.

■1530

Berikutan itu, dia telah mengalami kecacatan 100% kepada badannya. Dia telah menjadi lumpuh. Wanita tersebut ditawarkan *pension*, ketidakupayaan seumur hidup sebanyak hanya RM50 sahaja sebulan. Bayangkan RM50 sahaja sebulan dari tahun 1978 sehingga kini iaitu 37 tahun. Sila bayangkan nasib wanita ini dan yang lain di bawah kategori yang sama.

Saya berpendapat ini memanglah tidak adil bagi seseorang yang telah berkhidmat untuk negara diberikan layanan seperti ini. Kes ini telah pun dibawa ke perhatian KDN beberapa kali oleh suami wanita ini sendiri yang juga seorang bekas anggota tentera. Akan tetapi sehingga ini, ia masih mendapat suatu sambutan yang baik. Jadi saya minta kerajaan supaya memberikan perhatian kepada beberapa orang ini di bawah veteran pasukan sukarela ini yang saya sebutkan supaya nasib mereka terbela juga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah. Silakan Yang Berhormat Senator.

3.31 ptg.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap pada petang ini. Terlebih dahulu saya patut mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak yang bertanggungjawab yang mengutarakan pindaan rang undang-undang ini kerana saya rasa pindaan ini begitu *timely*.

Ini kerana saya melihat secara keseluruhannya ia bertujuan untuk penambahbaikan, ia untuk memastikan proses penambahbaikan khasnya untuk pesara-pesara supaya hidup persaraan mereka itu menjadi lebih baik dan juga bukan itu sahaja, persaraan ini bukan hanya untuk askar lasykar iaitu peringkat bawahan tetapi juga telah dimasukkan untuk pegawai-pegawai atau askar-askar di peringkat atasan. Kita lihat di sini, dalam pindaan fasal 5 iaitu dicadangkan bertujuan untuk mengenakan caruman

wajib ke atas pegawai ke Tabung iaitu merangkumi kedua-dua golongan sama ada di peringkat bawahan atau peringkat atasan dan saya rasa ini satu langkah yang cukup baik.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita mendengar daripada rakan-rakan kita Yang Berhormat Senator tadi, kalau kita lihat sejarah tentera ini, ia merupakan satu profesion yang cukup dihormati dan disanjung tinggi dari dahulu. Bahkan pagi tadi kita mendengar banyak cerita yang begitu menarik, betapa tingginya pengiktirafan yang diberikan kepada askar khasnya di kampung-kampung, terus-terang saya katakan saya dari kampung. Dahulu memang saya mengakui saya boleh *confirm* kan kalau sekiranya tentera-tentera askar ini walaupun setakat Darjah 5, setakat *private* tetapi kalau meminang anak gadis orang, memang gerenti dapat sebab banyak faedahnya.

Tiap-tiap bulan kita akan dapat melihat bakal-bakal calon isteri ini akan berderet di *post office* untuk mengutip elaun. Kalau kahwin dengan guru pun tidak dapat. Berkahwin dengan tentera dapat ambil elaun. Bahkan bakal mak mentua pun seronok untuk menerima pinangan tentera ini kerana kalau berkahwin dengan tentera, anaknya daripada duduk rumah di kampung, akan duduk di rumah batu. Rumah kampung rumah atap. Ini rumah batu. Bukan itu sahaja, mak mentua kata, "*Sudah duduk rumah batu, tekan dinding, keluar api dalam kaca*". Ini orang *nogori*. Tekan sahaja dinding, hebat! Tekan sahaja dinding, petik suis, menyala apinya dalam kaca. Di kampung, zaman itu tidak ada pun ataupun pulas batangnya, memancut air. Besi, besi paip ya. Pulas batang, memancut air. Punya hebatnya orang-orang tua dahulu, orang kampung khasnya memandang tinggi kepada tentera.

Bahkan di kampung saya tadi, sahabat Yang Berhormat Senator saya mengatakan ada tiga jenis golongan iaitu tentera laut, tentera darat, tentera udara. Di kampung saya rata-ratanya memang inilah profesion mereka walaupun kampung saya di tepi laut, banyak nelayan, pesawah padi dan panjat pokok kelapa untuk mengambil buah kelapa ataupun gula melaka. Tiap-tiap kali mereka meminang anak gadis orang, mereka akan menyamar. Apabila ditanya kerja apa, "*Anak kerja apa?*". "*Oh! Anak saya ini tentera darat*". Sudah kahwin baru tahutentera darat sebenarnya dia kerja petani, dia mencangkul, cangkul sawah. Itu tentera darat. "*Anak kerja apa?*". "*Anak saya tentera udara*". Tentera udara apa, ini yang panjat pokok kelapa itu atas udara. Dia ambil buah kelapa, tentera udara. "*Anak kerja apa?*". "*Anak saya tentera laut, navy*". Rupa-rupanya nelayan. Jadi ini *true story* Yang Berhormat. Jangan kata saya bohong. Ini kampung saya punya cerita. Itu zaman dahulu, zaman dahulu mana ada *dating, dating*. Mak bapak yang akan *arrange marriage*.

Jadi, saya hendak katakan begitu hebatnya masa itu kita memandang tinggi kepada tentera, penghormatan yang cukup tinggi, pengiktirafan yang cukup tinggi tetapi akhirnya, ia 'panas hingga ke petang, hujan di tengah hari rupanya'. Terbalikkah atau betul itu?

Seorang Ahli: Betul.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Maksudnya, begitu hormatnya kita kepada tentera, kawan belum lagi sampai umur 40 tahun, anak sudah ramai, sekolah rendah pun tidak lepas lagi, sudah pencen. Manakah maruah tentera? Ini yang saya rasa saya patut mengucapkan tahniah kepada pindaan RUU ini kerana kita berusaha walaupun saya faham, saya mendengar tadi ada rintihan daripada

rakan-rakan, memang banyak masalah daripada segi perumahan, daripada segi kehidupan mereka setelah mereka pencen, memang banyak. Akan tetapi ingin saya tegaskan, ini bukan satu perkara yang mudah. Ia merupakan satu proses yang akan mengambil masa. Contohnya, kita bandingkan rumah-rumah tempat kediaman mereka, rumah-rumah itu tahun 60-an. Kem-kem askar itu telah lama. Takkan kita hendak robohkan semua kem askar di seluruh negara. Maka kita buat *renovation*, ada buat *upgrading* tetapi merupakan satu proses.

Akan tetapi saya kata saya bersyukur tadi apabila saya melihat pindaan ini, merupakan satu inisiatif yang ikhlas. Setakat yang kerajaan boleh, dengan kemampuan kewangan yang kita ada, saya percaya dan yakin kerajaan akan cuba memperbaiki kehidupan tentera sama ada semasa mereka masih dalam servis ataupun mereka bersara. Itu yang saya hendak jelaskan bahawa saya berkesempatan diambil di dalam satu *WhatsApp* bekas-bekas tentera di peringkat bawahan, bukan di peringkat atasan. Kebanyakan dalam *WhatsApp* itu majoritinya peringkat bawahan, *private*, koperal, *sergeant*. Jadi saya memang telah mendalami perasaan mereka dan saya akan cuma membawa beberapa rintihan yang mereka sampaikan di dalam *WhatsApp* ini.

Saya katakan tadi kita akan melihat, kita mengharapkan kerajaan melihat, meneliti dan mencari jalan bagaimana setakat yang boleh yang saya katakan tadi, *it is a process* bagaimana cara untuk kita memperbaiki kehidupan mereka sama ada mereka masih dalam ketenteraan ataupun semasa mereka bersara. Terutama apabila kita bercakap yang mereka mempunyai anak, tiba-tiba pencen begitu muda dan anak tidak tahu ke mana, maka timbullah banyak masalah sosial, ekonomi dan lain-lain.

Saya merasakan Yang Berhormat bahawa tentera-tentera ini mestilah kita jaga kebajikan mereka sama ada mereka di dalam servis ataupun telah bersara. Hakikatnya, kita patut memberikan penghormatan yang cukup tinggi kepada tentera. Sudahlah kalau berperang, mereka terpaksa pergi, bukan sahaja berperang di negara ini, *alhamdulillah* tidak ada perang tetapi berperang di luar negara. Kita menghantar kumpulan tentera-tentera kita di luar negara banyak dan yang terkorban. Kalau tidak ada perang pun di Malaysia ini, mereka terpaksa juga mengadakan latihan di hutan-hutan.

■1540

Hidup mereka memang sebagai seorang tentera sentiasa memikirkan untuk mempertahankan negara ini bahkan mereka sanggup menggadaikan nyawa mereka. Di dalam *Whatsapp* mereka mengatakan, kami tentera ini terpaksa bergadai nyawa, berbulan-bulan meninggalkan isteri, kamu yang lain boleh seronok tidur dengan isteri tiap-tiap malam, kami tidur dengan nyamuk di dalam hutan. Itu rintihan di dalam *Whatsapp*, saya boleh bacakan. Di mana tentera, kalau Yang Berhormat melihat rintihan mereka, kalau mereka marah kepada kerajaan. Yang Berhormat Menteri, terus terang saya katakan, dalam *Whatsapp* ini mereka cukup marah kepada kerajaan. Saya rasa kita terpaksa peka dan mencari jalan sebaik mungkin, bagaimanakah untuk kita meringankan masalah mereka?

Saya katakan tadi, kebanyakan kebajikan anggota tentera terutama daripada segi gaji, seharusnya mempunyai skim khas yang khusus kerana peranan dan tanggungjawab mereka perlu diberi pengiktirafan sewajarnya, yang saya katakan mereka berkorban untuk negara. Kerajaan seharusnya

mempraktikkan skim kenaikan pangkat melalui tempoh perkhidmatan yang lebih berkesan. Walaupun saya tidak menafikan daripada skim kenaikan pangkat dan skim yang dianuti tentera dikatakan agak baik. Contoh kalau dahulunya mereka yang Darjah 5, boleh masuk tentera dan mempunyai gaji yang agak lumayan. Akan tetapi dalam penjawat awam, mesti ada sekurang-kurangnya SPM ataupun *degree*. Barulah mendapat gaji yang agak setimpal.

Maksudnya, kita tidak boleh mengatakan terus bahawa tentera tidak mempunyai gaji yang baik. Itu salah. Saya rasa kurang setuju. Cuma yang kita minta tadi, kalau boleh kita lihat kembali kerana saya katakan tadi, pindaan ini merupakan satu proses, maka kita lihat kembali apa cara terutama dalam keadaan ekonomi pada hari ini, rintihan-rintihan yang kita dengar terutama mereka yang tidak mempunyai pencen, mereka yang bersara daripada tentera tidak mempunyai pekerjaan. Itu rintihan mereka. Apa cara, bagaimanakah cara kita hendak membantu?

Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong pindaan ini kerana saya melihat terdapat anggota tentera yang telah tamat perkhidmatan, yang terabai kerana skim pencen yang ditiadakan. Maka kita kena meneliti kembali bagaimana untuk kita membantu mereka. Apatah lagi selepas mereka bersara, guna tenaga dan kepakaran mereka tidak dimaksimumkan. Mereka masih muda, mereka masih ada kekuatan tetapi kita tidak menggunakan secara maksimumnya dan ini bukan sahaja menimbulkan ketidakpuasan hati kepada bekas-bekas tentera ini tetapi saya rasa satu kerugian yang amat besar kepada kerajaan daripada segi guna tenaga manusia yang boleh kita harapkan untuk membantu membangunkan negara kita ini.

Seharusnya mereka diberi peluang, peluang lain kerana mereka masih muda dan saya rasa jawatan-jawatan banyak yang pihak kerajaan boleh fikirkan, yang sesuai untuk mereka dengan kemahiran yang mereka ada. Bahkan, saya merasakan sewajarnya kita melatih mereka dengan skil-skil kemahiran dan keusahawanan supaya mereka mempunyai peluang untuk meneruskan kehidupan mereka untuk menampung keluarga mereka. Walaupun saya tahu perkara ini ada, tetapi persoalannya, adakah ia mencukupi. Kalau ia mencukupi, sudah pasti kita tidak akan mendengar rintihan-rintihan daripada pihak-pihak angkatan tentera terutama yang di peringkat bawah ini.

Sepatutnya, sewajarnya apabila mereka telah berpencen dan kita lihat mereka mempunyai masalah, kalau sekiranya ada satu bentuk skim bantuan atau pun sumbangan modal untuk mereka memulakan kehidupan baru mereka terutama untuk mereka terlibat dalam kerja-kerja keusahawanan atau pun membuka perniagaan-perniagaan kecil mengikut keupayaan mereka. Saya juga merasakan kita sepatutnya mewujudkan perumahan khas untuk pesara-pesara tentera seperti yang kita dapati di Bukit Jalil. Di Bukit Jalil ada satu perumahan khas untuk mereka. Kalau ini boleh diperbanyakkan di seluruh negara, ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan perasaan ketidakpuasan hati dan rintihan daripada pihak-pihak pesara tentera ini.

Kita juga merasakan, saya rasa perlu kita mewujudkan skim insurans kesihatan untuk anggota tentera. Kita dapati Yang Berhormat, setelah mereka bersara kemungkinan setelah mempunyai kehidupan yang cukup aktif apabila mereka bersara, umur 40-an, 50-an, ramai saya dapati tentera-

tentera ini menghidap penyakit-penyakit yang kronik. Bahkan saya menerima dalam *Whatsapp*, gambar-gambar bekas-bekas tentera yang bersara ini dalam keadaan yang cukup menyedihkan dan selalu komen yang mereka meletak di situ, meletakkan kesalahan kepada kerajaan. Apabila kami kuat, kami digunakan. Apabila kami sakit, kami terlantar. Saya tidak mahu, kita tidak mahu perkara ini diviralkan walaupun kita tahu pihak kerajaan telah membuat apa sahaja tetapi ada kala is disalahertikan dan diviralkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mereka membenci pihak kerajaan.

Kita merasakan, perlu kita memperkasakan hospital angkatan tentera untuk anggota tentera kerana kita dapati contohnya Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kuala Lumpur pada pandangan saya ia sebuah hospital yang serba kekurangan daripada segi peralatan. Bahkan saya diberitahu kekurangan doktor juga berlaku di hospital tersebut. Ini pandangan yang saya dapat daripada rakan-rakan saya dalam *Whatsapp*, ini. Maka saya merasakan adalah lebih baik jika kita dapat memperkasakan Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan ini kerana hospital angkatan tentera ini dikatakan dapat memberikan banyak peluang dan membantu pihak-pihak tentera yang telah bersara untuk menggunakan servis hospital ini.

Kita juga patut memastikan kemudahan infrastruktur di semua kem tentera dinaik taraf sejajar dengan arus pembangunan moden hari ini. seperti yang dikatakan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, telah pun saya jelaskan, saya tidak menafikan kebanyakan di kem-kem askar, bangunan-bangunan ini merupakan bangunan lama. Akan tetapi jawapan kita itu tidak memuaskan hati mereka. Mereka berkata bahawa negara kita akan menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.

Pembangunan negara ini dalam suasana pembangunan yang dikatakan moden maka keperluan dan kemudahan infrastruktur untuk semua tentera juga patut dinaikkan sejajar dengan suasana pembangunan moden pada hari ini. Saya tegaskan bahawa ia merupakan satu proses. Kita tidak mengatakan ia mesti dibuat pada hari ini juga tetapi langkah-langkah yang positif, yang agresif mesti dilakukan supaya kita dapat mengurangkan keresahan dalam kalangan bekas-bekas anggota tentera ini.

Yang Berhormat, kita mengetahui pembangunan bandar Malaysia yang akan dimajukan oleh pihak 1MDB melibatkan pembangunan di atas tanah milik angkatan tentera yang dikenali sebagai Kem Sungai Besi. Saya rasa kita patut, bahkan saya memohon kepada pihak kerajaan memastikan pembangunan kem baru mesti dibuat sebagai menggantikan kem tersebut dan ia mesti betul-betul menepati keperluan anggota tentera dalam suasana negara dunia moden pada hari ini dan juga dilengkapi dengan peralatan yang moden dan canggih.

Yang Berhormat, saya katakan tadi, kita berterima kasih kepada pihak kementerian yang mengambil inisiatif untuk meminda akta ini dan saya teliti dan saya amat pasti dengan pindaan akta ini, banyak perkara, polisi yang boleh kita implementasikan untuk menambah baik bukan sahaja mereka telah bersara tetapi menambah baik gred gaji, kehidupan kebajikan seluruh anggota tentera yang selama ini telah mempertahankan negara kita dan *alhamdulillah* pada hari ini negara kita hidup dalam suasana yang stabil dan aman damai.

Maka dengan kata-kata itu, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Dengan itu, saya mohon untuk menyokong pindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul.

3.50 ptg.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang dan peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015. Sebelum pergi jauh dalam perbahasaan pada petang ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah. Ini kerana pada pagi tadi saya telah membaca sesuatu di surat khabar yang mengatakan bahawa Angkatan Tentera Malaysia dinobatkan penerima Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2015. Syabas dan tahniah kepada warga angkatan tentera kita di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam anugerah ini dikatakan bahawa melalui inisiatif Program Jiwa Murni, angkatan tentera kita telah berjaya membantu pembangunan di luar bandar. Pembangunan yang dilakukan oleh mereka ini ialah membantu membina jalan-jalan raya di luar bandar, jambatan-jambatan yang rosak di luar bandar. Ini termasuklah di negeri Sarawak, Pahang, Terengganu dan Perak. Pengiktirafan tertinggi inovasi ini menunjukkan bahawa Angkatan Tentera Malaysia ini telah memperkasakan, memperhebatkan keilmuan mereka dalam membantu negara dalam hal ehwal pembangunan, bangsa dan negara.

Mengikut apa yang saya baca dalam Program Jiwa Murni ini, sejak lima tahun yang lalu telah menghasilkan kemudahan infrastruktur di luar bandar. Mereka ini telah dapat membina infrastruktur di luar bandar seperti jalan raya dan jambatan yang rosak ini dalam tempoh yang amat singkat dengan menggunakan pembinaan yang kreatif serta *cost-effective*.

Saya ingin bercerita sedikit petang ini Tuan Yang di-Pertua. Di mana suatu ketika apabila saya menjalankan program sekolah luar bandar semasa menjadi pensyarah di Institut Pendidikan Guru Malaysia beberapa tahun yang lepas, sebelum menjadi Ahli Dewan Negara. Saya dan rombongan pensyarah terkandas dalam suasana yang hujan lebat, jalan yang licin. Maklumlah di kawasan luar bandar seperti di kawasan Parlimen Pensiangan yang diterajui oleh Yang Berhormat Tan Sri Joseph Kurup, kawasannya pun jalannya hebat juga. Salah sebuah daripada kereta kami ini tergelincir berhampiran gaung dan kami telah menghampiri pos tentera Malaysia dan tentera Indonesia, sempadan Malaysia dan Indonesia.

Apa yang berlaku ialah kita telah meminta supaya angkatan tentera di kedua-dua negara ini, Malaysia dan Indonesia yang mengawal sempadan ini untuk membantu kami. Saya mendapati bahawa ramai daripada mereka ini mempunyai kemahiran. Mereka membawa *chainsaw*, mereka membawa peralatan-peralatan yang sepatutnya digunakan dalam membantu misi kami untuk masuk ke sekolah luar bandar tersebut.

Dalam beberapa ketika, lebih kurang hampir sejam, mereka telah menebang pokok-pokok yang berhampiran dengan hutan tersebut dan membina sebuah jambatan sementara. Akhirnya, kami telah dapat lalu dengan selamat dan kami amat berterima kasih kepada Angkatan Tentera Malaysia ini yang telah membantu dalam keselamatan kami dalam misi untuk mendidik anak-anak bangsa di luar bandar. Melalui pengalaman ini, saya dapat melihat bahawa Angkatan Tentera Malaysia ini memang telah disemai dengan jiwa-jiwa yang murni, dilatih dengan kemahiran-kemahiran yang sepatutnya untuk diamalkan oleh anggota-anggota tentera.

Hari ini, masih tidak luput dalam ingatan bahawa Angkatan Tentera Malaysia kita memang hebat-hebat belaka. Kita juga mendengar suatu ketika dahulu, angkatan tentera kita membantu misi di Bosnia Herzegovina. Walaupun ada satu ketika kita mendengar dalam paparan akhbar bahawa ada juga yang terkorban tetapi itulah misi yang harus dijalankan oleh angkatan tentera kita. Kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada Angkatan Tentera Malaysia kita yang telah menempa nama di peringkat arena antarabangsa.

Hari ini, saya rasa apabila bertemu dengan angkatan-angkatan tentera kita, saya *salute* dengan mereka. Oleh sebab tanpa mereka, kita tidak akan dapat hidup aman damai seperti hari ini. Dalam satu ketika, setiap tahun apabila kita mengadakan perayaan-perayaan, tentera kitalah yang bertugas di persempadanan. Kalau dahulunya, bagi negeri Sabah masih lagi dikenali dengan *Border Scout* bersama-sama dengan angkatan tentera, mereka bekerjasama untuk mengawal sempadan. Apabila lagu-lagu raya ini dimainkan, mungkin mereka hanya sempat mendengar dendangan lagu-lagu raya tersebut, malah mungkin dengan tangisan kerana mereka tidak dapat bersama-sama dengan keluarga mereka pada ketika itu. Inilah yang saya rasa pengorbanan yang telah diberikan oleh Angkatan Tentera Malaysia dalam mengawal keselamatan negara. Tidak semestinya dalam masa kita aman damai, dalam perayaan tetapi juga dalam masa kita kesusahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik juga dengan apa yang telah diujahkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah sebentar tadi. Saya amat bersetuju supaya angkatan tentera ini biarlah kita jaga kebajikan mereka. Minggu lepas, saya balik ke kawasan dan saya telah berjumpa dengan secara kebetulan dalam jemputan kahwin di kampung-kampung. Bertemu dengan beberapa orang tentera, masih muda tetapi telah bersara. Masih muda tetapi telah bersara dalam lingkungan 40-an.

■1600

Mereka bertemu saya untuk meminta bantuan, meminta sokongan supaya mendapatkan rumah PPRT. Jadi, saya berjanji akan membantu tetapi- Yang Berhormat Tan Sri Laksamana pun ada di sini. Baru-baru saya ingat dia pergi ke Sabah bertemu dengan Persatuan Angkatan Tentera Malaysia.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Saya kerap kali bersempang dengan pesara-pesara Angkatan Tentera Malaysia ini, mereka mengatakan dan mengajukan tentang kebajikan mereka perlu dilihat oleh kerajaan pada hari ini. Saya lihat juga bekas-bekas ataupun mantan-mantan tentera kita ini, pesara tentera ini, penyokong-penyokong tegar kepada Barisan Nasional. Jadi, apalah salahnya kita melihat kepada permintaan-permintaan mereka seperti yang saya katakan tadi iaitu masalah-masalah perumahan.

Malah, saya juga membaca sebentar tadi mengenai keluhan pesara-pesara kita yang ingin berniaga tetapi tidak mempunyai modal, ingin maju ke depan tetapi kurang bantuan. Jadi kalau dalam bahasa Bajanya, '*ndak ada polos dia*', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kagum dengan sikap pesara-pesara tentera kita yang hari ini masih bersabar dan menyokong kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mereka-ada dalam artikel mengatakan, kalau terbaca artikel "*Pencen Bersara Awal Tentera*". Mereka mengatakan bahawa semasa Dato' Seri Najib menjawat Menteri Pertahanan, banyak yang dilaksanakan yang membawa manfaat kepada kemudahan dan kebajikan Angkatan Tentera Malaysia. Saya rasa ini memang betul dan benar. Kalau tidak benar, kenapa mereka bercakap seperti itu.

Mungkin perkara ini juga ada yang tertanya-tanya, ada yang kadang-kadang mengeji tentera ini sebab dilihat tentera kita ini masih muda sudah bersara. Siapa suruh bersara, dia kata. Akan tetapi, hakikatnya, setiap tentera ini, seperti yang saya dimaklumkan, apabila masuk dalam Angkatan Tentera ini, mereka menandatangani beberapa tahun kontrak yang mana bila sampai masanya, dia muda kah, dia tua kah, dia kena bersara. Dia ada kontrak. *I think*, dengan izin, lebih kurang *more than 10 years*, tidak kurang. Apa pun, Tuan Yang di-Pertua, mereka hanya dapat merancang, namun perancangan Angkatan Tentera kita akan berhasil apabila mendapat sokongan dan dokongan padu daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya saya amat bersetuju apabila Angkatan Tentera kita ini masih lagi dalam perkhidmatan, mereka perlu memperoleh kemahiran-kemahiran ala vokasional. Ada yang menjadi pemandu kenderaan tetapi mereka perlu mempelajari bagaimana menjaga kenderaan sebagai mekanik contohnya. Apabila mereka bersara nanti, mungkin dengan bantuan MARA, mereka boleh membuka bengkel di kampung-kampung atau di bandar-bandar di mana mereka berasal.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan. Pertamanya, saya setuju dengan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi sebentar tadi dalam perbahasan beliau, khususnya berkenaan dengan pindaan seksyen 6, Akta 101, yang mengeluarkan wakil dari Bank Negara daripada menjadi panel pelaburan.

Jadi, mungkin pihak Yang Berhormat Menteri boleh menerangkan kepada kita dalam Dewan yang mulia ini perincian ataupun penerangan dengan lebih lanjut mengenai pengeluaran ataupun dengan izin, *removal panel* dari Bank Negara ini. Mungkin pengeluaran wakil Bank Negara ini adalah untuk menghilangkan adanya rasa *conflict of interest*, dengan izin, yang disebabkan oleh peranan Bank Negara itu sebagai pengawal dasar kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya pihak kementerian Yang Berhormat dapat menerangkan dengan lebih lanjut dalam Dewan yang mulia ini supaya tidak ada persepsi negatif

terhadap kerajaan di atas apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan apa jua langkah yang dibuat oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera Malaysia adalah bersifat bebas dan tidak terpengaruh dengan apa-apa sebab yang mungkin boleh dimainkan oleh pihak pembangkang.

Saya juga setuju bahawa perlunya ada *check and balance*, dengan izin, yang lebih baik dalam pengurusan Lembaga Tabung Angkatan Tentera kerana ini melibatkan duit daripada Angkatan Tentera dan kita tahu bahawa tentera kita berkorban untuk negara dan kita tahu bahawa mereka juga berkhidmat untuk negara tetapi gajinya tidak seberapa. Itu sebab simpanan mereka melalui Lembaga Tabung Angkatan Tentera cukup penting untuk masa hadapan mereka dan keluarga mereka.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai pengeluaran caruman untuk apa-apa maksud yang ditentukan oleh Lembaga. Saya dimaklumkan sekarang ini yang dibenarkan adalah untuk membeli rumah kediaman dan tanah untuk tujuan membina rumah kediaman di atas tanah tersebut. Jadi, saya hendak minta penerangan daripada pihak kementerian, bolehkah dinyatakan apakah jenis-jenis pengeluaran yang boleh dilakukan? Adakah ia termasuk dalam perkara berkaitan *medical*, dengan izin, dan apakah jenis pengeluaran bagi *medical* ini dan syarat-syarat pengeluaran tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, saya harap supaya akta yang kita pinda pada hari ini memberi lebih manfaat kepada semua warga tentera tanpa mengira pangkat khususnya mereka yang bukan berpangkat pegawai.

Akhir sekali, berkenaan dengan pegawai tentera ini, bolehkah saya mendapatkan maklumat daripada kementerian, berapa peratus caruman yang wajib dan juga peratus caruman kerajaan yang diberi kepada setiap pegawai dan berapa banyak kah Lembaga Tabung Angkatan Tentera mengutip caruman daripada warga tentera? Oleh sebab itu, kita lihat Lembaga Tabung Angkatan Tentera memang mantap kedudukan kewangannya.

Dengan hujah-hujah yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, maka saya dengan ini mohon menyokong Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015. Sekian, terima kasih.

■1610

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Mat Yassim.

4.10 ptg.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang, salam 1Malaysia. Yang dikasihi Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan Yang Berhormat Senator sekalian. *Alhamdulillah* pada petang ini saya diberi peluang untuk bercakap, membahaskan Rang Undang-Undang Lembaga Tabung Angkatan Tentera pindaan 2015. Di kesempatan ini juga saya ingin mengambil peluang bahawa saya juga pernah bekerja dengan Kementerian Pertahanan (MINDEF) pada tahun 1990 sehingga tahun 1993. Adat resam cara tentera, saya dapat menyelami dan dapat memahami selama tiga tahun bekerja.

Dalam Dewan ini juga saya tengok pagi tadi, saya amat berminat dengan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi cara dia bercakap sedaplah. Kalau bersyarah *public* sedap itu dan Yang Berhormat Datuk Abbas pun sedap, Yang Berhormat Datuk Nalla dia tanya fasal kahwin ramai, orang lain tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengok dalam tentera gaya dan cara hidup dia berbeza dengan orang awam yang lain. Cara hidup dia boleh dikatakan *closed service*, dengan izin, tertutup sikit cara hidup dia. Cara bergaul dia, bergaul dengan tentera sahaja. Dengan orang-orang awam dia tidak bergaul. Jadi dengan jangka masa lama yang dia bertugas dalam tentera, sebab itulah apabila dia keluar dia susah hendak sesuaikan diri hidup bersama masyarakat awam. Selama tiga tahun saya tengok di MINDEF cara askar dia berkhidmat dan dia berlatih, latihan dia berbeza dengan kita. Latihan dia ini cara hidup mati. Saya tengok apabila saya melawat di Kem Port Dickson, latihan dia memang latihan- orang macam kita sebagai orang awam ini memang tidak mampu hendak buatlah. Dia berlari-lari berpusing sampai tiga, empat kali. Kalau kita orang biasa bangun terus masuk ICU. Akan tetapi tentera ini memang hebat. Saya kalau sebut tentera ini memang patut diberi *first priority*, beri keutamaan yang sepenuhnya sebab dia askar ini saya tengok, dia hendak masuk tentera itu kena sepuluh jari, kena *stamping* sepuluh jari. Maknanya sehidup semati.

Oleh sebab itu, bila setiap kali majlis yang kita adakan sambutan sekarang ini kerajaan banyak menggunakan nyanyian "*Inilah barisan kita*". Kalau kita tengok kata-kata tentera dalam itu, "*Inilah barisan kita*". Saya ingat kalau yang tidak sihat boleh jadi sihat Tuan Yang di-Pertua. "*Sebelum kami berjaya jangan harap kami pulang, itulah sumpah setia pendekar kita menuju medan bakti*". Lagu ini lagu yang dipopularkan sekarang ini. Semua majlis, semua perjumpaan kita hendak pasang lagu ini, fasal lagu ini memberi semangat kepada kita. Kalau yang kecewa dengan 30 buka dengar lagu ini terus jadi 15 macam ini, sebab semangat tinggi. Jadi itulah semangat yang di dokong oleh tentera-tentera.

Saya semasa berada di MINDEF semasa tahun 1990 sehingga tahun 1993 bergaul dengan hari. Cara dia memang askar ini berdisiplin. Saya memang tabiklah askar ini walaupun dia keluar daripada askar berhenti atau bersara, dia tetap mempunyai disiplin yang tinggi. Oleh sebab itu kalau berjanji dengan askar ini walaupun dia ada pencen, kalau pukul 3 mesti sampai pukul 3. Kita orang biasa ini kalau tiga, tiga setengah sampai. Akan tetapi tentera ini memang dia sudah menjadi amalan sebab itu dia *closed service*. Hendak menipu pun tidak reti. Dia kalau janji, dia janji betul. Kalau cakap, cakap betul. Jadi latihan tentera memang macam itu. Oleh sebab itu apabila dia keluar bersara, kita lepas dia begitu ramai dia tidak boleh pergi. Oleh sebab itu sekarang ini ada orang kata lepasan tentera ini kalau bersara esok menentang kerajaan. Dia bukan hendak menentang kerajaan, kena pimpin dia orang. Dia tidak tahu. Cara hidup dia berbeza. Dulu dia hidup di kalangan tentera sahaja sebab itu apabila dia keluar itu susah. Dia hendak sesuaikan diri dia dengan masyarakat awam biasa. Kita boleh bimbing dia orang ini. Kalau tidak bimbing memang dia bukan menentang kerajaan, dia tidak tahu hendak menyesuaikan hidup dengan masyarakat awam.

Seperti mana kata Yang Berhormat Tan Sri tadi, askar ini saya tengok kena jaga *welfare* dia, dengan izin. Menjaga kebajikan dia. Kalau jaga kebajikan dia, *inshaaAllah* tidak ada. Dia tidak

menentang kerajaan. Seperti mana saya kata tadi dia tidak tahu hendak berniaga, tidak tahu. Walaupun dia pencen, dibenarkan pencen awal, umur 40 atau 41 dapat gratuity duit imbuhan sebanyak RM40,000. Saya masa berada di Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (HEBAT), dia dapat duit pencen itu dia datang jumpa saya. Saya tanya duit ada berapa? Ada RM44,000. Hendak berniaga apa? Bas mini. Saya kata mana boleh berniaga bas mini RM44,000. Dia hendak berniaga bas mini, dia tidak tahu hendak berniaga apa.

Jadi dia orang ini kena bimbing. Kalau tidak dia orang akan mudah tidak tahu... [Disampuk] Tidak tahulah ada tidak dia hendak berniaga nasi lemaklah tentera, dia macam-macam. Dia sebab saya katakan tadi kena bimbing dia orang ini. Kata bimbing dia orang ini hendak kata sesat itu, tidaklah tetapi untuk hidup di alam awam ini dia jadi buta. Oleh sebab cara latihan, gaya hidup tentera ini memang dia duduk puak-puak dia sahaja, dalam kem dia. Kalau pergi jalan jauh-jauh pun tidak boleh, dia kena hidup berkumpul.

Jadi kebajikan tentera saya tengok selepas dia orang pencen ini dan sebelum saya pergi ada pencen itu, saya tengok tentera ini pencennya awal. Tidak macam polis, tidak macam bomba dan pasukan beruniform lain-lain. Umur 40 tahun sudah pencen. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri yang berada di sini kalau bolehlah saya hendak cadangkan supaya tentera ini biar pencen macam polis, macam bomba, macam warden penjara sebab kalau hendak lepas dia pencen umur 40 tahun itu, tergantung. Hendak bayar tidak boleh, hendak berniaga asasnya tidak ada. Hendak berniaga apa umur 44 tahun, berniaga mati. Duit pencen dia RM44,000.

Jadi kalau berniaga, duit itu habis macam itu sahaja. Jadi saya hendak cadangkanlah kepada Kementerian Pertahanan di mana di sana pun Yang Berhormat Menteri dia Naib Presiden UMNO, supaya pencen tentera ini pencen macam orang awam biasa. Umur 60 tahun baru sedap, kesian dia, yang hendak berhenti ini berhentilah, yang hendak teruskan, teruskan berniaga. Jadi teruskan bekerja untuk menyenangkan supaya bekas-bekas tentera ini tidak menjadi beban kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengok dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera dia ada anak syarikat. Anak syarikat *Boustead*, perumahan? dan kebanyakannya di bandar-bandar macam Yang Berhormat Datuk Abbas kata walaupun di bandar ini kebanyakan tentera ini apabila sudah pencen ini hendak cari rumah, duduk rumah setinggan. Rumah setinggan duduk lama orang ambil, ditolak macam tidak ada apa. Jadi itu yang menjadi kesulitan kepada kerajaan. Oleh sebab apa, apabila duduk rumah setinggan hendak ganti rumah lain, kalau macam Yang Berhormat Datuk Halim kata tadi rumah diambil kemudian ditolak-tolak buat rumah baru, harga RM600,000. Tidak mampu untuk askar. Ini menjadikan dia- bukan menentang kerajaan tetapi tidak berpuas hati dengan kerajaan sebab tempatnya diambil, dibina rumah harga mahal dan tidak mampu dimiliki oleh bekas tentera.

Jadi, saya hendak cadangkanlah kepada Yang Berhormat Menteri yang ada di sini seperti dibuat khaslah perumahan untuk bekas-bekas tentera ini, kesian dia orang ini. Kalau berhenti pangkat besar pun tidak apa, ini pangkat prebet, kopersal satu paku, dua paku. Jadi, menjadi kerumitan dan apabila

lama-kelamaan ini dibiarkan, ia akan menentang kerajaan. Ini yang menjadi susah. Jadi Yang Berhormat Menteri, cuba ambil pandangan ini supaya hidup pesara-pesara bekas tentera ini terbela hidupnya.

■1620

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Tan Sri.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat setuju kah kalau warga tentera ini sebelum dia bersara kita cadangkan kepada Kementerian Pertahanan bahawa setiap warga tentera itu ambil kemudahan pinjaman kerajaan dan membeli rumah.

Ini kerana seperti yang kita tahu sekarang, 270,000 orang yang tidak berpencen itu kebanyakan masih lagi tidak memiliki rumah pertama. Jadi, sebelum dia pencen, kita tentukan yang mereka ini diberi kemudahan pinjaman kerajaan dan juga kemungkinan Lembaga Tabung Angkatan Tentera membina rumah-rumah seperti di Taman LTAT, di mana LTAT telah menjual kepada warga tentera ini rumah *low cost* harganya RM42,000 *fixed*. Harga tetap RM42,000, RM67,000 dan RM137,000. Ini satu cara untuk membantu dan membela nasib warga tentera dan juga veteran yang bersara. Terima kasih.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri. Saya amat bersetujulah sekiranya sebelum tentera pencen, disediakan kawasan-kawasan perumahan ataupun pinjaman perumahan untuk pegawai tentera ini. Sekejap, minum air sekejap [*Ketawa*] Maaf Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: *I am not lonely.*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa [*Ketawa*]

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Oleh sebab *first time* bercakap ini, biasa bersyarah depan *public*, ini di dalam Dewan.

Saya amat setuju jika disediakan kawasan perumahan dan pinjaman perumahan untuk tentera. Kalau ini dapat dilakukan dan dilaksanakan saya yakin dan percaya kakitangan angkatan tentera yang pencen ini 100% dia akan menyokong kerajaan.

Ini sebab masalah dia tempat tinggal sahaja bekas askar ini. Hendak berniaga dia ada duit, RM30,000, RM40,000 hingga RM50,000. Saya cadangkan sebab LTAT ada Boustead Holdings Sdn. Bhd, anak syarikat LTAT Boustead Holdings Sdn. Bhd. yang menjalankan urusan niaga membina, syarikat perumahan. Ia banyak anak syarikat. Saya minta Yang Berhormat supaya peluang ini diberi kepada Boustead Holdings Sdn. Bhd. untuk membina perumahan. Ia ada anak syarikat. Ia ada *authority* untuk diberi peluang untuk membina perumahan kepada bekas-bekas tentera. Kalau hendak kira, badan berkanun lain tidak ada. Tidak ada agensi membuat rumah, hanya LTAT sahaja. Saya rasa tidak menjadi kesalahan jika LTAT Boustead Holdings Sdn. Bhd. diberi peluang untuk membina rumah kepada pesara-pesara ini.

Kita tidak hendak dengar lagi selepas ini ada lagi bekas-bekas tentera yang menentang kerajaan. Ia sebenarnya hidup tentera ini ada disiplin. Dia hendak kata menentang, tidak. Akan tetapi bila ada

perasaan tidak puas hati terutamanya rumah-rumah, kediaman tidak ada, ini yang menjadi timbulnya perasaan tidak puas hati kepada kerajaan. Saya rasa pinjaman itu boleh diurus, sebab di LTAT ini saya rasa mereka boleh pinjam duit untuk buat rumah.

Di kesempatan ini juga saya hendak berterima kasih kepada tentera dalam kes Lahad Datu hari itu walaupun dikatakan oleh pembangkang Yang Berhormat Batu, sudah macam-macam dia kata, itu semua satu lakonan untuk alih pandangan kerajaan supaya boleh tumpu kepada kes Lahad Datu. Ini suatu yang tidak betul. Pada masa itu tentera dan sepertimana yang saya kata dulu orang kampung saya seorang terbunuh, terlibat dalam kes Lahad Datu.

Pada mulanya apabila Yang Berhormat Batu mengatakan ini satu lakonan, saya ingat bila jenazah balik saya ingat bukan banyak. Saya pergi, angkatan tentera tidak bagi tengok. Saya masuk tengok. Saya buka memang mayat. Memang jenazah. Saya bawa dia sampai ke tanah perkuburan. Satu lakonan yang dikatakan oleh pembangkang itu satu pembohongan besar yang sengaja untuk menimbulkan kemarahan rakyat kepada kerajaan.

Saya rasa untuk kali pertama ini tidak banyak bercakap, bagi peluang kepada orang lain pula untuk bercakap. Saya rasa sudah 20 minit dah itu. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua bagi peluang kepada saya, ini pertama kali Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua beritahu saya, dia kata mungkin *second time* itu ada baik sedikitlah. Baru ini cakap Kelantan, hari ini cakap luar sedikit [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Assalamualaikum*, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang LTAT 2015. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin.

4.26 ptg.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang tentang meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973. Pertama sekali saya menyokong akta ini untuk dipinda kerana secara tidak langsung sebelum ini caruman Tabung Angkatan Tentera hanya melibatkan anggota bawahan sahaja. Akan tetapi kali ini dengan meminda akta ini ia secara tidak langsung melibatkan anggota berpangkat tinggi dan secara tidak langsung menjamin masa hadapan semua anggota tentera yang ada di seluruh negara.

Kita sedia maklum bahawa semua Yang Berhormat telah mengatakan tentang bagaimana anggota tentera kita berkhidmat dengan baik dan menabur jasa, bakti kepada negara kerana merekalah hari ini kita dapat bersidang dengan baik di Dewan yang mulia ini dan kita dapat hidup dengan harmoni.

Berkenaan dengan pindaan seksyen 3, Akta Tabung Angkatan Tentera ini- minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Seksyen baru 9A, caruman wajib pegawai kepada tabung. Di sini dinyatakan bahawa, "*Hendaklah dipotong daripada gaji bulanan seseorang pegawai satu amaun yang sama banyaknya dengan 10% daripada gaji bulanannya*".

Mungkin di sini ramai di kalangan kita tidak mengambil berat bahawa 10% bagi seorang penjawat awam ataupun anggota tentera, ia adalah merupakan satu amaun yang cukup tinggi. Kalau kita fikirkan gaji *basic*nya RM3,000 bermakna mereka perlu potong tabung sebanyak RM300 sebulan. Ini tidak masuk lagi dengan yang harus diberi 10% kepada isteri setiap anggota tentera. Kalau 10% bermakna mereka perlu potong lagi RM300 ke dalam akaun isteri setiap anggota tentera. Jadi ini melibatkan hampir RM600 setiap bulan yang perlu dipotong daripada gaji asal seorang anggota tentera.

Saya dapat menghubungi seorang anggota tentera berpangkat majer malam tadi, tanyakan permasalahan ini. Beliau sendiri mengakui bahawa potongan sebanyak 10% ini agak membebankan kepada seorang anggota tentera yang bukan hanya berpangkat rendah tetapi juga berpangkat tinggi. Ini kerana kos sara hidup hari ini, mereka secara tidak langsung juga terlibat sama dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin tinggi. Lebih-lebih lagi anggota tentera yang tinggal di kawasan bandar khususnya di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan juga Johor Bahru. Keadaan ini amat membebankan mereka dan mereka memohon agar pihak kementerian khususnya dapat melihat semula potongan caruman sebanyak 10% ini.

Namun begitu saya menyokong untuk masa hadapan mereka. Namun begitu inilah luahan rasa hati seorang anggota tentera dan mungkin ramai lagi. Jadi kalau kehidupan anggota tentera yang berada di luar bandar mungkin berbeza berbanding dengan mereka yang tinggal di kawasan bandar. Inilah yang mereka harapkan supaya perkara ini dapat disampaikan kepada Dewan yang mulia pada hari ini.

Seterusnya, saya tidak menafikan bahawa anggota tentera banyak jasa dan budi mereka khususnya bukan dalam menjaga keselamatan tetapi anggota tentera, mereka dan keluarga mereka yang selama ini menyokong kerajaan yang ada.

■1630

Saya di Tangga Batu mempunyai dua buah kem tentera yang agak besar iaitu Kem Sungai Udang dan juga Kem Gerak Khas yang mana pengundi anggota tentera dan juga keluarga mereka hampir meliputi 15,000 orang. Jadi di Melaka saya melihat sendiri bagaimana anggota tentera dan juga pegawai-pegawai mereka memberi kerjasama yang amat baik kepada sistem komuniti masyarakat yang terdapat khususnya di Sungai Udang. Sehingakan Panglima 3 Divisyen yang terletak di Kem Sungai Udang ini setiap masa dan ketika akan menghadiri mesyuarat ataupun program-program yang diadakan di kawasan Parlimen dan juga di DUN Sungai Udang.

Jadi di sini saya dapat melihat bahawa anggota tentera ini seperti kata Pak Lah, mereka ini harus dijaga, mereka bukan hendak gaji terlalu tinggi dan sebagainya. Walaupun mereka bekerja 24 jam sehari, bukannya mereka bekerja seperti kita ataupun penjawat awam yang lain 8 jam tetapi mereka bekerja 24 jam. Walaupun hari ini mereka tidak terlibat dalam proses menjaga keamanan negara daripada segi memerangi anggota penganas komunis, tetapi anggota tentera kita hari ini masih lagi menjaga perbatasan negara termasuklah Sempadan Malaysia-Thailand dan juga Malaysia-Filipina dan juga di kawasan Selatan.

Jadi di sini saya setuju sangat supaya anggota tentera ini kita memberi kelebihan dan manfaat kepada mereka, kebajikan mereka dijaga seperti juga kos perumahan yang kita minta supaya mereka ini seboleh-bolehnya setiap anggota tentera mempunyai rumah mereka sendiri apabila mereka bersara kelak. Kita tidak hendak lihat anggota tentera apabila bersara kelak mereka seperti orang yang minta maaf Tuan Yang di-Pertua ialah seperti mengemis ataupun melukut di tepi gantang. Kita tidak mahu, kalau boleh kita ingin lihat anggota tentera kita apabila bersara nanti mereka adalah antara penjawat awam yang boleh menabur bakti dan khidmat mereka kepada masyarakat khususnya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh khususnya apa yang saya lihat mungkin bukan semua anggota tentera yang terlibat. Menteri pun ada, saya ingat di sini mengenai isu moral bukan semua Tuan Yang di-Pertua, bukan semua tetapi ada segelintir anggota tentera kita ini yang terlibat dengan isu moral khususnya penglibatan mereka dalam penyalahgunaan dadah. Ini berlaku di Sungai Udang terdapat satu, dua buah lokasi tempat yang mana terdapatnya segelintir manusia ataupun insan-insan yang terlibat dengan dadah dan termasuk juga anggota tentera kita.

Jadi ini meletakkan imej yang tidak baik kepada masyarakat dan juga kerajaan hari ini. Jadi saya fikir keadaan ini perlu diatasi segera supaya dapat menjaga imej anggota tentera kita. Sedangkan mereka adalah orang yang kita harapkan menjadi benteng hadapan kepada kita, tetapi mereka juga terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah ini. Bukan semua Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya isu moral anggota tentera juga ada berlaku kes-kes di mana anggota tentera yang terlibat dengan mesin kuda ataupun judi yang terdapat di kawasan Sungai Udang dan di kawasan berhampiran. Ini yang mana saya sendiri dapat lihat bahawa kebanyakan mereka ini anggota tentera bukan semua mereka ini bermain mesin judi ataupun mesin kuda ini hampir setiap hari.

Ini melibatkan masalah keluarga mereka sendiri yang tidak puas hati khususnya orang rumah, isteri-isteri anggota tentera ini. Jadi di sini juga pihak kementerian dapat mengambil perhatian dalam isu moral anggota tentera yang saya sebut tadi. Pertama melibatkan masalah penyalahgunaan dadah; kedua, mesin kuda. Yang lain saya tidak ingin menyentuh dan saya juga ucap terima kasih kepada anggota tentera yang terlibat di dalam mengatasi isu bencana banjir yang berlaku di negara kita. Saya yakin dan percaya kalau kita mengambil berat tentang kebajikan anggota-anggota tentera kita ini mereka juga akan senantiasa bersiap siaga untuk menjaga keselamatan negara kita dan mereka juga membantu dalam aktiviti kemasyarakatan yang ada di tempat kita semua.

Jadi dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera bagi tahun 2015. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain.

4.35 ptg.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: *Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya

saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama turut berbahas dalam Rang Undang-undang Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015 pada petang ini.

Ada beberapa perkara ingin saya kongsi bersama walaupun pindaan ini ada beberapa perkara yang hendak dipinda tetapi secara gambaran yang lebih besar ingin saya berkongsi sedikit. Mungkin untuk pengetahuan kita semua, walaupun ramai di kalangan rakan-rakan tadi telah menyatakan sokongan mereka bahawasanya memang tepat dan kena pada masanya untuk angkatan tentera ini diberikan perhatian yang lebih, sama ada yang masih lagi dalam tugas ataupun telah bersara. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Anuar yang telah memimpin Lembaga Tabung Angkatan Tentera dengan jayanya.

Ada disebut oleh Yang Berhormat Datuk Suhaimi dalam perbahasan beliau, LTAT telah berjaya memenangi beberapa anugerah peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Ini telah secara tidak langsung mengangkat martabat dan darjat LTAT kepada satu tahap yang lebih tinggi. Secara keseluruhan yang ingin saya sampaikan Tuan Yang di-Pertua ialah pertamanya memang patut angkatan tentera ini diberikan pengiktirafan yang sewajarnya. Pertama sebab walaupun tadi disebut oleh kekanda saya Yang Berhormat Datuk Khairuddin, walaupun dalam keadaan negara yang hari ini mungkin kita tidak mempunyai ancaman daripada komunis dan sebagainya tetapi kita mungkin tidak akan lupa kepada apa yang telah berlaku di Lahad Datu ataupun Kampung Tanduo baru-baru ini.

Bila mana tentera-tentera Jamalul Kiram telah menceroboh masuk dan telah melakukan pembunuhan dengan begitu kejam dan zalim. Bukan hanya kepada penduduk tempatan, tetapi juga kepada pasukan keselamatan. Bermaksud kita pun dapat lihat selepas insiden itu berlaku, *the mobilization*, dengan izin, pasukan keselamatan telah dibuat dengan begitu hebat sekali. Bila mana Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah turun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah turun dan pasukan keselamatan kita berada dalam keadaan yang cukup *alert*. Benar, memang hari ini kita tidak ada ancaman tetapi perkara-perkara seperti itu boleh berlaku *at any time*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Saya yakin saya pun bertanya dengan kawan-kawan saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Datuk Khairuddin, dalam keadaan kita tidak ada perang, kita pun terfikir agaknya apa anggota keselamatan kita buat selain daripada yang bertugas menjaga sempadan dan sebagainya tetapi jawapan yang saya dapat, dia kata, "*Datuk, dalam perang ini dia tidak ada istilah cop, tidak ada istilah berhenti. Hari ini perang, esok mungkin tidak ada perang, lusa mungkin orang serang kita*". Walaupun mereka tidak ada dalam keadaan mempertahankan negara secara fizikalnya, tetapi daripada segi persediaan mental mereka bersedia. Daripada segi latihan-latihan ketenteraan mereka jalankan sepanjang masa. Daripada segi latihan-latihan lain, ia tidak ada istilah berhenti. Ia terus dijalankan, betul Laksamana bekas Panglima Angkatan Tentera.

Saya hendak tambah sikitlahlah, ini petang dah ini. Saya pernah jumpa dengan Panglima Angkatan Tentera ini, ini melawak sahaja Tuan Yang di-Pertua *out off record [Ketawa]* Saya kata,

“Panglima Angkatan Tentera mesti seorang yang hebat, dia Panglima Angkatan Tentera”, tetapi dia cakap pada saya, “Megat jangan lupa ada ‘pangnam’ dekat rumah” [Ketawa] Sehebat-hebat mana pun panglima dia ada ‘pangnam’. Jadi maknanya kita kasih sayang kepada isteri kita sayang, semua sayang. Betul Yang Berhormat Datuk Noriah ya? Walaupun Yang Berhormat Datuk Noriah dahulu kata orang lelaki ini macam-macam tetapi tengok itu, Yang Berhormat Panglima Angkatan Tentera pun mengakui walaupun panglima, di rumah ada pang enam [Ketawa] Jadi...

■ 1640

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pang enam itu apa? Boleh jelaskan dalam mesyuarat hari ini?

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Yang pang enam itu yang di rumah. Walaupun macam saya orang silat, hebat bersilat, langkahnya bagus, balik di rumah kadang-kadang ada kawan-kawan bukan saya, bukan Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk] Hilang tengok pang enam di rumah itu, hilang ilmu-ilmu itu. Itu pang enam yang sebesarnya, walaupun dia panglima sahaja.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, memang hebat pang enam ini ya. Kalau tidak takut dengan pang enam ini, memang jahanamlah. Terima kasih [Ketawa]

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Bukan takut, dia sayang Yang Berhormat Datuk Noriah. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, itulah besarnya pengorbanan yang dibuat oleh pasukan keselamatan kita. Saya bersetuju, hari ini kita boleh bersidang dalam keadaan aman damai, tenteram, kita boleh hantar anak-anak kita berada di jalan raya pada bila-bila masa sekalipun, tidak ada kerisauan. Akan tetapi kalau kita singkap keamanan yang kita dapat hari ini adalah daripada nyawa-nyawa darah orang yang terkorban sebelum ini. Banyak.

Peristiwa Bukit Kepong contohnya, telah berlaku satu tragedi yang cukup luar biasa. Saya tidak ada waktu itu, saya belum lahir, tetapi saya tengok filem Bukit Kepong kerana saya hendak tahu sebab itu sejarah negara saya. Saya hendak tahu apa pasukan keselamatan telah buat untuk negara. Tup, tup ada ahli pembangkang kata, ini sudah buka parti baru sudah. Orang gila jawatan, orang yang hendak jadi pemimpin, dahulu Mat Sabu. Dia kata Mat Indera itulah sebenarnya pahlawan negara.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita dapat nikmat hari ini, saya boleh bercakap di Dewan ini sebagai anak muda yang mewarisi daripada golongan itu, mereka yang buat. Mereka yang sediakan pentas ini. *They are the one who has sacrifices everything*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk kenikmatan yang kita kecapai hari ini. Oleh sebab itu saya rasa memang tepat pada waktunya...

Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat, ada kawan bangun.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Boleh.

Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit Yang Berhormat Senator. Mat Indera dengan perangai dituduh ya, bukan- Mat Sabu. Saya hendak

tanya Mat Sabu ini daripada segi latar belakang akademik, adakah beliau seorang pakar sejarah? Adakah beliau sejarawan macam Prof. Khoo Kay Kim sebab kita tahu semua penulis hari ini hanya dibuat oleh sejarawan yang hebat-hebat. Bukan sahaja di negara ini, bahkan di luar tidak bercakap sedemikian. Persoalan saya, apakah autoriti yang dia ada? Saya bimbang kebelakangan ini cukup banyak orang-orang macam ini yang cuba memutar belitkan sejarah disebabkan sebab-sebab politik dan ini cukup tidak baik kepada negara. Terima kasih.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Saya rasa tidak ada orang yang lebih layak untuk bercakap soal akademik ini melainkan Tan Sri sendiri sebagai seorang bekas Naib Canselor UiTM. Kita pun tahu Mat Sabu ini tahap *level* akademiknya, saya pun tidak tahu setakat mana.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya jawab sedikit?

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Boleh, boleh.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Dia bekas budak ITM...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Akan tetapi tak *pass* bukan?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Diploma pun tak *pass*.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Diploma pun tak *pass*, hendak bercakap fasal sejarah negara tuan-tuan. *To me*, kepada saya Tuan Yang di-Pertua, itu hanyalah satu kenyataan politik yang retorik sahaja. Boleh tuan-tuan, kita boleh berpolitik dalam negara ini. Negara ini mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen, bermaksud demokrasi dibenarkan. *Democracy is supplied to all citizen* dengan izin, boleh. Akan tetapi janganlah sampai sejarah seperti yang Yang Berhormat Tan Sri sebut, yang itu pun hendak dipolitikkan.

Dia lupa Tuan Yang di-Pertua, bila sejarah-sejarah negara ini hendak dipolitikkan, maka generasi yang akan lahir selepas ini generasi yang tidak akan tahu fasal sejarah. Jadi sebab itu kita tidak hendak nanti ada generasi cucu sayakah, anak sayakah, dia akan kata negara ini tiba-tiba mendapat kemerdekaan kerana dia banyak orang macam Mat Sabu ini.

Akan tetapi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya pindaan-pindaan kecil ini sahaja yang kita kena fikirkan. Saya pun kadang-kadang rasa kasihan juga lihat dalam Dewan ini, tidak payah- *we don't go far*. Dalam Dewan ini kita bersidang hari ini, pandang di kiri dan kanan kita, pegawai-pegawai bentara-bentara kita, mungkin ramai di kalangannya ada yang pernah menjadi pasukan keselamatan, anggota tentera. Saya percaya ada.

Cuba lihat yang luar daripada Dewan ini pula, ramai di kalangannya mungkin ada yang bekerja sebagai pengawal keselamatan biasa, ada yang tidak mampu untuk mendapat pekerjaan, tidak diberi peluang, ada yang telah bersara awal. Disebabkan mereka ini pencen awal, maka bersara awal, anak-anaknya masih kecil. Mungkin kita boleh fikirkan bagaimana untuk menambah baik kehidupan mereka.

Saya setuju dengan keadaan kos kehidupan yang agak tinggi, tetapi janganlah nanti pembangkang kata, tengok dia orang mengaku. Tidak. Saya sudah kata dalam perbahasan saya dalam bajet, *it is not a local issue*. Soal ini soal universal. Soal kenaikan harga barang ini bukan berlaku di

Malaysia sahaja, *it's a universal problem*. Akan tetapi kerajaan kita, Perdana Menteri telah cuba tangani perkara ini dengan cukup baik. *InshaaAllah* Yang Berhormat Perdana Menteri pun sudah kata akan fikirkan bagaimana kita hendak mengurangkan kos sara hidup yang agak tinggi sedikit. Akan tetapi dia bukan berlaku di Malaysia sahaja, di semua tempat.

Jadi dalam keadaan semasa hari ini, mungkin boleh kita fikirkan melalui kepimpinan Tan Sri sebagai pengerusi LTAT, dengan adanya Menteri kita yang bijaksana, betul saya setuju. Yang Berhormat Menteri pernah ada di TLDM dan hari ini dia kembali ke Kementerian Pertahanan, boleh fikirkan bagaimana boleh mengangkat taraf kehidupan mereka bukan hanya yang masih dalam *service*, tetapi juga yang telah pun bersara.

Kita faham dengan adanya pemotongan sebanyak 10% ini akan sedikit membebaskan mereka, hendak bagi pada isteri lagi. Itu belum cerita isteri-isteri lagi, sebab isteri-isteri ini boleh tuan-tuan ya. Dia bukan benda yang salah, benda yang dibenarkan. Dalam Dewan ini pun ramai yang ada isteri-isteri yang dibenarkan. Itu yang pang enam-pang enam yang banyak. Betul Puan Shahanim? Jadi...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah?

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Sila.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya masih risau perkataan seorang jeneral takut pada isteri.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Tidak [*Ketawa*]

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Sebab pada saya, persepsi saya jeneral ini orang yang cukup kuat dan hebat. Laksamana, bukan main. Dahulu dia pegang keris, tetapi dia takut. Akan tetapi yang sebenarnya betul, itu sebab pihak-pihak isteri patut menghormati tentera ini sebab seorang kawan saya seorang jeneral. Dia beritahu saya, Ibrahim dia kata, *yes, I'm a general, my wife is a major but in the house, I make a general decision, my wife make a major decision*. Terima kasih [*Ketawa*]

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Yang Berhormat Tan Sri, saya yang ini, *I tend not to agree*lah, bukan maknanya panglima angkatan tentera takut isteri, tidak. Dia tidak mungkin berlaku macam itu, dia panglima angkatan tentera, cuma sayang, kasih. Ini mungkin Datuk Seri Haji Abd. Halim boleh sambungkan. Ada pepatah Melayu kata, "*Sayang isteri ditangan-tangankan*" macam itulah lebih kurang. Itu nanti Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim pakar pantun boleh sambung. Dia tidak takut, ini bukan soal takut, ini soal sayang.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak perbetulkan sedikit kepada Yang Berhormat Datuk Megat. Mana boleh sayang isteri tangan-tangankan. Silap itu, sayang isteri tinggal-tinggalkan, itu baru betul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Kadang-kadang ini yang payah isteri ini. Kita kata tangan-tangankan, kita *pet, pet*, malam kita belai, macam malam ini Khamis malam Jumaat, kita *pet*. Ini suruh tinggal-tinggalkan. Ini yang saya tidak faham ini, kadang-kadang isteri ini. Kita belai, tangan-tangan itu belai.

Jadi balikkah kepada asal cerita itu Tuan Yang di-Pertua. Jadi- hendak tunjuk tidak boleh, itu Yang Berhormat Dato' Khairudin sahaja yang pandai.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada itu, saya rasa ini mesti kita perkasakan sebab rata-rata- Saya setuju mungkin macam adinda Yang Berhormat Datuk Zali kata, suara *major* tetapi saya fikir suara ramai. Kita pun ucap terima kasih kepada mereka selama ini mereka menyokong kita. Kita tidak boleh nafikan mana-mana peti undi yang melibatkan pasukan keselamatan, anggota tentera, kita menang. Itu pun ditohmah juga dahulu macam-macam, kata ini hantulah, dipaksa ah, macam-macam.

■1650

Ini yang masalahnya. Bila menang, kita ditohmah, kata dipaksa. Semua anggota tentera ini dipaksa untuk mengundi Barisan Nasional. Ada yang dituduh kononnya mereka tak mengundi pun. Tahu-tahu kertas undinya sudah pun dipangkah. Akan tetapi bila dia menang tempat itu dia tak nak cakap pula. Ha! Ini masalahnya.

Jadi saya fikir atas penghargaan kembali kepada mereka kerana mereka setia kepada negara ini, *it is not to the party*, dengan izin. Ini bukan soal parti, ini soal negara. Kalau mereka tak ada, tak tahulah apa jadi negara kita. Tak tahu bagaimanalah negara kita punya keadaan di sempadan-sempadan. Baru-baru ini saya pergi ke Perlis. Lalu sahaja Bukit Kayu Hitam. Saya tak masuk tuan-tuan, saya lalu. Saya lalu Bukit Kayu Hitam, saya nampak dan tengok pasukan keselamatan kita bekerja. Saya pun terfikir, bilakah masa mereka ini berehat? *The whole time*, Tan Sri, dengan izin. Saya pernah sekali dulu waktu kecil, cuti sekolah ayah saya suruh ikut salah seorang anak muridnya ke hutan, waktu cuti sekolah.

Berjalan di Raub itu, di Lipis itu, sampai lapan jam baru sampai masuk ke dalam hutan dan saya tengok cara kehidupan mereka. Saya kata, *mashaaAllah*. Macam ini punya azab. Pada saya itu azab. Duduk dalam hutan, dalam keadaan ketakutan, dalam keadaan korek lubang, tidur dalam lubang. Tunjukkan saya *how to survival*, dengan izin. Yang ini Tan Sri lebih tahulah sebagai panglima, bekas panglima. Beraya tidak ada nilai pada mereka, segala-galanya tak ada. Anak sakit tak dapat tengok, isteri sakit tak dapat hantar ke hospital. Jauh sekali dengan kita. Kita, tengah sidang dalam Dewan, isteri telefon anak sakit, kita sempat balik.

Mereka yang ada dalam pedalaman itu tak dapat dihubungi langsung. Ada yang tidak berpeluang untuk menziarahi kaum keluarga yang meninggal pun kerana tidak dapat dihubungi dan mungkin walaupun dihubungi, mereka tak sempat sampai. Inilah pengorbanan pasukan keselamatan kita. Besarnya jasa mereka kepada kita. Jadi apalah sangat kalau dengan adanya pindaan-pindaan seperti ini, kita angkat sedikit taraf kehidupan mereka, kita berikan sedikit.

Saya bersetuju kalau dinaikkan juga pencen mereka *because* nikmat ini kita dapat dan kalau kita lihat pengorbanan yang mereka telah berikan adalah tidak ternilai dengan apa yang kita kecapi hari ini. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, masa pun sudah dekat pukul 5. Saya pun dalam 'ding dong ding dong' pun sudah dekat 20 minit. Saya hendak ucap tahniah kepada Kementerian Pertahanan. Hari ini Yang Berhormat Menterinya ada kerana memikirkan soal pindaan ini. Mudah-mudahan dengan pindaan ini akan mengangkat darjat mereka.

Akan kita dapat berikan mereka kehidupan yang agak *comfortable*, dengan izin, yang selesa bersesuaian dengan jasa mereka kepada negara ini. Jadi sekali lagi saya secara peribadi, dengan ini menyokong penuh pindaan Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera pada petang yang berbahagia ini. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumsalam* Yang Berhormat. Terima kasih. Sekarang saya persilakan Datuk Yahaya.

4.53 ptg.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: *Bismillahir Rahmanir Rahim... [Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang dan ruang kepada saya untuk turut sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera Malaysia.

Saya juga ingin mengambil kesempatan pada petang ini untuk merakamkan tahniah kepada seluruh rakan, Ahli-ahli Dewan kerana sama-sama mencetuskan idea dan memberi penghargaan kepada Angkatan Tentera kita khususnya Lembaga Tabung Angkatan Tentera Malaysia. Saya dalam perbahasan ini saya hendak sentuh dua perkara sahaja iaitu yang pertama, tentang jasa dan kebaikan angkatan tentera itu sendiri dan yang keduanya, tentang kebajikan di kalangan anggota.

Kalau kita imbau kembali dari tahun 60-an, tahun 70-an, sebagaimana rakan-rakan kita telah menterjemahkan tadi dalam ucapannya bahawa orang-orang Melayu waktu itu amat seronok kalau anaknya masuk Angkatan Tentera. Tidak dinafikan saya juga, keluarga saya, adik saya, abang saya, juga di kalangan Angkatan Tentera. Orang Negeri Sembilan khususnya, kalau bunyi tentera ini memang pecah kepala Yang Berhormat [*Ketawa*] Memang seronok. Kalau kita pergi nak minta anak dara dia, kalau pergi nak minta Datuk Khairudin, anak dara dia, bakal pak mentua tanya, "*Anak awak kerja apa? Oh! Anak saya kerja askar. Oh! Soldier, kerja soldier*". Dia kata [*Ketawa*] Maknanya seronok penerimaan dia. "*Oh! Anak engkau kerja soldier*". Dia kata. "*Baguslah, untung kau Milah, untung kau Milah*". Dia kata. "*Air dalam bosi, api dalam kaco. Potik di topi, tongah menyalo*" [*Ketawa*] [*Tepuk*]

Nak, nak orang sebelah-sebelah dekat-dekat dengan kampung Tuan Yang di-Pertua, orang Kuala Pilah, memanglah, pecah kepala. Itulah kedudukannya, sambutannya, keseronokan orang-orang Melayu pada waktu itu apabila melibatkan Angkatan Tentera Malaysia. Saya hendak sebut tentang kebajikan...

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, minta laluan sedikit Yang Berhormat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat Tan Sri, mantan PAT bagi tahu dekat saya, kalau orang zaman British dulu, kalau orang Negeri Sembilan dia tak ambil sebab dia pergi serang seorang. Macam mana Datuk Yahaya kata orang Negeri Sembilan kalau datang *soldier*, datang *soldier*, menantu

dia mesti *soldier*. Kalau *soldier* itu zaman British. Zaman British dia tak boleh masuk *soldier*. Itu saya minta pencerahan daripada Yang Berhormat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Tanya Tan Sri, orang Negeri Sembilan memang cakap *soldier* bukan? Memang *soja* pun. Cakap *soldier* ini angkatan tentera, tentera. Seorang-seorang itu mungkin Dato' Khairudin yang buat cerita [*Ketawa*] Sebenarnya faham, orang Negeri Sembilan faham [*Ketawa*] Dia suruh serang dan seorang itu dia faham sebenarnya kedudukannya. Mungkin ini pandai-pandai buat cerita [*Ketawa*] Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar? Jadi kita tamatkan cerita itu sebab masa dah tak berapa nak ada ini, sebab kalau saya berucap mungkin ambil masa 20 minit atau pun 30 minit. Nanti tak ada kesempatan untuk Yang Berhormat Menteri menjawab. Jangan kacau saya [*Ketawa*]

Soal jasa dan kebaikan angkatan tentera, sepatutnya kerajaan lebih melihat kepada angkatan tentera kita sama ada masih dalam tugas atau pun di luar tugas ataupun sudah bersara. Ia harus dilihat secara terperinci, secara lebih mendalam supaya kebajikan Angkatan Tentera kita terbelah.

Rata-rata rakan-rakan Ahli Dewan kita tadi menyuarakan bahawa tidak ada kesamarataan antara jawatan-jawatan dalam negara kita dan Angkatan Tentera ini mungkin dipandang lebih rendah daripada pegawai-pegawai yang lain. Ini kena ambil kira sebenarnya. Di Parlimen saya ada sebuah kem tentera iaitu Batu Kantonmen yang melibatkan lebih kurang 5,000 orang anggota dan kalau dicampur dengan keluarga, hampir 10,000. Apabila masa pilihan raya yang lepas Ahli-ahli Yang Berhormat, 99% - anggota tentera dalam apa jua keadaan pun tetap memberi sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional [*Tepuk*]

■1700

Kalau kita tengok Datuk Seri Nalla, apakah masalah awak? Kalau kita tengok di Titiwangsa, ada sebuah kem tentera yang besar di Titiwangsa. Titiwangsa hanya dapat majoriti seribu lebih undi untuk mengekalkan kerusi Barisan Nasional di Titiwangsa. Siapakah yang memberi undi itu untuk memenangkan? Tidak lain dan tidak bukan adalah angkatan tentera dan juga keluarga mereka. Ini harus kita tidak boleh *deny* persoalan ini, Yang Berhormat-Yang Berhormat. Begitu juga dengan kem-kem lain. Sungai Petani, walaupun PKR menang tetapi DUN-DUN banyak yang menang, ada yang memang. Ini kerana bantuan dan pertolongan daripada anggota angkatan tentera kita.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, Kem Lapangan Terbang Sungai Petani dan Kem 6 Briged Tentera duduk di dalam Parlimen Merbok di mana Parlimen Merbok dimenangi oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional. Terima kasih.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Hah tengok, tiada siapa boleh nafikan. Sebab itulah saya menggesa di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, tolonglah, bantulah bekas-bekas angkatan tentera kita khususnya yang telah banyak berjasa kepada negara, kepada bumi bertuah ini. Jangan lepas pencen, lepas berhenti angkatan tentera, *sign* 10 tahun, *sign* 15 tahun, *sign* 20 tahun keluar di luar bawa teksi. Teksi pula teksi sewa, sedih kita tengok keadaan. Keadaan hari ini cukup sedih kadang-kadang. Macam tidak ada pembelaan di kalangan anggota tentera, macam kerajaan pandang

endah tak endah dan saya harap Tabung Lembaga Angkatan Tentera juga kena melihat dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua.

Saya suka juga hendak menyentuh dalam masa perkhidmatan. Adik saya seorang tentera telah pergi menemui Allah yang Maha Kuasa, beliau dari Kem Lok Kawi, Sabah. Minta tolong masa itu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib sebagai Menteri Pertahanan. Minta tolong hendak tukar ke Semenanjung, dapat tukar ke Kem Raub di Pahang. Tiga tahun yang lepas, dia telah pergi dengan sakit mungkin jantung ke apa, saya pun kurang pasti tetapi apa yang saya hendak ceritakan hari ini, apabila itu berlaku, suasana itu berlaku, dia meninggalkan tiga orang anak.

Apa yang saya hendak cerita ini di kalangan tentera, di kalangan rakan-rakan tak kira pangkat rendah ataupun pangkat tinggi, mereka bekerjasama membantu. Bawa balik jenazah adik saya dari Raub ke Kota Bharu ke Kampung Dalam Rhu Semerak, Pasir Puteh, Kelantan dengan diiringi oleh dua buah trak tiga tan. Bawa jenazah sampai ke liang lahad mereka membantu jenazah itu. Inilah saya rasa tidak ada dalam pasukan-pasukan lain. Bermaknanya mereka bekerjasama, mereka membantu, mereka menolong antara satu sama lain malah setelah dia pergi, isteri dia tinggal, anak dia tinggal, kebajikan anak dan isteri juga dijaga sampai ke saat ini.

Ini satu perkara yang cukup mengharukan kita, cukup rasa tersentak di hati kita. Sebab itulah kalau ada pihak-pihak di kalangan pihak-pihak yang tidak bersetuju atau memperlekehkan tugas dan tanggungjawab angkatan tentera ini, saya rasa itu cukup tidak adil. Cukup tidak adil, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya pengalaman banyak di kalangan rakan-rakan anggota tentera pasukan keselamatan kita. Sebab itulah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Yang Berhormat Senator Datuk Megat ataupun rakan-rakan yang lain tadi, apabila melibatkan serangan di Tanduo oleh Jamalul Kiram III, Yang Berhormat Ahli Parlimen Batu menyatakan secara umum ini sandiwara UMNO sedangkan perajurit kita, angkatan tentera, dan polis kita berjuang bermati-matian untuk mempertahankan negara, mempertahankan keamanan yang kita ada hari ini tetapi tiba-tiba lontaran itu kita dengar, kedengaran.

Jadi ini perkara-perkara yang tidak patut. Perkara-perkara yang tidak boleh diterima akal dan saya berharap angkatan tentera ataupun Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang dipimpin oleh Tan Sri yang bersama-sama di dalam Dewan hari ini buat sesuatu kebajikan. Fikir tentang kebajikan anggota-anggota tentera kita sama ada yang telah meninggal, sama ada yang telah berhenti pencen, sama ada yang masih dalam jawatan, dalam perkhidmatan. Kita tidak mahu anggota angkatan tentera kita setelah pencen mereka melara. Anggota kita yang telah berkhidmat, berjasa begitu banyak kepada negara akhirnya melara, akhirnya bawa diri. Sebab itulah Abdullah kata tadi bukan dia tak sokong kita, bukan dia tak hendak memberi undi kepada kita tetapi mungkin ada kecil hati dalam perasaan mereka. Mungkin mereka rasa tersentuh, mungkin soal-soal kebajikan tidak diambil kira, tidak dipedulikan. Setengah-setengahnya tetapi bukan semua.

Jadi itulah sedikit sebanyak yang hendak saya sampaikan dalam ucapan, dalam perbahasan saya pada petang ini. Terima kasih banyak-banyak dan masa masih ada 20 minit mungkin sempat Yang

Berhormat Menteri untuk memberi jawapan di atas apa yang kita bincang, apa yang kita perbahaskan di dalam Dewan yang mulia ini. Doa saya kepada seluruh angkatan tentera supaya mereka terus beristiqamah dalam perjuangan, supaya mereka dilindungi oleh Allah SWT, supaya mereka terus bersama-sama mempertahankan negara yang tercinta ini. Dengan ini saya mohon menyokong RUU Tabung Lembaga Angkatan Tentera Malaysia. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum kita berakhir, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat semula supaya kita ada hanya dua hari lagi iaitu hari Isnin dan hari Selasa dan saya mohon kerjasama semua Ahli Yang Berhormat yang berhasrat untuk berbahas pada dua hari iaitu Isnin dan Selasa, sila kemukakan nama. Saya akan beri peluang seluas-luasnya kepada Yang Berhormat berbahas tetapi kemukakan nama Yang Berhormat sekarang senang untuk saya buat percaturan masa. Tanpa buang masa, saya persilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua:

5.08 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya, pertama sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada 13 Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas panjang lebar berkenaan dengan RUU Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015, Kementerian Pertahanan. Saya tengok banyak perkara yang telah dibangkitkan, ada yang sesetengahnya tidak ada kaitan dengan rang undang-undang pun. Soal kahwin, nikah apa semua ini. Itu tak termasuk dalam perbincangan kita.

Jadi saya hanya akan menjawab yang berkaitan dahulu iaitu berkenaan dengan kenapa Gabenor Bank Negara telah dikeluarkan, berkenaan dengan pencaruman dan sebagainya. Sekiranya kita tidak ada masa, perkara lain-lain itu yang dibangkitkan kebanyakannya ialah berkaitan dengan pencen angkatan tentera, skim perkhidmatan angkatan tentera. Kenapa mereka bersara lebih awal, tak sama seperti polis dan sebagainya. Berkenaan dengan perumahan angkatan tentera, memang perumahan sedang kita laksanakan sekarang ini tetapi tak sesuai saya jawab di sini kerana ini ialah melibatkan sebenarnya dalam perbahasan Bajet yang patut dibangkitkan iaitu berkenaan dengan kebajikan.

■1710

Memang kebajikan sedang dibuat, yang dipengerusikan oleh PBATM, yang dipengerusikan oleh Tan Sri, ada 10 *blueprint* yang akan dibenteng kepada kementerian dan kementerian sedang kaji berkenaan dengan perkara ini. Selain itu, berkenaan dengan perkara-perkara yang lain itu saya akan berhubung secara *direct*, macam 2-3 perkara yang telah dibangkitkan.

Kita balik kepada akta ini, akta yang akan kita pinda. Yang pertama sekali ialah Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor yang bertanyakan kenapa atau sebab diwujudkan LTAT untuk warga tentera. Organisasi angkatan tentera tidak membuat sebarang

pencaruman di bawah skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP seperti mana pegawai perkhidmatan awam yang lain. Atas faktor ini LTAT diwujudkan khas untuk memastikan wujudnya satu skim faedah persaraan kepada laskar, di samping faedah-faedah persaraan sedia ada yang diperuntukkan oleh kerajaan. Mengambil kira iktibar dan manfaat yang diperolehi oleh anggota lain-lain pangkat selama ini, Kementerian Pertahanan dan ATM berhasrat untuk turut memanjangkan caruman wajib LTAT ini kepada pegawai dalam perkhidmatan ATM.

Oleh itu, pendekatan ini dibuat adalah berdasarkan kepada keprihatinan dalam menjaga kebajikan pegawai ATM bagi memastikan mereka mempunyai kedudukan kewangan yang terjamin selepas menamatkan perkhidmatan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat pada pindaan yang dicadangkan iaitu Fasal 2 dan Fasal 5 yang memperluaskan caruman kepada pegawai. Subfasal 7(b) bagi pengeluaran caruman untuk apa-apa maksud yang akan ditentukan oleh Lembaga.

Fasal 10 melibatkan kelulusan Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan Kementerian Kewangan untuk LTAT membuat pinjaman kewangan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menyokong rang undang-undang ini bagi memastikan kebajikan ATM akan terus dipertingkatkan. Yang Berhormat juga menyentuh berkenaan dengan pindaan seksyen 6(2) untuk mengeluarkan Gabenor atau Timbalan Gabenor Bank Negara daripada Panel Pelaburan. Perlu diperjelaskan kerana seolah-olah ia ingin lari daripada *guidelines* yang telah ditetapkan oleh Bank Negara. Perkara ini dibangkitkan oleh beberapa oleh beberapa Ahli Yang Berhormat Senator tadi. Jadi, saya akan jawab ini. Maknanya, merangkumi yang lain-lain yang telah dibangkitkan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara itu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pindaan ini dibuat dengan mengeluarkan Gabenor Bank Negara daripada menjadi Ahli Panel Pelaburan LTAT, bertujuan untuk mengemas kini akta selaras dengan keputusan LTAT. Mesyuarat LTAT pada 7 Mac 2011, Gabenor Bank Negara berpendapat, ini Gabenor Bank Negara berpendapat, bukan LTAT kita, Bank Negara berpendapat pelantikan ini mungkin menimbulkan konflik dengan jawatan dan tanggungjawab beliau menganggotai badan yang mengawal dasar monetari negara. Memandangkan LTAT memiliki kepentingan di dalam syarikat-syarikat kewangan seperti Affin Bank, Affin Holdings dan sebagainya.

Mesyuarat LTAT pada 13 Jun 2011, pelantikan Gabenor Bank Negara atau Timbalan Gabenor Bank Negara sebagai panel digugurkan di bawah seksyen 6(2), Akta LTAT. Ini kerana Bank Negara berpendapat mungkin terdapat pencanggahan daripada segi kepentingan jawatan dan tanggungjawab dalam pelantikan tersebut. Bank Negara ada tulis surat. Bank Negara melalui suratnya bertarikh 28 Julai 2011, sebelum isu-isu 1MDB ini dimainkan. Memaklumkan Gabenor Bank Negara dan Timbalan Gabenor Bank Negara tidak dapat meneruskan perwakilan dalam pelaburan LTAT berdasarkan kepada Akta Bank Negara Malaysia 2009, seksyen 15(8), Gabenor dan Timbalan Gabenor hendaklah melainkan jika diperuntukkan selain di bawah akta ini, menumpukan sepenuh masa profesional mereka kepada

perkhidmatan bank dan semasa memegang jawatan ini tidak boleh memegang apa-apa jawatan dan pekerjaan lain sama ada dengan saraan atau tidak.

Pindaan dengan mengeluarkan Gabenor dan Timbalan Gabenor Bank Negara daripada panel pelaburan tidak ada kaitan dengan tidak mematuhi *guidelines* yang dikeluarkan oleh Bank Negara. Panel pelaburan LTAT terdiri daripada pakar-pakar daripada pelbagai bidang pengurusan kewangan dan ekonomi negara. Jadi, saya harap Yang Berhormat faham berkenaan dengan perkara ini. So, saya harap perkara ini bukan lagi menjadi isu kerana ia merupakan kehendak dari Bank Negara. Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi, pun banyak bercakap tadi. Saya hanya sentuh yang ada kaitan Yang Berhormat Dato'.

Terdapat anggota berpangkat Pegawai Waran Satu ke atas yang ditauliahkan sebagai pegawai yang tidak berpuas hati kerana tidak boleh terus mencarum di bawah LTAT. Buat masa sekarang, Akta Tabung Angkatan Tentera hanya membenarkan anggota lain-lain pangkat sahaja untuk mencarum secara wajib di bawah LTAT. Anggota-anggota lain pangkat yang dinaikkan pangkat sebagai pegawai akan diberi opsyen untuk meneruskan caruman secara sukarela. Dengan tambahan seksyen 9(5) yang baru, anggota lain-lain pangkat yang ditauliahkan sebagai pegawai kini boleh meneruskan caruman secara wajib.

Satu lagi yang dibangkitkan ialah terdapat juga pegawai-pegawai yang berminat untuk mencarum secara wajib tetapi tidak dibenarkan sebelum ini. Sementara itu, dengan tambahan seksyen 9(a) yang baru, pegawai-pegawai yang akan ditauliahkan selepas tarikh akta ini berkuat kuasa akan diwajibkan untuk mencarum secara wajib. Iaitu pegawai-pegawai baru, lah. Bukan yang seperti mana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Datuk Zali tadi iaitu pada Mejar dan sebagainya. No, ini kepada pegawai-pegawai baru iaitu Leftenan Muda yang baru keluar. Mereka inilah yang terlibat, yang wajib dipotong. Bukanlah kepada yang pangkat Mejar, itu terpulang kepada mereka kalau mereka secara sukarela, kita boleh terima tetapi bukan menjadi wajib kepada mereka. Hanya pegawai-pegawai yang baru yang akan ditauliah mulai pada tahun depan.

Bagi pegawai-pegawai yang berada dalam perkhidmatan dan berkhidmat kurang daripada 25 tahun, mereka akan dibagi pilihan tawaran opsyen sama ada bersetuju untuk mencarum secara wajib atau tidak. Bagi pegawai yang telah berkhidmat genap 25 tahun atau lebih, mereka tidak akan ditawarkan opsyen untuk terus mencarum secara wajib. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai boleh membuat caruman secara sukarela. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu berkenaan kesamarataan pangkat antara PDRM dengan ATM. Untuk maklumat Yang Berhormat, mulai 1 Januari 2013, skim perkhidmatan ATM telah ditambah baik bertujuan untuk memperkasakan lagi perkhidmatan ATM.

■1720

Melalui penambahan skim yang dibuat ini, kemasukan ke dalam perkhidmatan bagi pegawai ATM dan anggota lain-lain pangkat masing-masing adalah berdasarkan kepada kelulusan sarjana muda untuk

pegawai, manakala bagi lain-lain pangkat, kelulusan kemasukan SPM, STPM dan diploma. Jadi, Yang Berhormat Datuk Yahaya, Darjah 6 sudah tidak ada lah. Sekarang ini semua diploma dan ke atas.

Dengan berkuat kuasanya penambahbaikan skim ini, keserataan gred antara perkhidmatan awam dan ATM dapat diselaraskan berdasarkan kepada Gred 41 bersamaan dengan pangkat Leftenan Muda ATM. Keseragaman gred ini juga memberi penambahbaikan terhadap kemudahan anggota ATM mengikut gred yang baru. Sebagai contoh, kelayakan hospital kerajaan bagi anggota berpangkat Sarjan kelas pertama berbanding kelas dua sebelum ini.

Yang Berhormat Datuk Suhaimi juga membangkitkan berkenaan dengan potongan gaji kepada isteri anggota. Angkatan Tentera telah menetapkan peraturan kepada setiap anggota tentera yang telah berkahwin diwajibkan membuat potongan peruntukan paksa secara bulanan kepada gaji bulanan anggota kepada isteri mereka sebagai sara hidup.

Jumlah potongan paksa, dipaksa, bukan sukarela, adalah seperti berikut. Bagi pegawai, 10 peratus daripada gaji semasa pegawai, manakala bagi anggota lain-lain pangkat, 22 peratus daripada gaji minimum mengikut pangkat.

Isu potongan gaji kepada ibu bapa anggota tentera. Bagi isu pempotongan gaji kepada ibu bapa anggota tentera pula, setiap anggota dibenarkan membuat potongan bulanan secara sukarela. Untuk ibu bapa ia secara sukarela tetapi untuk isteri dipaksa.

Yang Berhormat Datuk Suhaimi juga bertanya sekiranya anggota mempunyai lebih isteri. Lebih isteri- peraturan telah menetapkan gaji hanya isteri yang pertama. Jadi, peraturan dan syarat-syarat poligami- saya tidak payah bacalah itu. Nanti orang marah pula.

Yang Berhormat Datuk Suhaimi juga membangkitkan berkenaan dengan gred PDRM. Itu telah saya jawab tadi. Kementerian mengambil maklum dan kita akan kaji semula daripada segi- kadang-kadang kita faham. Macam tadi saya pergi ke Maktab Tentera Diraja, saya merasmikan hari Tamat Latihan Putera, kita punya pegawai komandan itu ialah berpangkat *Chief Colonel* tetapi pengetua dia Gred 54. Jadi, berbeza antara pengetua dia yang grednya sudah lebih tinggi daripada dia. So, sekarang dia punya gred sekurang-kurangnya di situ mestilah bagi brigedier *one star*. Jadi, benda-benda ini kita sedang lakukanlah supaya diselaraskan kerana ini daripada segi *command*lah kerana *assessment* yang dibuat ialah dibuat oleh komandan kepada guru yang berkenaan. Ada juga guru-guru biasa yang ada di sekolah itu yang mempunyai Gred 54. Jadi, perkara ini sedang kita kaji.

Yang Berhormat Senator Datuk Suhaimi juga bertanya berkenaan LTAT memastikan pelaburan yang dibuat mengikut syariah *compliance*. Ini banyak yang ditanya. Jadi saya jawab sekalilah. LTAT melabur dalam pelaburan yang dikategorikan sebagai etika. Dengan pendekatan ini, LTAT tidak terlibat dengan industri arak dan perjudian. Jadi, yang mana tidak ini, kita tidak terlibat. Jadi, hanya yang beretika sahaja yang dilaburkan. Jadi Yang Berhormat Dr. Ariffin tadi, sama juga dengan Datuk Suhaimi, saya sudah jawab. Yang Berhormat Dr. Ariffin ada bertanya berkenaan dengan pengeluaran Gabenor Bank Negara, pun sudah saya jawab. Berkenaan dengan memastikan pelaburan syariah pun sudah saya jawab.

Berkenaan dengan pengeluaran selain daripada pembelian rumah apakah sebab-sebab lain yang membolehkan pengeluaran. Yang Berhormat, pindaan kepada akta yang membolehkan Lembaga menetapkan terma bagi mengeluarkan caruman adalah bertujuan untuk memberi fleksibiliti kepada LTAT. Antara tujuan mengeluarkan yang dicadangkan ialah untuk mengerjakan haji. Setakat ini mengerjakan haji. Yang lain-lain belum lagilah. Daripada semasa ke semasa mereka akan membuat keputusan.

Walau bagaimanapun, LTAT akan memastikan bahawa tujuan asal penubuhan LTAT akan sentiasa terjamin iaitu untuk menyediakan faedah persaraan dan kedudukan kewangan yang terjamin selepas menamatkan perkhidmatan kelak dan syarat-syarat pengeluaran adalah sangat terkawal.

Satu lagi, Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan CSR. Saya hendak jawab ini panjang sedikit, tidak apa. Setakat 31 Oktober 2015, daripada sejak penubuhannya, sumbangan CSR LTAT ialah pertama, sumbangan wang tunai untuk anugerah cemerlang akademik anak-anak ATM yang memberi manfaat kepada 9,970 orang berjumlah sebanyak RM8,402,000.

Kemudian, sumbangan pada Tabung Hari Pahlawan sebanyak RM8 juta, sumbangan kepada bantuan kebajikan di bawah KEMENTAH, pemberian subsidi bagi pemilik-pemilik mampu milik rumah sebanyak RM41 juta yang melibatkan seramai 9,970 orang, sumbangan *one-off* untuk bekas ATM yang tidak berpencen sebanyak 42,197 orang yang melibatkan RM42 juta, sumbangan *one-off* untuk banjir di kawasan Pantai Timur yang terdiri daripada warga KEMENTAH seramai 1,650 orang sebanyak RM865,000.

Seterusnya, program subsidi prihatin PERNAMA untuk 21 kategori barang. PERNAMA menawarkan 21 kategori kepada barang-barang iaitu kita belanja sebanyak RM32 juta. Jadi, barang-barang yang dijual di PERNAMA juga ada subsidi. Juga, menawarkan peluang latihan kerjaya kepada bekas-bekas ATM graduan di kalangan anak-anak ATM. Jadi, jumlah semua yang kita bagi setakat ini yang mendapat manfaat ialah seramai 53,870 orang yang melibatkan RM140,490,000. Ini yang telah kita bagi.

Kemudian, sumbangan Yayasan Warisan Perajurit pula iaitu Program Biasiswa Bantuan Kewangan untuk anak-anak Angkatan Tentera yang cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan sebagainya, sebanyak 57,705 orang yang melibatkan sebanyak RM57 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah lagi?

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum: Panjang, memang panjang tetapi walau bagaimanapun, saya hanya hendak menyentuh tentang yang ini sahaja. Jadi, sebenarnya jumlah yang kita bagi CSR setakat ini yang melibatkan 119,709 orang yang melibatkan RM206,639,000. Ini yang telah dibagi lah.

Saya rasa banyak lagi yang lain-lain itu tidak berapa ada kaitan. Saya rasa baik saya bagi jawapan bertulis. Ini yang dibangkitkan yang saya rasa yang ada kaitan dengan Tabung Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang lain Yang Berhormat cuba jawab bertulis lah.

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum: Saya akan bagi- yang lain-lain itu ialah berkenaan dengan banyak kalau disebut tadi berkenaan dengan pencen. Berkenaan dengan pencen, kita akan kaji

semula sekali skim perkhidmatan ATM supaya mereka ini tidak ada lagi yang berhenti, maknanya berpencen. Ini sedang kita buat. Perumahan...

■1730

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jawab dengan bertulis Yang Berhormat.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ya, saya akan jawab secara bertulis. Perumahan yang dibangkitkan oleh saudara Senator kita yang baru, itu semua kita akan buat. Tahun depan kita akan ada 4,000 lebih unit akan dibuat. Selepas itu sehingga tahun 2020 kita akan bina 34,000 unit rumah untuk ATM. Bagi bekas-bekas tentera, kita mohon pada kerajaan negeri untuk bagi tanah kepada LTAT. Bagi tanah pada LTAT, *InshaaAllah* Tuan Yang di-Pertua kita boleh bina rumah. Tanah kita dapat secara murah, jadi rumah itu tidak ada kos tanah, jadi *InshaAllah* kita boleh bagi.

Daripada segi keselamatan, hari itu ada sedikit berkenaan dengan sama ada sekarang ini bukan zaman komunis tetapi untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan sekarang ini seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Megat tadi, angkatan tentera kita walaupun dalam keadaan kita ini, kita masih bersiap sedia seperti kita nak berperang walaupun kita tak berperang. Jadi sebab itulah hari ini kita duduk dengan aman damai, sebab itu kita tidak diceroboh walaupun hari ini ada pencerobohan kerana ada petualang-petualang dari dalam yang cuba, yang memberi rangsangan kepada mereka untuk terlibat. Jadi berkenaan dengan itu saya rasa...

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, ada pertanyaan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, saya akan berjumpa dengan Yang Berhormat dan akan bagi secara *detail*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, siapa yang belum dijawab itu, saya minta Yang Berhormat jawab secara bertulis.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, bagi saya secara *detail*, spesifik berkenaan dengan mereka yang terlibat itu supaya tindakan boleh diambil. Itu sahaja, jadi sekali lagi saya ucap terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah berbahas panjang lebar sampai satu hari ini, saya ucap terima kasih banyak-banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal 1 dan 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang sampai masanya tamat persidangan hari ini. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, saya telah terima banyak permohonan untuk berbahas dalam Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Saya bersedia dan mendengar memberi peluang kepada Yang Berhormat berbahas dan saya harap Yang Berhormat pada hari Isnin akan datang bersedia dan sila kemukakan hujah-hujah yang bernas, yang berkualiti, tidak emosi untuk mendapat satu keputusan yang baik. Ada masa dua hari untuk membuat persiapan, elok membuat persiapan dan juga kepada semua saya akan beri masa seluas-luasnya.

Sekian, terima kasih. Mesyuarat akan disambung semula pada hari Isnin yang akan datang. Sekian.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.36 petang.]